

FADHILAT SOLAH

FADHILAT SOLAH

Oleh
SYAIKHUL HADITH MAULANA MUHAMMAD
ZAKARIYYA

Terjemahan
Lujnah Terjemahan
Madrasah Miftahul 'Ulum
Seri Petaling

Diterbitkan oleh
ERA ILMU SDN BHD

Untuk
MADRASAH MIFTAHUL 'ULUM
SERI PETALING
57000 KUALA LUMPUR

FADHILAT SOLAH

KANDUNGAN

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Allah Yang Maha Mulia yang mengurniakan taufik dan hidayat serta memudahkan saya untuk menerbitkan buku karangan Hazrat Syaikhul Hadith Maulana Muhammad Zakariyya rahmatullahi 'alaih.

Beliau adalah seorang alim yang terkenal dalam dunia ilmiah dan tazkiah, terutama dalam bidang hadith dengan kitab-kitab tulisannya yang berbagai tajuk berjumlah 29 buah yang telah dicetak, termasuk 'Aujazul-Masalik Syarah Muwatta Imam Malik'.

Sekiranya keadaan kematian adalah tanda maqbul atau tidaknya seseorang itu di sisi Allah ﷻ maka pastinya Hazrat Maulana Muhammad Zakariyya rah. adalah salah seorang yang dapat dianggap maqbul di sisiNya. Beliau dilahirkan di Kandhala, Uttar Pradesh, India. Beliau dibesarkan di Shaharanpur dan kemudian menghabiskan masa muda dan tenaganya dalam mencurahkan khidmat secara sukarela tanpa mengambil sebarang upah atau gaji dalam perkhidmatan beliau terhadap ilmu hadith selama 54 tahun di Jami'ah Mazahirul-'Ulum, Shaharanpur di benua kecil India.

Walaupun hemah, kesungguhan dan cita-cita beliau masih tinggi untuk mencurahkan ilmu namun, tenaga dan kesihatan tidak mengizinkan lagi beliau berkhidmat. Beliau telah berhijrah ke Madinah Munawwarah untuk menghabiskan hari-hari terakhirnya di sana. Beliau meninggalkan alam yang fana ini ke pangkuan Ilahi pada tahun 1402 Hijrah bersamaan 1982 Masihi dan dikebumikan di Jannatul-Baqi' di sisi perkuburan Ahlul-Bait.

Kitab-kitab fadhilat tulisan beliau telah tersebar dan digunakan dengan meluas di seluruh dunia. Kitab-kitab itu juga telah diterjemah ke dalam beberpuluh-puluh bahasa. Terjemahan dalam bahasa Melayu telah dibuat lebih dari 20 tahun yang lalu berpandukan naskhah terjemahan bahasa Inggeris.

Lujnah Terjemahan Madrasah Miftahul 'Ulum, Seri Petaling telah berusaha dengan gigih untuk merterjemah semula dari kitab asal berbahasa Urdu dengan lebih tepat dan sempurna. Saya berbesar hati dan berterima kasih kepada pihak Madrasah kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menerbitkan buku ini. Walaupun kos penerbitan meningkat sekali ganda namun pihak penerbit masih dapat menetapkan harga pada kadar yang paling rendah.

Semoga Allah ﷻ membalas dengan sebaik-baik balasan kepada Lujnah Terjemahan Madrasah Miftahul 'Ulum, Seri Petaling yang terdiri daripada Tuan Haji Khalid Mustafa, Ustaz Abdul Hamid bin Hj. Chin, Ustaz Ismail bin Mat Deris, Ustaz Muhammad Razif bin Abdul Wahab dan Ustaz Husnul Hizam bin Hamzah juga semua ustaz Madrasah Miftahul'Ulum. Tidak dilupakan Prof. Dr. Hashim Musa, Dr. Ahmad Mahmud dan Cikgu Azman bin Ismail yang telah membantu dalam semakan bahasa sehingga kitab ini dapat diterbitkan.

Semoga Allah ﷻ menerima hasil usaha yang dibuat dan dijadikan sebagai amal jariah bagi setiap mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menerbitkan kitab ini. Diharapkan kitab ini akan membawa manfaat kepada seluruh umat.

Wassalam

PENERBIT

بسم الله الرحمن الرحيم

MUKADIMAH

نَحْمَدُهُ وَنَشْكُرُهُ وَنُصَلِّى وَنُسَلِّمُ عَلَى رَسُوْلِهِ الْكَرِيْمِ وَ عَلَى الِهِ وَ صَحْبِهِ وَ أَتْبَاعِهِ الْحُمَاةِ لِلدِّيْنِ الْقَوِيْمِ وَ بَعْدُ فَهَذِهِ أَرْبَعُوْنَةٌ فِى فَضَائِلِ الصَّلَاةِ جَمَعْتُهَا إِمْتِثَالاً لِأَمْرِ عَمِّى وَ صِنْوِ أَبِى رَقَاهُ اللهُ اِلَى الْمَرَاتِبِ الْعُلْيَا وَ وَفَّقَنِى وَ إِيَّاهُ لِمَا يُحِبُّ وَ يَرْضَى اَمَّا بَعْدُ

Pada zaman ini keadaan umat yang tidak mengambil endah dan tidak memberi perhatian terhadap agama sudah jelas dan tidak perlu diterangkan lagi. Bahkan solah pun sangat dilalaikan dan diabaikan. Sedangkan solah merupakan suatu ibadat yang terpenting dan disepakati oleh seluruh ulama bahawa selepas iman, solah merupakan amalan yang lebih afdal daripada seluruh ibadat-ibadat fardu yang lain dan solah juga amalan yang pertama sekali akan disoal pada hari kiamat. Yang lebih menyedihkan lagi ialah tiada satu suara pun yang kedengaran untuk menarik perhatian umat ke arah agama dan tidak ada apa-apa bentuk dakwah pun yang wujud. Berdasarkan pengalaman, saya terfikir bahawa untuk mengatasi masalah ini satu usaha perlu dibuat supaya sabdaan-sabdaan Rasulullah ﷺ dapat disampaikan kepada orang ramai. Sungguhpun terdapat pelbagai masalah yang cuba menghalang dan melemahkan saya namun saya masih menaruh harapan dan yakin bahawa mereka yang berfikiran bersih serta tidak menentang agama, insya-Allah pasti akan terkesan dengan sabdaan-sabdaan yang suci dan diharap juga mereka akan mendapat manfaat daripada keberkatan Baginda ﷺ dan sabdaannya. Lantaran dorongan daripada beberapa orang yang mukhlis serta harapan daripada kawan-kawan, menambah keyakinan bahawa usaha ini akan

membawa kejayaan. Justeru, dalam kitab ini saya bentangkan beberapa terjemahan hadith yang berkaitan dengan solah. Kitab saya yang berkenaan dengan tabligh disebarkan dengan nama 'Fadhilat Tabligh'. Oleh itu, saya namakan kitab ini 'Fadhilat Solah' dan menjadikan kitab ini sebagai kitab yang kedua dalam siri kitab-kitab kelebihan amal.

وَمَا تَوْفِيْقِى اِلاَّ بِاللهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَ اِلَيْهِ اُنِيْبُ

Berhubung dengan solah, secara umum orang Islam terbahagi kepada tiga golongan. Pertama ialah golongan yang langsung tidak menghiraukan solah. Kedua ialah golongan yang menunaikan solah tetapi tidak mementingkan solah dengan berjemaah dan ketiga ialah golongan yang bersolah serta mementingkan solah dengan berjemaah, tetapi masih menunaikan solah dengan sambil lewa dan tidak memberati adab-adab bersolah. Justeru, kitab ini dibahagikan kepada tiga bab yang bersesuaian dengan tiga golongan di atas. Dalam setiap bab diutarakan hadith-hadith Nabi ﷺ, terjemahan dan keterangan hadith-hadith tersebut. Namun, terjemahan yang jelas dan mudah difahami lebih diutamakan daripada terjemahan lafaz ke lafaz. Oleh kerana ramai juga di kalangan para alim ulama yang menyeru manusia ke arah solah maka disamping matan hadith, semua rujukan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan hadith yang diperlukan oleh alim ulama ditulis dibawah matan hadith dalam bahasa 'Arab. Sungguhpun perkara ini tidak akan memberi apa-apa manfaat kepada orang awam namun kadang kala diperlukan juga oleh mereka yang menjalankan kerja tabligh.

MUHAMMAD ZAKARIYYA KANDHALAVI
MAZAHIRUL ULUM
SAHARANPUR
7 MUHARAM 1358

BAB 1

KEPENTINGAN SOLAH

Bab ini mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama menerangkan tentang kelebihan solah dan bahagian kedua menerangkan amaran dan celaan terhadap mereka yang meninggalkan solah.

BAHAGIAN PERTAMA

KELEBIHAN SOLAH

HADITH 1

عَنِ ابْنِ عُمَرَ ﷺ قَالَ قَالَ عَبْدُ اللهِ ﷺ قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ بُنِيَ الإِسْلامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لا إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَإِقَامِ الصَّلاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَحَجِّ الْبَيْتِ وَصَوْمِ رَمَضَانَ. متفق عليه، وقال المنذري في الترغيب رواه البخاري ومسلم وغيرهما عن غير واحد من الصحابة.

Diriwayatkan daripada Hazrat 'Abdullah bin 'Umar r.anhuma katanya Rasulullah ﷺ bersabda, "Islam dibina atas lima (rukun). Bersaksi bahawasanya tiada Tuhan selain Allah ﷻ dan Muhammad adalah hambaNya dan RasulNya, mendirikan solah, mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan berpuasa pada bulan Ramadhan." (Hadith riwayat Bukhari dan Muslim)

Keterangan

Kelima-lima perkara di atas merupakan asas Islam yang unggul dan rukun yang penting. Dalam hadith ini, Nabi ﷺ mengibaratkan Islam sebagai sebuah khemah yang ditegakkan oleh lima batang tiang. Tiang tengah ialah kalimah syahadah, sementara keempat-empat tiang di empat penjuru khemah itu merupakan empat lagi rukun Islam yang lain. Tanpa tiang tengah, khemah tersebut tidak boleh ditegakkan sama sekali. Jika khemah

itu ada tiang tengah dan salah satu daripada empat tiang tadi tidak ada maka khemah itu masih dapat ditegakkan tetapi penjuru yang tiada tiang itu akan cacat dan condong. Setelah mengetahui sabdaan Nabi ﷺ yang tersebut, kini marilah kita sama-sama menyemak diri kita sendiri sejauh manakah teguhnya khemah yang telah kita dirikan itu dan rukun Islam yang manakah telah dapat kita jaga dengan sempurna? Sebenarnya kelima-lima rukun Islam tersebut amat penting sehingga dijadikan sebagai asas Islam. Sebagai seorang Islam, kita sangat perlu mengambil berat terhadap kesemua rukun Islam itu tetapi amalan yang terpenting sesudah iman ialah solah.

Hazrat 'Abdullah bin Mas'ud ؓ berkata bahawa beliau bertanya kepada Rasulullah ﷺ, "Amalan manakah yang paling disukai oleh Allah ﷻ?" Baginda ﷺ menjawab, "Solah". Saya bertanya lagi, "Selepas solah apa pula?" Jawab Baginda ﷺ, "Berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa." Saya bertanya lagi, "Selepas itu apa pula?" Rasulullah ﷺ bersabda, "Jihad". Mulla 'Ali Qari rah. berkata bahawa hadith ini menjadi dalil bagi pendapat ulama yang menegaskan bahawa solah adalah amalan yang paling afdal selepas iman. Pendapat ulama tersebut dikuatkan lagi dengan sebuah hadith sahih yang berbunyi, "الصلاة خير موضوع" yakni, sebaik-baik amalan yang diperintahkan oleh Allah ﷻ kepada hambaNya adalah solah.

Tentang solah yang merupakan amalan paling afdal antara semua ibadat yang lain, diterangkan dengan jelas dalam banyak hadith sahih. Antara hadith tersebut ada yang terkandung dalam kitab 'Jamiu' Saghir' (الجامع الصغير) seperti yang diriwayatkan oleh lima orang sahabat iaitu Hazrat Thauban, Hazrat Ibnu 'Amr r.anhuma, Hazrat Salamah, Hazrat Abu Umamah dan Hazrat 'Ubadah ؓ. Diriwayatkan daripada Hazrat Ibnu Mas'ud ؓ dan Hazrat Anas ؓ bahawa amalan yang terbaik ialah mengerjakan solah tepat pada waktu solah (الجامع الصغير). Diriwayatkan juga daripada Hazrat Ibnu 'Umar r.anhuma dan Hazrat Ummi Fardah r.anha bahawa amalan yang paling baik ialah solah pada awal waktu.

HADITH 2

عَنْ أَبِى ذَرٍّ ﷺ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ خَرَجَ فِى الشِّتَاءِ وَ الْوَرَقُ يَتَهَافَتُ فَأَخَذَ بِغُصْنٍ مِنْ شَجَرَةٍ قَالَ فَجَعَلَ ذَلِكَ الْوَرَقُ يَتَهَافَتُ فَقَالَ يَا اَبَا ذَرٍّ قُلْتُ لَبَّيْكَ يَا رَسُوْلَ اللهِ قَالَ إِنَّ الْعَبْدَ الْمُسْلِمَ لَيُصَلِّى الصَّلاَةَ يُرِيْدُ بِهَا وَجْهَ اللهِ فَتَهَافَتُ عَنْهُ ذُنُوْبُهُ كَمَا تَهَافَتْ هَذَا الْوَرَقُ عَنْ هٰذِهِ الشَّجَرَةِ.

رواه احمد باسناد حسن كذا فى الترغيب.

Hazrat Abu Zar ﷺ berkata, "Suatu ketika Rasulullah ﷺ keluar pada musim sejuk semasa daun-daun gugur, lantas Baginda ﷺ memegang dahan dari sebatang pokok maka daun-daun tersebut mulai gugur dengan lebat dari dahan tersebut. Baginda ﷺ bersabda, "Wahai Abu Zar." Saya menyahut, "Saya, Ya Rasulullah." Kemudian Baginda ﷺ bersabda, "Apabila seseorang Islam menunaikan solah untuk mendapat keredaan Allah ﷻ, dosanya gugur seperti gugurnya daun-daun ini dari pokok." (Hadith riwayat Imam Ahmad)

Keterangan

Pada musim sejuk banyak sekali daun yang gugur sehingga kadang-kadang tiada sehelai daun pun yang tertinggal pada sesetengah pohon. Inilah yang merupakan mafhum daripada sabdaan Nabi ﷺ iaitu solah yang dilaksanakan dengan ikhlas akan menghapuskan semua dosa sehingga tidak ada satu dosa pun yang tertinggal. Walau bagaimanapun, satu perkara perlu diberi perhatian iaitu rumusan daripada kajian yang mendalam daripada para alim ulama berdasarkan al-Quran dan hadith menyatakan bahawa hanya dosa kecil sahaja yang akan terampun melalui solah dan amalan-amalan kebaikan yang lain. Dosa besar tidak terampun tanpa bertaubat. Oleh itu, di samping mengerjakan solah, kita hendaklah juga mengambil berat untuk bertaubat dan beristighfar dan janganlah mencuaikan perkara ini. Lainlah jika Allah ﷻ mengampun dosa besar seseorang dengan limpah rahmatNya.

HADITH 3

عَنْ أَبِي عُثْمَانَ قَالَ كُنْتُ مَعَ سَلْمَانَ الْفَارِسِيِّ ﷺ تَحْتَ شَجَرَةٍ وَأَخَذَ مِنْهَا غُصْنًا يَابِسًا فَهَزَّهُ حَتَّى تَحَاتَّ وَرَقُهُ ثُمَّ قَالَ يَا أَبَا عُثْمَانَ أَلَا تَسْأَلُنِي لِمَ أَفْعَلُ هَذَا قُلْتُ وَلِمَ تَفْعَلُهُ فَقَالَ هَكَذَا فَعَلَ رَسُولُ اللهِ ﷺ وَأَنَا مَعَهُ تَحْتَ شَجَرَةٍ فَأَخَذَ مِنْهَا غُصْنًا يَابِسًا فَهَزَّهُ حَتَّى تَحَاتَّ وَرَقُهُ فَقَالَ يَا سَلْمَانُ أَلَا تَسْأَلُنِي لِمَ أَفْعَلُ هَذَا فَقُلْتُ وَلِمَ تَفْعَلُهُ قَالَ إِنَّ الْمُسْلِمَ إِذَا تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ ثُمَّ صَلَّى الصَّلَوَاتِ الْخَمْسَ تَحَاتَّتْ خَطَايَاهُ كَمَا يَتَحَاتُّ هَذَا الْوَرَقُ وَقَالَ (وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرَفَيِ النَّهَارِ وَزُلَفًا مِنَ اللَّيْلِ إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذْهِبْنَ السَّيِّئَاتِ ذَلِكَ ذِكْرَى لِلذَّاكِرِينَ). رواه أحمد والنسائي والطبراني ورواة أحمد محتج بهم في الصحيح إلا علي بن زيد كذا في الترغيب.

Diriwayatkan daripada Hazrat Abu 'Uthman ﷺ katanya, "Saya bersama Hazrat Salman ﷺ di bawah sepohon pokok. Beliau memegang sebatang dahan kering dari pokok tersebut, lalu menggoncang-goncangkan dahan tersebut sehingga daun-daun pada dahan itu gugur. Kemudian beliau berkata kepada saya, "Wahai Abu 'Uthman, mengapa kamu tidak bertanya sebab saya berbuat begini?" Saya bertanya, "Beritahulah mengapa kamu berbuat begitu?" Beliau menjawab, "Beginilah yang dilakukan oleh Rasulullah ﷺ di hadapan saya semasa saya bersama-sama Baginda ﷺ di bawah sepohon pokok. Baginda ﷺ telah mengambil sebatang dahan kering dari sepohon pokok lalu melakukan sebegini sehingga semua daun gugur. Kemudian Baginda ﷺ bertanya kepada saya, "Salman, mengapa kamu tidak bertanya sebab saya buat begini?" Sahutku, "Beritahulah mengapa tuan berbuat begitu?" Baginda ﷺ bersabda, "Sesungguhnya apabila seorang Islam mengambil wuduk dengan sempurna, kemudian dia menunaikan solah lima waktu maka gugurlah dosanya seperti gugurnya daun-daun ini." Kemudian Baginda ﷺ membaca ayat yang berikut:

وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ طَرَفَيِ ٱلنَّهَارِ وَزُلَفًا مِّنَ ٱلَّيْلِ ۚ إِنَّ ٱلْحَسَنَٰتِ يُذْهِبْنَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ۚ ذَٰلِكَ ذِكْرَىٰ لِلذَّٰكِرِينَ ﴿١١٤﴾

"Dan dirikanlah solah pada dua bahagian siang (pagi dan petang) dan pada ketika-ketika yang berhampiran dengannya daripada waktu malam. Sesungguhnya amal-amal kebaikan itu (terutamanya solah) akan menghapuskan dosa. Perintah-perintah Allah ﷻ yang demikian adalah menjadi peringatan bagi orang yang ingin mendapat peringatan." (Hud: 114)

(Hadith riwayat Imam Ahmad, Nasai dan Tabarani.)

Keterangan

Amalan yang ditunjukkan oleh Hazrat Salman ؓ adalah merupakan satu contoh amalan yang paling kecil bukti kecintaan para sahabat ؓ terhadap Rasulullah ﷺ. Apabila seseorang dalam percintaan maka setiap gerak geri orang yang dicintai akan disukai dan hati juga ingin melakukan setiap perkara menepati seperti yang dilakukan oleh orang yang dicintai. Seseorang yang pernah mengecapi kelazatan cinta sahajalah yang mengetahui hakikat ini. Dalam meriwayatkan hadith-hadith Rasulullah ﷺ biasanya para sahabat akan menunjukkan tingkah laku Baginda ﷺ sama seperti semasa Baginda ﷺ bersabda. Memang sukar sekali untuk mencatatkan kesemua hadith yang menerangkan kepentingan solah dan pengampunan dosa melalui amalan solah. Sebelum ini juga telah dinyatakan pelbagai riwayat tentang perkara ini. Para alim ulama telah membatasi keampunan itu kepada dosa kecil sahaja sebagaimana yang telah diketahui sebelum ini. Namun, hadith ini tidak membataskan dosa kecil atau besar, sebaliknya hanya menyebut dosa secara umum.

Semasa mengajar, almarhum ayah saya telah memberi dua sebab utama berhubung dengan perkara di atas. Pertama ialah tidak mungkin seseorang mukmin akan membiarkan dirinya menanggung dosa besar secara berterusan. Sebagai seorang Islam, pertama sekali sukar untuknya melakukan dosa besar dan sekiranya dia telah melakukan dosa besar maka jiwanya tidak akan berasa tenang tanpa bertaubat. Inilah tuntutan sifat sebagai seorang Islam yang sejati. Apabila tersalah melakukan dosa besar maka dia tidak akan berasa

tenang selagi tidak dibersihkan dengan tangisan dan penyesalan. Sebaliknya dosa kecil biasanya tidak disedari dan kekal ditanggung oleh kita. Dosa kecil ini akan terampun dengan solah dan amalan ibadat yang lain. Sebab yang kedua ialah seseorang yang mengerjakan solah dengan ikhlas, menjaga adab-adab dan perkara-perkara sunat maka dengan sendirinya dia bertaubat dan beristighfar berkali-kali. Dalam doa di akhir tahiyyat sendiri terdapat taubat dan istighfar. Antara doa-doa tersebut ialah:

اللَّهُمَّ إِنِي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْماً كَثِيراً وَ لا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلاَّ أَنْتَ، فاغْفِرْ لِي
مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ وَارْحَمْنِي إِنَّك أَنْتَ الغَفُورُ الرَّحِيم

"Ya Allah, ya Tuhanku, sesungguhnya aku telah menzalimi diriku dengan kezaliman yang banyak. Tiada sesiapa yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau maka ampunkanlah dosaku melalui keampunan yang ada di sisiMu. Kasihanilah aku ya Allah, sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

Dalam riwayat ini juga terdapat perintah supaya mengambil wuduk dengan sempurna. 'Mengambil wuduk dengan sempurna' maksudnya ialah kita hendaklah mengetahui adab-adab dan sunat-sunat wuduk dan mengambil berat mengamalkan adab-adab dan sunat-sunatnya ketika mengambil wuduk. Misalnya bersugi ialah salah satu sunat wuduk tetapi umumnya tidak diberi perhatian lagi. Sedangkan diriwayatkan dalam sebuah hadith bahawa solah yang dikerjakan dengan bersugi adalah tujuh puluh kali lebih baik daripada solah yang dikerjakan tanpa bersugi. Diriwayatkan dalam sebuah hadith, "Hendaklah kamu mengambil berat tentang bersugi, kerana bersugi mempunyai sepuluh faedah; 1) Membersihkan mulut, 2) Menjadi sebab keredaan Allah ﷻ, 3) Menyebabkan kemarahan syaitan, 4) Allah ﷻ dan para malaikat mengasihi orang yang bersugi, 5) Menguatkan gusi, 6) Menghilangkan gelema, 7) Mewangikan mulut, 8) Menghapuskan safra' (sejenis penyakit), 9) Menguatkan pandangan mata dan 10) Menghilangkan bau busuk mulut." Selain daripada semua kelebihan di atas bersugi adalah sunnah Rasulullah ﷺ (Munabbihat Ibni Hajar). Para ulama telah mencatatkan bahawa terdapat tujuh puluh faedah dalam

bersugi. Salah satu daripada faedah itu ialah dapat mengucap kalimah syahadah ketika meninggal dunia. Sebaliknya terdapat tujuh puluh kemudaratan dalam mengambil candu (dadah). Salah satu daripada kemudaratan itu ialah lupa kalimah syahadah ketika meninggal dunia. Terdapat begitu banyak hadith yang menyatakan kelebihan mengambil wuduk dengan sempurna. Pada hari kiamat kelak anggota-anggota wuduk akan bersinar dan bercahaya sehingga menyebabkan Rasulullah ﷺ dengan serta merta mengenali para umatnya .

HADITH 4A

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه قَالَ سَمِعتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ أَرَأَيْتُمْ لَوْ أَنَّ نَهْرًا بِبَابِ أَحَدِكُمْ يَغْتَسِلُ مِنْهُ كُلَّ يَوْمٍ خَمْسَ مَرَّاتٍ هَلْ يَبْقَى مِنْ دَرَنِهِ شَيْءٌ قَالُوا لاَ يَبْقَى مِنْ دَرَنِهِ شَيْءٌ قَالَ فَذَلِكَ مَثَلُ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ يَمْحُو اللهُ بِهِنَّ الْخَطَايَا.

رواه البخاري ومسلم والترمذي والنسائي ورواه ابن ماجه من حديث عثمان كذا في الترغيب.

Diriwayatkan daripada Hazrat Abu Hurairah رضي الله عنه katanya, "Saya telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Jika sebatang anak sungai mengalir di hadapan pintu rumah salah seorang daripada kamu dan dia mandi dalam sungai itu sebanyak lima kali sehari, pada pendapat kamu masih adakah lagi kekotoran (pada badannya)?" Para sahabat رضي الله عنهم menjawab, "Tidak akan tertinggal sedikitpun kekotoran." Rasulullah ﷺ bersabda, "Maka demikianlah juga solah lima waktu, melalui solah Allah ﷻ akan mengampunkan dosa." (Hadith riwayat Imam Bukhari dan Muslim)

HADITH 4B

عَنْ جَابِرٍ وَهُوَ ابْنُ عَبْدِ اللهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ مَثَلُ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ كَمَثَلِ نَهْرٍ جَارٍ غَمْرٍ عَلَى بَابِ أَحَدِكُمْ يَغْتَسِلُ مِنْهُ كُلَّ يَوْمٍ خَمْسَ مَرَّاتٍ.

رواه مسلم كذا في الترغيب.

Diriwayatkan daripada Hazrat Jabir ﷺ katanya Rasulullah ﷺ bersabda, "Perumpamaan solah lima waktu ialah seperti seseorang yang mandi di sebatang sungai yang dalam yang mengalir di hadapan rumahnya sebanyak lima kali sehari." (Hadith riwayat Imam Muslim)

Keterangan

Air yang mengalir adalah suci daripada kekotoran. Lebih dalam air itu maka lebih jernih dan lebih bersih air tersebut. Oleh itu, dalam hadith di atas disebut keadaan air sungai yang mengalir dan kedalaman sungai itu. Jika air yang digunakan untuk mandi itu bersih maka badannya akan menjadi bersih. Demikian juga solah yang ditunaikan dengan memelihara adab maka solah itu akan membersihkan dosa. Perkara yang terkandung dalam kedua-dua hadith di atas juga terkandung dalam banyak hadith yang diriwayatkan oleh sahabat yang berlainan dengan lafaz-lafaz yang berbeza. Diriwayatkan daripada Hazrat Abu Sa'id Al-Khudri ﷺ bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Solah lima waktu ialah kafarah (penghapus dosa) di antara dua waktu solah." Yakni dengan berkat solah, semua dosa kecil yang dilakukan di antara satu solah dengan satu solah yang lain akan terampun. Kemudian Baginda ﷺ bersabda yang mafhumnya, umpama seorang yang bekerja di dalam sebuah kilang miliknya. Oleh itu, terlekatlah debu-debu dan kekotoran pada badannya. Di antara kilang dan rumahnya terdapat lima batang sungai. Apabila dia balik ke rumah dari kilangnya dia akan mandi di setiap batang sungai itu. Begitulah keadaannya dengan solah lima waktu, apabila berlaku kesalahan dan kesilapan di antara dua waktu solah maka melalui doa dan istighfar yang dipohon semasa bersolah, Allah ﷻ akan mengampuni keseluruhan dosa tersebut.

Tujuan Nabi ﷺ memberi perumpamaan seperti ini ialah untuk memberi kefahaman tentang satu perkara iaitu Allah ﷻ meletakkan kekuatan pada solah untuk menghapuskan dosa. Oleh sebab dengan perumpamaan sesuatu perkara boleh difahami dengan lebih jelas maka Baginda ﷺ telah menjelaskan perkara ini melalui berbagai-bagai perumpamaan. Sekiranya kita tidak mengambil manfaat daripada rahmat Allah ﷻ, kasih sayangNya, kemurahanNya, keluasan keampunanNya dan limpah kurniaNya maka tiada sesiapa yang rugi melainkan diri kita sendiri. Sepatutnya

kita dihukum dan menerima akibat yang buruk daripada Tuhan Yang Maha Berkuasa, Raja Yang Maha Adil kerana melanggari perintah-perintahNya, melakukan dosa, menyimpang daripada perintahNya dan cuai dalam melaksanakan perintahNya. Namun betapa agungnya kemurahan Allah ﷻ yang masih menunjukkan jalan untuk kita mendapat keampunanNya. Jika kita masih tidak mengambil manfaat daripada peluang ini maka itu adalah kejahilan kita. Allah ﷻ melalui rahmatNya dan kasih sayangNya sentiasa mencari peluang untuk menganugerahkan pemberianNya. Dalam sebuah hadith disebutkan bahawa seseorang yang tidur dengan niat untuk bangun mengerjakan solah tahajud tetapi tidak terjaga maka dia mendapat pahala solah tahajud dengan percuma walaupun pada ketika itu dia dalam keadaan tidur (الترغيب – at-Targhib). Betapa malang dan ruginya kita jika kita tidak merebut pemberian dan kurniaan daripada zat Allah ﷻ yang begitu luas kurniaanNya.

HADITH 5

عَنْ حُذَيْفَةَ رضي الله عنه قَالَ كَانَ رَسُولُ اللهِ ﷺ إِذَا حَزَبَهُ أَمْرٌ فَزَعَ إِلَى الصَّلَاةِ. أخرجه أحمد وأبو داود وابن جرير كذا في الدر المنثور.

Diriwayatkan daripada Hazrat Huzaifah رضي الله عنه katanya, "Apabila Rasulullah ﷺ mengalami sesuatu kesulitan, Baginda segera mengerjakan solah." (Hadith riwayat Imam Ahmad dan Abu Daud)

Keterangan

Solah adalah satu rahmat yang besar daripada Allah ﷻ. Oleh itu, bersegera mengerjakan solah semasa menghadapi sebarang kesusahan adalah seumpama bersegera mencari rahmat Allah ﷻ. Apabila rahmat Allah ﷻ datang sebagai pembantu dan penolong maka tidak mungkin kesusahan itu akan berterusan lagi. Perkara ini terdapat dalam banyak hadith dengan berbagai-bagai riwayat. Amalan ini terdapat dalam kehidupan para sahabat yang mengikuti setiap jejak langkah Rasulullah ﷺ. Hazrat Abu Darda رضي الله عنه berkata, "Apabila angin bertiup kencang, Rasulullah ﷺ bersegera ke masjid dan tidak akan keluar sehingga angin itu berhenti. Begitu

juga semasa gerhana matahari atau gerhana bulan, Rasulullah ﷺ bersegera mengerjakan solah." Hazrat Sohaib رضي الله عنه meriwayatkan daripada Rasulullah ﷺ bahawa para nabi yang dahulu pun melakukan amalan yang sedemikian. Sekiranya mereka menghadapi sebarang kesusahan, mereka akan bersegera mengerjakan solah.

Semasa dalam satu perjalanan, Hazrat Ibnu 'Abbas r.anhuma telah menerima berita bahawa anaknya telah meninggal dunia. Beliau pun turun dari untanya dan mengerjakan solah dua rakaat, kemudian beliau membaca, " إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ " seraya berkata, "Saya telah melaksanakan perkara seperti yang diperintahkan oleh Allah ﷻ." Lalu beliau membaca ayat suci al-Quran:

وَٱسْتَعِينُوا۟ بِٱلصَّبْرِ وَٱلصَّلَوٰةِ ... ﴿٤٥﴾

"Dan pohonlah pertolongan dengan sabar dan solah..."

Satu lagi kisah yang hampir sama telah diriwayatkan bahawa semasa Hazrat Ibnu 'Abbas r.anhuma dalam satu perjalanan, beliau telah menerima berita kematian saudaranya yang bernama Quthum. Beliau pun turun dari untanya dan mengerjakan solah dua rakaat di tepi jalan. Beliau duduk dalam keadaan tahiyat begitu lama sambil membaca doa. Setelah selesai bersolah, beliau pun bangun dan menunggangi untanya sambil membaca ayat suci al-Quran:


وَٱسْتَعِينُوا۟ بِٱلصَّبْرِ وَٱلصَّلَوٰةِ ۚ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى ٱلْخَٰشِعِينَ ﴿٤٥﴾

"Dan pohonlah pertolongan (kepada Allah ﷻ) dengan sabar dan solah; Dan sesungguhnya solah amatlah berat, kecuali bagi orang yang khusyuk." (al-Baqarah : 45)

Penerangan secara terperinci tentang khusyuk akan diberikan dalam bab ketiga. Satu lagi kisah tentang Hazrat Ibnu 'Abbas r.anhuma iaitu setelah beliau menerima berita kematian salah seorang isteri Nabi ﷺ beliau pun terus sujud. Apabila ditanya sebab beliau berbuat demikian, beliau menjawab, "Rasulullah ﷺ telah memberitahu kami bahawa apabila menghadapi sesuatu bencana maka hendaklah kamu sujud yakni mengerjakan solah. Apakah lagi bencana yang lebih besar daripada

peristiwa kematian Ummul Mukminin r.anha?" (Hadith riwayat Imam Abu Daud).

Semasa Hazrat 'Ubadah ﷺ hampir meninggal dunia, beliau telah berpesan kepada mereka yang berada di sampingnya, "Saya melarang kamu semua daripada menangisi kematianku. Setelah aku meninggal dunia maka setiap orang pergilah mengambil wuduk dengan sempurna dan mematuhi adab-adab wuduk, kemudian pergilah ke masjid. Pohonlah keampunan untukku dan dirikanlah solah kerana Allah ﷻ telah memerintahkan:



"Dan pohonlah pertolongan dengan sabar dan solah..."

Selepas itu masukkan aku ke dalam liang kubur." Pada suatu ketika Hazrat 'Abdur Rahman ﷺ, suami kepada Hazrat Ummi Kulthum r.anha, sakit tenat dan tidak sedarkan diri sehingga ramai yang menyangka beliau sudah meninggal dunia. Hazrat Ummi Kulthum r.anha pun bangun lalu mendirikan solah. Setelah beliau selesai solah, Hazrat 'Abdur Rahman ﷺ pun sedar kembali. Hazrat 'Abdur Rahman ﷺ telah bertanya kepada orang ramai, "Adakah keadaan saya tadi seperti seorang yang telah mati?" Orang ramai menjawab,"Ya". Lalu beliau menceritakan, "Dua malaikat telah datang dan berkata kepada saya, "Ayuh ke mahkamah Ahkamul Hakimin untuk mendapat keputusan tentang dirimu." Semasa mereka pergi membawa saya, datang malaikat yang ketiga lalu berkata kepada kedua-dua malaikat tadi, "Pergilah dari sini. Beliau ini ialah antara orang yang telah ditakdirkan sebagai seorang yang bertuah semenjak dari dalam perut ibunya lagi. Anak-anaknya masih memerlukan banyak manfaat daripadanya." Selepas peristiwa ini Hazrat 'Abdur Rahman ﷺ hidup selama sebulan dan barulah beliau meninggal dunia (الدر المنثور - Durri Manthur)." Hazrat Nadhr rah. menceritakan bahawa pada satu ketika kegelapan telah berlaku pada waktu siang hari. Saya berlari menuju kepada Hazrat Anas ﷺ lalu bertanya, "Adakah keadaan seperti ini pernah berlaku pada zaman Rasulullah ﷺ?" Beliau menjawab, "Semoga dilindungi oleh Allah, pada zaman Rasulullah ﷺ apabila sahaja angin mula bertiup kencang, kami semua akan berlari ke masjid, takut-takut kiamat

telah tiba." Hazrat 'Abdullah bin Salam ؓ berkata, "Sekiranya keluarga Rasulullah ﷺ ditimpa sebarang kesempitan, Baginda ﷺ akan memerintahkan mereka mendirikan solah dan akan membaca ayat yang berikut:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَوٰةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا ۖ لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُكَ ۗ وَالْعَاقِبَةُ لِلتَّقْوَىٰ ﴿١٣٢﴾


"Dan perintahlah keluargamu (serta umatmu) mengerjakan solah dan hendaklah engkau tekun bersabar mengerjakannya. Kami tidak meminta rezeki daripada kamu bahkan Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu. Dan ingatlah kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertakwa." (Taha : 132)

Dalam sebuah hadith disebutkan bahawa, apabila seseorang itu menghendaki sesuatu hajat, sama ada hajat duniawi atau ukhrawi, yang berkaitan dengan Allah ﷻ atau manusia, hendaklah dia mengambil wuduk dengan sempurna, mendirikan solah dua rakaat, kemudian memuji Allah ﷻ dan berselawat ke atas Rasulullah ﷺ. Selepas itu hendaklah membaca doa berikut, insya-Allah hajatnya pasti akan disempurnakan oleh Allah ﷻ. Doa tersebut ialah:

لاَ إِلٰهَ إِلاَّ اللهُ الْحَلِيمُ الْكَرِيمُ سُبْحَانَ اللهِ رَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ الْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ أَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ وَالْغَنِيمَةَ مِنْ كُلِّ بِرٍّ وَالسَّلاَمَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ لاَ تَدَعْ لِي ذَنْبًا إِلاَّ غَفَرْتَهُ وَلاَ هَمًّا إِلاَّ فَرَّجْتَهُ وَلاَ حَاجَةً هِيَ لَكَ رِضًا إِلاَّ قَضَيْتَهَا يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Hazrat Wahab bin Munabbih rah. berkata bahawa melalui solah segala hajat dapat dipohon daripada Allah ﷻ. Sekiranya orang dahulu menghadapi sebarang kesulitan, mereka akan bersegera mengerjakan solah. Adalah diceritakan bahawa di Kufah terdapat seorang pemikul barang yang sangat dipercayai oleh orang ramai kerana sifat amanahnya. Dia juga menghantar barang-barang

bernilai dan wang para peniaga. Pada satu ketika semasa dalam perjalanan, dia telah bertemu dengan seorang lelaki. Lelaki itu bertanya, "Ke mana kamu hendak pergi?" Jawab pemikul barang, "Ke bandar sekian." Lantas lelaki itu berkata, "Saya juga hendak ke sana. Sekiranya saya boleh berjalan kaki, saya sanggup berjalan bersama kamu. Bolehkah saya menunggangi keldai kamu dengan bayaran satu dinar?" Pemikul barang itu bersetuju lalu lelaki itu pun menunggangi keldainya. Dalam perjalanan tersebut mereka tiba di satu simpang. Lelaki itu bertanya, "Jalan manakah yang akan kamu lalui?" Jawab pemikul barang, "Melalui jalan besar." Lelaki itu berkata, "Jalan yang satu lagi lebih dekat, serta terdapat banyak rumput yang subur dan boleh dijadikan makanan untuk binatang tunggangan ini." Pemikul barang itu berkata, "Saya tidak tahu tentang jalan itu." Lelaki itu berkata, "Saya selalu melalui jalan itu." Pemikul barang berkata, "Baiklah, kita ikut jalan itu." Setelah berjalan beberapa lama, mereka pun tiba ke penghujung jalan di suatu hutan yang menakutkan. Di hutan itu terdapat banyak mayat yang bergelimpangan. Lelaki tersebut turun dari keldai sambil mengeluarkan pisau dengan niat untuk membunuh pemikul barang itu. Pemikul barang itu berkata, "Jangan buat begini, ambillah keldai dan semua barang saya, kerana itulah tujuanmu, tetapi janganlah bunuh saya." Dia tidak mempedulikan rayuan pemikul barang itu, sebaliknya telah bersumpah sambil berkata, "Mula-mula aku akan membunuh kamu, selepas itu barulah aku akan mengambil semua barang ini." Pemikul barang itu merayu dengan penuh rendah diri tetapi semua rayuannya itu tidak diterima oleh lelaki zalim itu. Pemikul barang itu berkata, "Baiklah, berilah saya peluang untuk bersolah dua rakaat untuk kali yang terakhir." Lelaki itu bersetuju dengan permintaannya sambil ketawa dan berkata, "Cepatlah bersolah, mayat-mayat inipun pernah membuat permintaan yang sama tetapi solah mereka tidak memberi apa-apa faedah." Lalu pemikul barang itu mendirikan solah. Selepas membaca surah al-Fatihah dia tidak dapat mengingat sebarang surah pun. Sementara itu, lelaki yang zalim itu menggesanya berkali-kali supaya cepat menyudahkan solahnya. Tidak semena-mena lidahnya menyebut ayat berikut:



"Siapakah yang memperkenankan (dengan memberi pertolongan) permohonan mereka yang dizalimi, semasa memohon kepadaNya dan menghapuskan kesusahan." (al-Naml:62)

Sambil membaca ayat ini dia menangis. Tiba-tiba muncul seorang yang berkuda memakai topi besi yang bersinar-sinar. Dia terus menikam lelaki zalim itu dengan lembing. Api bernyala-nyala keluar di tempat lelaki zalim itu mati. Si pemikul barang yang sedang bersolah terus sujud dan bersyukur kepada Allah ﷻ.

Setelah selesai solah dia berlari ke arah penunggang kuda tersebut dan bertanya, "Demi kerana Allah ﷻ, beritahulah saya, siapakah tuan dan bagaimana tuan boleh datang ke sini?" Orang itu menjawab, "Saya adalah hamba kepada (Allah ﷻ yang berfirman) "أَمَّنْ يُجِيبُ الْمُضْطَرَّ.." (yakni hamba Allah ﷻ yang menyahut seruan orang yang dizalimi). Sekarang kamu telah selamat dan pergilah ke mana-mana sahaja yang kamu suka." Setelah memberitahu sedemikian, dia pun terus pergi (نزهة المتقين - Nuzhatul Muttaqin).

Sesungguhnya solah adalah suatu amalan yang begitu bernilai dan amatlah besar manfaatnya. Selain mendapat keredaan Allah ﷻ, solah juga menjadi sebab kita terselamat daripada kesusahan di dunia dan memperoleh ketenteraman jiwa. Ibnu Sirin rah. berkata, "Sekiranya aku diberi pilihan antara memasuki syurga dengan mendirikan dua rakaat solah maka solahlah yang akan menjadi pilihanku kerana masuk ke syurga adalah semata-mata untuk kesukaanku, sementara dua rakaat solah pula untuk keredaan Tuhanku." (الجامع الصغير - Jami ul Shaghir) Rasulullah ﷺ telah bersabda, "Patutlah dikagumi seorang Islam yang ringan bebanan hidupnya (tiada bebanan yang banyak daripada ahli keluarganya) mempunyai banyak masa lapang untuk mendirikan solah, sabar menjalani hidupnya dengan rezeki sekadar mencukupi keperluan, mengerjakan amal ibadat dengan baik, tidak dikenali ramai, meninggal dunia ketika usia muda, tidak banyak meninggalkan harta pusaka dan tidak ramai orang yang menangisi kematiannya."

Dinyatakan dalam sebuah hadith, "Banyakkanlah mengerjakan solah (sunat) di rumah-rumah kamu, solah akan menambahkan kebaikan dalam rumahmu (الجامع الصغير - Jami ul Shaghir)."

HADITH 6

عن أَبِيْ مُسْلِمٍ التغليبي قَالَ دَخَلْتُ عَلَى أَبِي أُمَامَةَ وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ فَقُلْتُ يَا أَبَا أُمَامَةَ إِنَّ رَجُلاً حَدَّثَنِي مِنْكَ أَنَّكَ سَمِعْتَ رَسُولَ الله ﷺ يَقُولُ مَنْ تَوَضَّأَ فَأَسْبَغَ الْوُضُوءَ غَسَلَ يَدَيْهِ وَوَجْهَهُ وَمَسَحَ عَلَى رَأْسِهِ وَأُذُنَيْهِ ثُمَّ قَامَ إِلَى صَلاَةٍ مَفْرُوضَةٍ غَفَرَ اللهُ لَهُ فِي ذَلِكَ الْيَوْمِ مَا مَشَتْ إِلَيْهِ رِجْلاَهُ وَقَبَضَتْ عَلَيْهِ يَدَاهُ وَسَمِعَتْ إِلَيْهِ أُذُنَاهُ وَنَظَرَتْ إِلَيْهِ عَيْنَاهُ وَحَدَّثَ بِهِ نَفْسُهُ مِنْ سُوءٍ فَقَالَ وَاللهِ لَقَدْ سَمِعْتُهُ مِنَ النَّبِيِّ ﷺ مِرَارًا.

رواه أحمد والغالب على سنده الحسن وتقدم له شواهد في الوضوء كذا في الترغيب قلت وقد روي معنى الحديث عن أبي أمامة بطرق مجمع الزوائد.

Diriwayatkan daripada Hazrat Abu Muslim Taghlibi ؓ katanya, "Saya menemui Hazrat Abu Umamah ؓ semasa beliau berada di dalam masjid. Saya bertanya kepadanya, "Wahai Abu Umamah, sesungguhnya seorang lelaki telah memberitahu kepada saya bahawa tuan telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesiapa yang mengambil wuduk dengan sempurna, membasuh kedua-dua tangannya dan mukanya serta menyapu kepala dan kedua-dua telinganya. Kemudian dia mendirikan solah fardu maka Allah ﷻ akan mengampunkan segala dosanya yang telah dilakukan oleh kedua-dua kakinya yang bergerak ke arah melakukan maksiat, kedua-dua tangannya yang digunakan untuk berbuat maksiat, kedua-dua telinganya yang mendengar berita-berita maksiat, kedua-dua matanya yang melihat maksiat dan maksiat yang dilakukan oleh hatinya pada hari itu." Hazrat Abu Umamah ؓ menjawab, "Demi Allah, saya telah mendengar sabdaan ini berkali-kali daripada Rasulullah ﷺ." (Hadith riwayat Imam Ahmad)

Keterangan

Perkara yang sama juga telah diriwayatkan oleh ramai sahabat ﷺ yang lain. Hazrat 'Uthman ﷺ, Hazrat Abu Hurairah, Hazrat Anas ﷺ, Hazrat Abdullah Sunabihi ﷺ, Hazrat Amru Ibnu 'Abasah dan lain-lain sahabat ﷺ juga telah meriwayatkan dengan lafaz yang berbeza. Mereka yang dikurnia dengan 'kasyaf' dapat melihat dosa yang sedang gugur. Kisah yang paling masyhur adalah tentang Imam Abu Hanifah rah. Beliau dapat melihat dosa yang sedang gugur daripada titisan air wuduk. Selanjutnya, ada sedikit penambahan dalam hadith yang diriwayatkan oleh Hazrat 'Uthman ﷺ bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda, "Seseorang itu tidak seharusnya tertipu dengan keadaan yang sedemikian itu." Maksudnya ialah seseorang itu jangan berbangga bahawa dosanya terampun melalui solah yang dikerjakannya itu lalu memberanikan diri melakukan dosa lain pula. Sekiranya Allah ﷻ menerima solah dan amal ibadat kita maka itu adalah semata-mata kerana kemurahan, ihsan dan kerahimanNya. Sebenarnya kita sendiri telah mengetahui tahap mutu amal ibadat kita.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa solah berkesan menghapuskan dosa. Namun hanya Allah ﷻ yang mengetahui sama ada solah kita juga layak untuk perkara tersebut. Satu perkara lagi ialah sekiranya seseorang itu melakukan dosa dengan anggapan bahawa Allah ﷻ bersifat Maha Pemurah dan Maha Pengampun maka sebenarnya itu adalah sikap seseorang yang langsung tidak mempunyai perasaan malu. Keadaan ini samalah seperti seorang ayah yang memberi jaminan bahawa dia akan memaafkan kesalahan-kesalahan anaknya. Namun, anak-anaknya pula mengambil kesempatan, lalu dengan sengaja melanggar perintah-perintah ayah mereka dengan anggapan bahawa ayah akan memaafkan kesalahan mereka.

HADITH 7

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ قَالَ كَانَ رَجُلَانِ مِنْ بَلِيٍّ حَيٍّ مِنْ قُضَاعَةَ أَسْلَمَا مَعَ رَسُول
اللهِ ﷺ فَاسْتُشْهِدَ أَحَدُهُمَا وَأُخِّرَ الْآخَرُ سَنَةً قَالَ طَلْحَةُ بْنُ عُبَيْدِ اللهِ

فَرَأَيْتُ الْمُؤَخَّرَ مِنْهُمَا أُدْخِلَ الْجَنَّةَ قَبْلَ الشَّهِيْدِ فَتَعَجَّبْتُ لِذَالِكَ فَأَصْبَحْتُ فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ ﷺ أَوْ ذُكِرَ لِرَسُولِ اللهِ ﷺ فقال رَسُولُ اللهِ ﷺ أَلَيْسَ قَدْ صَامَ بَعْدَهُ رَمَضَانَ وَصَلَّى سِتَّةَ آلافَ رَكْعَةٍ وَكَذَا وَكَذَا رَكْعَةً صَلاَةَ سَنَةٍ.

رواه أحمد بإسناد حسن ورواه ابن ماجة وابن حبان في صحيحه والبيهقي كلهم عن طلحة بنحوه أطول منه وزاد ابن ماجة وابن حبان في آخره فلما بينهما أطول ما بين السماء والأرض كذا في الترغيب ولفظ أحمد في النسخة التي بأيدينا أو كذا أو كذا ركعة بلفظ أو وفي الدر أخرجه مالك وأحمد والنسائي وابن خزيمة والحاكم وصححه والبيهقي في شعب الإيمان عن عامر بن سعد قال سمعت سعدا وناسا من الصحابة يقولون كان رجلان آخران في عهد رَسُول الله صَلَّى اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وكان أحدهما أفضل من الآخر فتوفى الذى هو افضلهما ثم عمر الآخر بعده أربعين ليلة الحديث وقد أخرج أبو داود بمعنى حديث الباب من حديث عبيد بن خالد بلفظ قتل أحدهما ومات الآخر بعده بجمعة الحديث.

Diriwayatkan daripada Hazrat Abu Hurairah ؓ katanya, “Dua orang daripada kabilah Balie dari satu kampung di Qudha’ah telah memeluk Islam di tangan Rasulullah ﷺ. Salah seorang daripada mereka telah mati syahid dan seorang lagi telah meninggal dunia setahun kemudian. Hazrat Talhah bin ‘Ubaidullah ؓ berkata, “Saya telah melihat dalam mimpi bahawa orang yang mati kemudian itu telah dimasukkan ke dalam syurga lebih dahulu daripada sahabatnya yang mati syahid. Perkara itu amat menghairankan saya. Saya kurang pasti sama ada saya sendiri atau orang lain yang menceritakan mimpi itu kepada Rasulullah ﷺ.” Lalu Rasulullah ﷺ bersabda, “Bukankah dia yakni orang yang telah meninggal dunia terkemudian itu telah berpuasa lebih sebulan Ramadhan selepasnya dan mengerjakan solah enam ribu rakaat dan sekian sekian banyak rakaat solah dalam masa setahun?” (Hadith riwayat Imam Ahmad, Ibnu Majah dan Ibnu Hibban)

Keterangan

Sekiranya setiap bulan dalam setahun diandaikan mempunyai dua puluh sembilan hari dan didarab dengan dua puluh rakaat solah iaitu bilangan rakaat solah fardu dan witir maka akan mencapai jumlah enam ribu sembilan ratus enam puluh rakaat. Malah jikalau terdapat bulan yang mengandungi tiga puluh hari maka bilangan dua puluh rakaat lagi perlu ditambah bagi setiap bulan tersebut. Bahkan jikalau ditambah dengan bilangan

rakaat bagi solah-solah sunat sudah tentu tidak terkira jumlahnya. Dalam kitab Sunan Ibnu Majah, kisah ini diterangkan dengan lebih jelas lagi bahawa Hazrat Talhah ؓ sendiri telah menceritakan mimpinya, "Dua orang daripada satu qabilah telah datang menemui Rasulullah ﷺ lalu memeluk Islam serentak. Salah seorang daripada mereka bersemangat dan berani tetapi akhirnya telah mati syahid dalam satu peperangan. Seorang lagi telah meninggal dunia setahun kemudian. Saya melihat dalam mimpi bahawa saya berdiri di hadapan pintu syurga. Kedua-dua pemuda tadi juga berada di situ. Seorang datang dari dalam syurga dan telah memberi izin kepada orang yang mati setahun kemudian itu supaya memasuki syurga dan si syahid ditinggalkan di situ. Tidak lama kemudian datang pula seorang dari dalam syurga lalu mengizinkan yang mati syahid itu masuk dan memberitahu kepada saya, "Kamu boleh pulang, masamu belum tiba lagi." Keesokan pagi, saya menceritakan mimpi itu kepada orang ramai. Kesemua mereka berasa hairan dan tertanya-tanya sebab si mati syahid itu diberi izin memasuki syurga selepas orang yang mati setahun kemudian itu. Orang ramai berpendapat bahawa si mati syahid itu sepatutnya terlebih dahulu memasuki syurga. Akhirnya mimpi itu diceritakan kepada Rasulullah ﷺ maka Rasulullah ﷺ bersabda, "Mengapa kamu perlu berasa hairan tentang perkara itu?" Para sahabat menjawab, "Wahai Rasulullah, orang yang mati syahid itu ialah seorang yang bersemangat dan berani sebaliknya orang yang masuk syurga lebih awal ialah pemuda yang kedua." Rasulullah ﷺ bersabda, "Bukankah yang mati kemudian dapat beribadat lebih setahun?" Para sahabat menjawab, "Benar," Baginda ﷺ bertanya, "Bukankah orang itu telah berpuasa lebih sebulan Ramadhan?" Mereka menjawab, "Benar dia telah lakukan." Rasulullah ﷺ bertanya lagi "Bukankah dia telah melebihi sekian-sekian banyak sujud dalam solahnya sepanjang masa setahun?" Sahabat menjawab, "Benar." Rasulullah ﷺ bersabda, "Oleh itu perbezaan antara kedua-dua mereka seperti langit dengan bumi."

Kisah-kisah seperti di atas pernah dialami oleh beberapa orang yang lain. Dalam kitab Sunan Abu Daud, terdapat satu kisah yang hampir-hampir serupa dengan kisah di atas. Diceritakan tentang dua orang sahabat yang tempoh kematian antara mereka cuma berbeza lapan hari sahaja. Sahabat yang kedua meninggal

dunia seminggu selepas sahabat yang pertama tetapi terlebih dahulu memasuki syurga. Sesungguhnya kita tidak dapat membayangkan betapa bernilainya solah. Sudah tentu ada sesuatu sebab sehingga Rasulullah ﷺ memberitahu bahawa sejuk mata Baginda ﷺ adalah dalam solah. ‘Penyejuk mata Baginda’ menunjukkan bahawa solah merupakan sesuatu yang sangat dikasihi dan kenyataan Rasulullah ﷺ itu bukanlah suatu perkara yang kecil.

Tersebut dalam sebuah hadith tentang dua orang saudara, dan salah seorang daripada mereka telah meninggal dunia empat puluh hari lebih awal. Seorang lagi pula meninggal dunia empat puluh hari kemudian. Saudaranya yang pertama lebih soleh. Maka orang ramai sangat-sangat memuji tentang kesolehannya. Baginda ﷺ bertanya, “Tidakkah saudaranya yang kedua juga seorang Islam?” Para sahabat menjawab, “Tidak syak bahawa beliau memang seorang Islam, tetapi seorang Islam yang biasa sahaja.” Rasulullah ﷺ bersabda, “Kamu tidak mengetahui tahap yang dicapai oleh orang itu menerusi solahnya yang lebih empat puluh hari itu. Solah adalah seumpama seseorang yang mandi sebanyak lima kali sehari di sebuah sungai yang dalam lagi bersih yang mengalir di hadapan rumahnya. Adakah masih ada daki yang melekat pada badannya?” Seterusnya Rasulullah ﷺ mengulangi sabdaannya itu, “Kamu tidak mengetahui tahap yang dicapai oleh orang itu menerusi solahnya yang lebih empat puluh hari itu.”

HADITH 8

عَنِ ابْنِ مَسْعُوْدٍ عَنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ أَنَّهُ قَالَ يُبْعَثُ مُنَادٍ عِنْدَ حَضْرَةِ كُلِّ صَلَاةٍ فَيَقُوْلُ يَا بَنِيْ آدَمَ قُوْمُوْا فَاطْفِئُوْا مَا أَوْقَدتُّمْ عَلَى أَنْفُسِكُمْ فَيَقُوْمُوْنَ فَيَتَطَهَّرُوْنَ وَيُصَلُّوْنَ الظُّهْرَ فَيُغْفَرُ لَهُمْ مَا بَيْنَهَا فَإِذَا حَضَرَتِ الْعَصْرُ فَمِثْلُ ذَلِكَ فَإِذَا حَضَرَتِ الْمَغْرِبُ فَمِثْلُ ذَلِكَ فَإِذَا حَضَرَتِ الْعَتَمَةُ فَمِثْلُ ذَلِكَ فَيَنَامُوْنَ فَمُدْلِجٌ فِيْ خَيْرٍ وَمُدْلِجٌ فِيْ شَرٍّ. رواه الطبراني في الكبير كذا في الترغيب.

Diriwayatkan daripada Hazrat Ibnu Mas’ud رضي الله عنه katanya, Baginda ﷺ bersabda, “Penyeru daripada malaikat akan dihantar

menjelang setiap waktu solah untuk menyeru, "Wahai anak Adam, bangun dan padamkanlah api yang kamu nyalakan untuk membakar dirimu sendiri." Maka merekapun bangun berwuduk dan mengerjakan solah zohor. Maka dosa yang dilakukan oleh mereka antara solah fajar dan zohor diampunkan. Demikian juga keadaannya menjelang waktu asar, maghrib dan isyak. Kemudian pada waktu malam yang gelap itu sesetengah orang menuju ke arah mengerjakan amal kebaikan dan sesetengah orang pula ke arah melakukan kejahatan." (Hadith riwayat Imam Tabarani)

Keterangan

Melalui solah, Allah ﷻ dengan limpah kurniaNya mengampunkan dosa. Perkara ini terdapat dalam banyak kitab hadith. Oleh kerana istighfar terdapat dalam solah sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini maka segala bentuk dosa, sama ada dosa kecil atau dosa besar, semua termasuk dalam pengampunanNya itu, dengan syarat wujudnya rasa kesal terhadap perlakuan dosa itu dalam hati. Sebagaimana firman Allah ﷻ:



"Dan dirikanlah solah pada dua bahagian siang (pagi dan petang) dan pada ketika yang berhampiran dengan waktu malam. Sesungguhnya amalan-amalan kebaikan (terutama solah) akan menghapuskan kejahatan." (Hud:114)
(sebagaimana telah diterangkan dalam hadith 3).

Hazrat Salman رضي الله عنه ialah seorang sahabat yang sangat masyhur. Beliau berkata, "Setelah selesai solah isyak maka manusia terbahagi kepada tiga golongan. Pertama ialah golongan yang waktu malam bagi mereka merupakan sumber nikmat, keuntungan dan kebaikan. Mereka ialah orang yang menghargai kelapangan waktu malam. Ketika orang lain sibuk berehat dan tidur, mereka pula sibuk dengan mengerjakan solah. Untuk mereka waktu malam menjadi sumber ganjaran pahala. Golongan yang kedua ialah waktu malam menjadi sumber bala dan azab. Mereka ini ialah orang yang mengambil kesempatan daripada kesunyian malam untuk

melakukan dosa. Malam merupakan satu bala bagi mereka. Golongan yang ketiga pula terus tidur setelah selesai solah isyak. Mereka ini untung pun tidak rugi pun tidak."

HADITH 9

عَنْ أَبِيْ قَتَادَةَ بْنِ رِبْعِيٍّ أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ قَالَ اللهُ تبارك وتعالى إِنِّي افْتَرَضْتُ عَلَى أُمَّتِكَ خَمْسَ صَلَوَاتٍ وَعَهِدْتُ عِنْدِي عَهْدًا أَنَّهُ مَنْ حَافَظَ عَلَيْهِنَّ لِوَقْتِهِنَّ أَدْخَلْتُهُ الْجَنَّةَ فِي عهدي وَمَنْ لَمْ يُحَافِظْ عَلَيْهِنَّ فَلَا عَهْدَ لَهُ عِنْدِي. كذا في الدر المنثور رواية أبي داود وابن ماجة وفيه أيضا أخرج مالك وابن أبي شيبة وأحمد وأبو داود والنسائي وابن ماجة وابن حبان والبيهقي عن عبادة بن الصامت فذكر معنى حديث الباب مرفوعا بأطول منه.

Diriwayatkan daripada Hazrat Abu Qatadah ﷺ katanya bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Allah ﷻ telah berfirman, Aku telah memfardukan ke atas umatmu solah lima (waktu). Aku sungguh-sungguh telah berjanji dengan diriKu bahawa sesiapa yang menjaga solah tepat pada waktu maka Aku bertanggungjawab untuk memasukkannya ke dalam syurga. Sebaliknya bagi sesiapa yang tidak menjaga solah Aku langsung tidak bertanggungjawab ke atasnya." (Riwayat Imam Abu Daud, Ibnu Majah dll)

Keterangan

Dalam sebuah hadith yang lain disebutkan dengan lebih jelas bahawa Allah ﷻ telah mewajibkan solah lima waktu. Sesiapa yang berwuduk dengan sempurna dan menunaikan solah dengan penuh khusyuk dan khudu pada awal waktu dan tidak melakukan sebarang kekurangan atau kecuaian maka Allah ﷻ berjanji untuk memasukkannya ke dalam syurga. Sesiapa yang tidak melakukan sedemikian maka tidak ada apa-apa janji daripada Allah ﷻ untuknya, terserahlah kepada Allah ﷻ sama ada Dia mengampuninya atau mengazabkannya.

Betapa besarnya kelebihan solah, dengan mengambil berat dalam menunaikan solah maka seseorang itu termasuk dalam jaminan dan tanggungjawab Allah ﷻ. Biasanya apabila seorang pemerintah atau seorang kaya menenangkan seseorang untuk

memikul tanggungjawab bagi menyelesaikan sesuatu keperluan atau memberi apa-apa jaminan kepadanya maka dia akan berasa tenang, gembira dan terhutang budi kepada pemerintah atau orang kaya tersebut. Di sini hanya dengan sedikit amalan yang mudah sudah mendapat jaminan daripada Yang Menguasai semesta alam, Raja dunia dan akhirat, tetapi masih ada lagi manusia yang lalai dan tidak menghiraukan solah. Bukan orang lain yang akan rugi. Diri sendirilah sebenar yang malang dan akan menanggung kemudaratan.

HADITH 10

عَنِ ابْنِ سَلْمَانَ أَنَّ رَجُلاً مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ ﷺ حَدَّثَهُ قَالَ لَمَّا فَتَحْنَا خَيْبَرَ أَخْرَجُوا غَنَائِمَهُمْ مِنَ الْمَتَاعِ وَالسَّبْيِ فَجَعَلَ النَّاسُ يَتَبَايَعُونَ غَنَائِمَهُمْ فَجَاءَ رَجُلٌ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللهِ لَقَدْ رَبِحْتُ رِبْحًا مَا رَبِحَ الْيَوْمَ مِثْلَهُ أَحَدٌ مِنْ أَهْلِ هَذَا الْوَادِي قَالَ وَيْحَكَ وَمَا رَبِحْتَ قَالَ مَا زِلْتُ أَبِيعُ وَأَبْتَاعُ حَتَّى رَبِحْتُ ثَلاَثَ مِائَةِ أُوقِيَّةٍ فَقَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ أَنَا أُنَبِّئُكَ بِخَيْرِ رَجُلٍ رَبِحَ قَالَ مَا هُوَ يَا رَسُولَ اللهِ قَالَ رَكْعَتَيْنِ بَعْدَ الصَّلاَةِ. أخرجه أبو داود وسكت عنه المنذري.

Diriwayatkan daripada Hazrat Ibnu Salman ﷺ bahawa salah seorang daripada sahabat Rasulullah ﷺ menceritakan, "Apabila kami telah mendapat kemenangan dalam peperangan Khaibar, orang ramai mengeluarkan harta rampasan perang masing-masing yang terdiri daripada barang-barang dan orang tawanan lalu mereka mula berjual-beli antara satu sama lain. Seorang datang memberitahu Rasulullah ﷺ, " Wahai Rasulullah, tidak seorangpun di lembah ini yang mendapat keuntungan seperti keuntungan yang saya peroleh hari ini." Rasulullah ﷺ bertanya, "Wah, berapa banyakkah keuntungannya?" Dia menjawab, " Saya terus menjual dan membeli sehingga saya mendapat keuntungan sebanyak tiga ratus uqiyah perak." Baginda ﷺ bersabda, "Saya akan

memberitahu kamu perkara yang lebih menguntungkan yang akan diperoleh oleh seseorang." Dia bertanya, "Apakah itu wahai Rasulullah?" Jawab Baginda ﷺ, "Dua rakaat solah sunat selepas solah (fardu)." (Hadith riwayat Imam Abu Daud)

Keterangan

Satu uqiyah perak adalah empat puluh dirham. Manakala satu dirham bersamaan lebih kurang satu ringgit tujuh puluh sen (RM 1.70). Mengikut perkiraan itu kesemuanya berjumlah dua puluh ribu empat ratus ringgit (RM 20,400.00). Sebaliknya mengikut sabdaan Rasulullah ﷺ keuntungan tersebut bukanlah satu keuntungan yang besar. Keuntungan yang sebenar ialah keuntungan yang kekal dan tidak akan habis selama-lamanya. Sekiranya iman kita benar-benar sampai ke tahap yang tinggi sehingga wang sebanyak dua puluh ribu empat ratus ringgit itu tidak bernilai berbanding dengan dua rakaat solah maka kehidupan kita pasti akan bahagia. Sebenarnya solah begitu bernilai. Oleh sebab itulah Rasulullah ﷺ menyatakan bahawa penyejuk mata Baginda ﷺ adalah dalam bersolah. Dalam wasiat Baginda ﷺ yang terakhir ketika hampir-hampir wafat, Baginda ﷺ memerintahkan kita supaya mengambil berat tentang solah (كنز العمال - Kanzul 'Ummal). Wasiat tersebut telah diriwayatkan dalam banyak hadith. Hazrat Ummi Salamah r.anha berkata ketika Baginda ﷺ hampir wafat lidah Baginda ﷺ yang mulia tidak dapat lagi mengeluarkan kata-kata dengan sempurna. Dalam keadaan sebegitu pun Baginda ﷺ masih bersungguh-sungguh menekankan tentang solah dan menyuruh menunaikan hak-hak hamba sahaya. Begitu juga telah diriwayatkan oleh Hazrat Ali ؓ bahawa perkataan terakhir Baginda ﷺ ialah perintah mengambil berat tentang solah dan takutkan Allah ﷻ dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan hamba sahaya (الجامع الصغير- Jami ul Saghir).

Sekali Baginda ﷺ telah mengutus satu jemaah tentera ke Najd. Mereka pulang dengan begitu cepat serta membawa harta rampasan yang banyak. Orang ramai sangat hairan kerana dalam masa yang begitu singkat mereka kembali dengan harta rampasan dan kejayaan yang besar. Lalu Rasulullah ﷺ bersabda, "Inginkah kamu mengetahui tentang segolongan manusia yang memperoleh keuntungan yang lebih banyak daripada harta benda

itu dalam masa yang lebih singkat? Mereka itu ialah orang yang mengerjakan solah subuh dengan berjemaah, kemudian duduk hingga terbit matahari, lalu mengerjakan dua rakaat solah sunat isyraq (waktunya lebih kurang dua puluh minit selepas terbit matahari). Mereka ini ialah orang yang memperoleh keuntungan yang sangat banyak dalam masa yang sangat singkat.

Hazrat Shaqiq Balkhi rah. seorang ahli sufi dan wali Allah yang masyhur berkata, "Kami mencari lima perkara dan menemui perkara-perkara itu melalui lima amalan, 1. Keberkatan rezeki didapati melalui solah dhuha. 2. Cahaya di dalam kubur didapati melalui solah tahajud. 3. Jawapan terhadap soalan Munkar dan Nakir didapati melalui membaca al-Quran. 4. Mudah melintasi titian sirat didapati melalui berpuasa dan bersedekah. 5. Mendapat naungan di bawah Arasy Ilahi melalui mengingati Allah ﷻ dalam keadaan bersunyi diri." (نزهة المجالس)

Penekanan dan penerangan tentang solah dan kelebihan-kelebihan solah terdapat dalam banyak kitab hadith. Sangat sukar untuk dicatatkan keseluruhan perkara itu. Sebagai usaha untuk mendapat keberkatan, di bawah ini ditulis mafhum beberapa hadith Baginda ﷺ. 1. Solah merupakan perintah Allah ﷻ yang pertama ke atas umatku dan solahlah yang pertama akan dihisab pada hari kiamat. 2. Takutilah Allah ﷻ tentang solah. Takutilah Allah ﷻ tentang solah. Takutilah Allah ﷻ tentang solah. 3. Solah adalah pemisah antara seseorang yang beriman dengan syirik. 4. Solah ialah tanda Islam. Seseorang yang bersolah dengan khushuk serta memelihara waktu solah dan perkara-perkara yang disunatkan dalam solah adalah seorang mukmin. 5. Tidak ada amalan yang difardukan oleh Allah ﷻ lebih afdal daripada iman dan solah. Sekiranya terdapat amalan-amalan yang lebih afdal daripada solah, nescaya Allah ﷻ akan memerintahkan para malaikat untuk melakukan amalan-amalan itu. Oleh itu, sepanjang siang dan malam ada malaikat yang rukuk dan ada yang sujud. 6. Solah adalah tiang agama. 7. Solah menghitamkan muka syaitan. 8. Solah adalah nur bagi orang mukmin. 9. Solah adalah sebaik-baik jihad. 10. Apabila seorang mulai mengerjakan solah, Allah ﷻ menumpukan sepenuh perhatian kepadanya. Apabila dia selesai bersolah Allah ﷻ akan mengalihkan perhatian daripadanya. 11. Apabila bala turun dari langit maka mereka yang memakmurkan

masjid terselamat daripada bala itu. 12. Kalaulah seseorang dimasukkan ke dalam neraka kerana sesuatu sebab, api neraka tidak akan membakar bahagian anggota sujud. 13. Allah ﷻ telah mengharamkan api neraka daripada menyentuh anggota sujud. 14. Amalan yang paling disukai oleh Allah ﷻ ialah solah yang ditunaikan pada awal waktu. 15. Keadaan manusia yang paling disukai oleh Allah ﷻ ialah ketika melihat seseorang itu sujud dan dahinya menyentuh ke tanah. 16. Seorang itu sangat hampir dengan Allah ﷻ ketika dia dalam keadaan sujud. 17. Solah adalah anak kunci syurga. 18. Apabila seorang berdiri untuk mengerjakan solah maka terbukalah pintu-pintu syurga dan tabir antara dia dengan Allah ﷻ disingkap, selagi dia tidak melakukan perkara-perkara yang makruh. 19. Seorang yang bersolah adalah seperti dia sedang mengetuk pintu Raja segala raja dan pada kebiasaannya apabila pintu diketuk berterusan maka pastilah pintu itu akan dibuka. 20. Kedudukan solah dalam agama adalah seumpama kedudukan kepala pada badan. 21. Solah adalah cahaya bagi hati. Sesiapa yang ingin jadikan hatinya bercahaya maka usahakanlah melalui bersolah. 22. Seseorang yang mengambil wuduk dengan sempurna lalu menunaikan dua atau empat rakaat solah fardu atau sunat dengan khusyuk dan khudu lalu memohon keampunan daripada Allah ﷻ terhadap dosanya maka Allah ﷻ akan mengampuninya. 23. Bahagian bumi yang di atasnya terdapat manusia yang mengingati Allah ﷻ dengan menunaikan solah, bahagian itu berbangga ke atas bahagian bumi yang lain. 24. Seseorang yang menunaikan dua rakaat solah lalu memohon sebarang hajat daripada Allah ﷻ maka permohonannya itu akan diperkenankan sama ada pada ketika itu juga atau dilambatkan sedikit kerana sesuatu maslahat[1]. 25. Sesiapa yang mengerjakan solah dua rakaat bersendirian dan tiada siapa yang melihatnya kecuali Allah ﷻ serta malaikat-malaikatNya maka dia mendapat jaminan kelepasan daripada api neraka. 26. Sesuatu doa akan dimakbulkan oleh Allah ﷻ selepas seorang itu menunaikan setiap solah fardunya. 27. Seseorang yang mengambil berat terhadap solah lima waktu dengan menyempurnakan rukuk, sujud, wuduk dan lain-lain dengan sempurna maka pasti dia akan memasuki syurga dan neraka diharamkan ke atasnya. 28. Selagi

---

[1] Sesuatu manafaat dan kebaikan.

seseorang Islam mengambil berat dalam menunaikan solah lima waktu maka selagi itulah syaitan akan takut kepadanya. Apabila dia mencuaikan solah maka syaitan menjadi berani dan bersungguh-sungguh untuk menyelewengkannya. 29. Amalan yang paling baik ialah mendirikan solah pada awal waktu. 30. Solah adalah persembahan orang yang bertakwa kepada Allah ﷻ. 31. Solah yang paling disukai oleh Allah ﷻ ialah solah yang dikerjakan pada awal waktu. 32. Mereka yang pergi mengerjakan solah pada waktu subuh membawa bendera iman. Sementara mereka yang ke pasar (tanpa bersolah subuh) membawa bendera syaitan. 33. Pahala empat rakaat solah sunat sebelum zuhur sama seperti pahala empat rakaat solah tahajud. 34. Empat rakaat solah sunat sebelum zuhur, sama dengan empat rakaat solah tahajud. 35. Apabila seseorang berdiri untuk mengerjakan solah maka rahmat Allah ﷻ tertumpu kepadanya. 36. Solah yang paling afdal ialah solah pada tengah malam, tetapi sangat sedikit orang yang mengerjakannya. 37. Jibril a.s. datang menemui saya lalu berkata, "Wahai Muhammad, walau berapa lama tuan hidup, satu hari nanti tuan akan mati. Cintailah sesiapa yang tuan suka, satu hari tuan akan berpisah dengannya. Sebarang amalan yang tuan buat (baik atau buruk) tuan pasti mendapat balasannya. Tidak syak lagi bahawa ketinggian dan kemuliaan seorang mukmin adalah dalam solah tahajud dan penghormatannya adalah dalam bersifat 'إستغناء' (istighna) yakni tidak mengharapkan sesuatu daripada manusia. 38. Solah dua rakaat pada akhir malam adalah lebih bernilai daripada seluruh harta benda dunia. Kalaulah tidak kerana dikhuatiri menyusahkan ummatku nescaya aku mewajibkannya. 39. Hendaklah kamu mengerjakan solah tahajud, kerana solah ini adalah amalan orang soleh dan jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah ﷻ. Solah tahajud menghalang kita daripada melakukan dosa, penghapus dosa dan menambahkan kesihatan badan. 40. Allah ﷻ berfirman, "Hai anak Adam, jangan kamu malas daripada mengerjakan solah empat rakaat pada permulaan hari nescaya Aku akan menyelesaikan masalah-masalah kamu sepanjang hari itu."

Galakan dan kelebihan solah telah banyak disebutkan dalam kitab-kitab hadith. Adalah memadai dengan empat puluh hadith ini kerana sekiranya seseorang menghafalkan hadith-hadith ini nescaya dia akan mendapat kelebihan menghafal empat puluh hadith.

Sebenarnya solah adalah satu anugerah yang besar daripada Allah ﷻ. Hanya mereka yang benar-benar mengecapi nikmat bersolah sahaja yang dapat menghargainya. Oleh sebab itulah Rasulullah ﷺ menyatakan bahawa solah adalah penyejuk mata Baginda. Baginda ﷺ menghabiskan sebahagian besar malam hari dengan bersolah kerana menikmati kelazatan bersolah. Oleh kerana itulah, Baginda ﷺ mewasiatkan tentang solah secara khusus dan menegaskan supaya mengambil berat terhadap solah ketika Baginda ﷺ hampir wafat. Diriwayatkan dalam banyak hadith bahawa Baginda ﷺ bersabda, " اِتَّقُوا اللهَ فِي الصَّلَاةِ " (Takutilah Allah ﷻ dalam perkara solah).

Hazrat 'Abdullah bin Mas'ud رضي الله عنه telah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Daripada segala amalan, solahlah yang paling aku kasihi." Seorang sahabat berkata, "Pada suatu malam saya berjalan berhampiran dengan masjid Nabi ﷺ. Pada ketika itu Rasulullah ﷺ sedang mengerjakan solah. Saya pun berkeinginan untuk bersolah di belakang Baginda ﷺ lalu saya pun menyertainya. Rasulullah ﷺ sedang membaca surah al-Baqarah. Saya fikir pada ayat yang keseratus Rasulullah ﷺ akan rukuk. Walau bagaimanapun, setelah berlalu (100 ayat) Baginda ﷺ tidak juga rukuk. Saya berfikir barangkali Rasulullah ﷺ akan rukuk setelah selesai membaca ayat yang kedua ratus tetapi setelah sampai ke ayat dua ratus juga Baginda ﷺ tidak rukuk. Saya menyangka Rasulullah ﷺ akan rukuk setelah selesai membaca surah itu tetapi setelah selesai surah tersebut, Baginda ﷺ membaca beberapa kali "اَللّٰهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ" (Allahumma-Lakal-Hamd) dan mulai membaca surah Ali-'Imran. Saya berfikir dan mengagak di akhir surah ini pasti Rasulullah ﷺ akan rukuk. Setelah selesai membaca surah tersebut Baginda ﷺ menyebut pula "اَللّٰهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ" (Allahumma- Lakal-Hamd) tiga kali dan mulai membaca surah al-Maidah. Setelah selesai membaca surah itu barulah Baginda ﷺ rukuk. Dalam rukuk Baginda ﷺ berkali-kali membaca, "سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيْمِ" (Subhana-Rabbiyal-'azim) dan membaca zikir dan doa yang lain yang saya tidak dapat memahaminya. Begitu juga dalam sujud Baginda ﷺ berkali-kali membaca,"سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلٰى" (Subhana-Rabbiyal-'ala) dan juga membaca zikir dan doa yang lain. Pada rakaat yang kedua Rasulullah ﷺ mulai membaca surah al-An'am. Saya

tidak mampu lagi untuk meneruskan solah bersama Baginda ﷺ dan terpaksa beredar." Baginda ﷺ telah membaca lebih kurang lima juzuk al-Quran dalam rakaat yang pertama sahaja. Tambahan pula, ayat-ayat tersebut dibaca satu persatu dengan tajwid, tenang, dan tartil. Dalam keadaan begini, bayangkanlah betapa panjangnya setiap satu rakaat solah itu. Inilah sebabnya kaki Baginda ﷺ menjadi bengkak. Sesungguhnya apabila kelazatan sesuatu perkara telah masuk ke dalam hati seseorang maka dia tidak lagi berasa kesusahan dan kepayahan dalam mengerjakan perkara itu.

Hazrat Abu Ishaq Subaihi rah. adalah seorang muhaddith yang masyhur. Beliau telah meninggal dunia ketika berusia seratus tahun. Beliau sentiasa meluahkan perasaan sedih kerana keseronokan dalam mengerjakan solah semakin luput lantaran keuzuran kesihatannya dan usianya yang semakin lanjut. Dalam dua rakaat beliau hanya mampu membaca dua surah iaitu surah al-Baqarah dan Ali-`Imran. Dua surah inipun sudah merangkumi hampir empat juzuk al-Quran. Hazrat Muhammad bin Sammak rah. berkata; "Jiran saya di Kufah mempunyai seorang anak lelaki yang sentiasa berpuasa pada siang hari dan mendirikan solah sepanjang malam serta membaca syair cinta terhadap Allah ﷻ. Badannya menjadi kurus kering sehingga hanya tulang dan kulit sahaja yang tinggal. Ayahnya mendesak saya agar menasihati anaknya itu. Satu ketika semasa saya sedang duduk dipintu rumah saya tiba-tiba dia lalu di hadapan saya. Saya telah memanggilnya dan diapun datang sambil memberi salam dan terus duduk. Anak muda itu telah bersuara sebelum sempat saya mengeluarkan sebarang kata-kata, " Barangkali pakcik berniat untuk menasihati saya supaya mengurangkan amal ibadat saya. Pakcik, saya dan beberapa orang anak muda di kariah ini telah membuat keputusan bahawa kami ingin melihat siapakah antara kami yang akan berusaha lebih dalam beribadat. Mereka telah berusaha bersungguh-sungguh sehingga sampai seruan kembali ke rahmatullah. Mereka semua telah kembali ke rahmatullah dengan penuh riang dan gembira. Kini tinggallah saya seorang sahaja. Kemungkinan amalan saya ini dipamerkan kepada mereka dua kali sehari. Apakah yang mereka akan kata sekiranya mendapati ada kekurangan dalam amalan saya? Pakcik, teman-teman saya telah benar-benar berusaha keras dalam mengerjakan amal ibadat." Anak muda itu telah

menceritakan usaha-usaha dan mujahadah teman-temannya sehingga menyebabkan saya kagum mendengar ceritanya itu. Kemudian anak muda itu pun bangun dan berlalu pergi. **Pada hari yang ketiga kami telah mendengar bahawa dia juga telah meninggal dunia.**" رحِمَهُ الله رَحْمَةً وَاسِعَة (نزهة - Nuzhah)

Pada zaman yang penuh dengan kerosakan ini masih juga terdapat di kalangan hamba-hamba Allah ﷻ yang menghabiskan sebahagian besar malam mereka dengan mendirikan solah, sementara pada siang hari pula sibuk dengan urusan agama, seperti berdakwah dan mengajar ilmu agama. Maulana Abdul Wahid Lahori rah. adalah seorang murid kepada Hazrat Mujaddid Al-Fathani rah. Suatu hari beliau berkata, "Apakah tidak ada solah dalam syurga kelak?" Seorang bertanya, "Mengapa pula perlu ada solah dalam syurga? Syurga adalah tempat menerima balasan amalan bukan tempat untuk beramal." Beliau pun mengeluh panjang dan mulai menangis seraya berkata, "Bagaimana daku boleh menikmati kehidupan dalam syurga tanpa solah?" Oleh kerana terdapat manusia yang sebeginilah maka dunia ini terus kekal. Sebenarnya inilah manusia yang telah mengambil sepenuh manfaat daripada kehidupan di dunia ini. Tidak mustahil sekiranya hamba yang daif ini juga dikurniakan dengan kesibukan beramal ibadat menerusi kerahiman Allah ﷻ Yang Maha Luas dan dengan berkat mereka yang telah bersungguh-sungguh dalam melaksanakan perintah-perintah Allah ﷻ.

Bahagian ini diakhiri dengan kisah yang sungguh menarik yang dipetik daripada kitab 'Munabbihat' (المنبهات) yang ditulis oleh Hazrat Hafiz Ibnu Hajar rah. Dalam satu majlis semasa bersama-sama dengan para sahabat, Rasulullah ﷺ bersabda, "Allah ﷻ menjadikan hatiku menyukai tiga perkara di dunia ini, wangi-wangian, wanita dan solah yang menjadi penyejuk mata ku." Hazrat Abu Bakar ؓ berkata, "Segala yang disabda oleh tuan itu benar. Saya juga menyukai tiga perkara, melihat wajah Rasullullah, harta-bendaku dibelanjakan untuk Rasulullah ﷺ dan anak perempuanku dinikahkan dengan Rasulullah ﷺ". Kata Hazrat 'Umar ؓ, "Benar, wahai Abu Bakar saya juga menyukai tiga perkara, iaitu amr bil ma'aruf (menyuruh berbuat baik), nahi 'anil mungkar (mencegah kemungkaran) dan memakai pakaian yang usang." Hazrat 'Uthman ؓ berkata, "Segala yang kamu kata itu benar, wahai 'Umar saya

juga menyukai tiga perkara iaitu memberi makanan kepada orang yang lapar, memberi pakaian kepada orang yang tidak berpakaian dan membaca al-Quran." Kata Hazrat Ali رضي الله عنه, "Segala yang dikatakan oleh kamu itu benar wahai 'Uthman, Saya juga menyukai tiga perkara melayani tetamu, berpuasa pada hari yang panas dan memancung kepala musuh." Pada ketika itu Hazrat Jibril a.s. muncul lalu berkata, "Saya dihantar oleh Allah ﷻ supaya memberitahu kamu perkara yang akan saya suka jika saya seorang manusia." Baginda ﷺ berkata, "Beritahulah," Jibril a.s. berkata, "Memimpin orang yang sesat, mengasihi orang miskin yang soleh dan membantu orang miskin yang mempunyai ramai anak." Hazrat Jibril a.s berkata lagi, "Allah ﷻ menyukai tiga perkara daripada hambaNya iaitu menggunakan keupayaan diri dan harta pada jalan Allah ﷻ, menangis kerana kesal atas dosa semasa bertaubat dan bersabar semasa ditimpa kesempitan."

Terdapat dalam kitab 'Zadul Ma'ad' yang ditulis oleh Hafiz Ibnu Qayyim rah. bahawa solah mendatangkan rezeki, memelihara kesihatan, menjauhkan penyakit, mencekalkan hati, menyerikan dan mencantikkan wajah, menenangkan jiwa, mencergaskan anggota badan, menghilangkan kemalasan, membuka pintu hati, menjadi santapan rohani, menerangkan hati, memelihara nikmat kurniaan Allah ﷻ, menghindarkan diri daripada azab Allah ﷻ, menjauhkan syaitan dan menjadikan diri hampir kepada Allah ﷻ. Kesimpulannya, solah memainkan peranan yang penting dalam memelihara kesihatan rohani dan jasmani. Solah juga memainkan peranan yang penting untuk menjauhkan kemudaratan dan membawa manfaat di dunia dan di akhirat.

BAHAGIAN KEDUA

AMARAN DAN CELAAN KE ATAS MEREKA YANG MENINGGALKAN SOLAH

Seksaan yang amat berat terhadap orang yang meninggalkan solah telah disebutkan dalam kitab-kitab hadith. Di sini ditulis beberapa hadith sebagai contoh. Bagi seorang yang waras, satu sabdaan Rasulullah ﷺ sahaja pun sudah memadai untuknya. Namun, disebabkan kasih yang amat mendalam kepada umat, Rasulullah ﷺ berulang-ulang kali dengan menggunakan pelbagai cara cuba menarik perhatian umat (yang berbangga sebagai pengikut Baginda ﷺ) terhadap azab-azab yang akan menimpa seseorang yang meninggalkan solah supaya mereka tidak akan lagi mencuaikan solah. Sungguh pun Rasulullah ﷺ begitu sekali mengambil berat tentang solah, namun keadaan kita amat menyedihkan. Kita masih tidak mengambil berat tentang solah, sebaliknya tanpa segan silu kita mendakwa sebagai umat dan pengikut Rasulullah ﷺ serta bermegah pula di atas keislaman kita.

HADITH 1

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ قَالَ قال رَسُولُ اللهِ ﷺ بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الْكُفْرِ تَرْكُ الصَّلَاةَ.

رواه أحمدَ ومسلم وقال بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشِّرْك وَ الْكُفْرِ تَرْكُ الصَّلَاةَ أبو داود والنسائي ولفظه لَيْسَ بَيْنَ الْعَبْدِ وَبَيْنَ الْكُفْرِ إلاَّ تَرْكُ الصَّلَاةِ والترمذي ولفظه قال بَيْنَ الْكُفْرِ والإيمان تَرْكُ الصَّلَاةَ وابن ماجة ولفظه قال بَيْنَ الْعَبْدِ وَبَيْنَ الْكُفْرِ تَرْكُ الصَّلَاةَ كذا في الترغيب للمنذريَ وقال السيوطيَ في الدر لحديث جابر أخرجه ابن أبي شيبة وأحمد ومسلَم وأبو داود والترمذي والنسائي وابن ماجة ثم قال وأخرج ابن أبي شيبة وأحمد وأبو داود والترمذي وصححه والنسائي وابن ماجة وابن حبان والحاكم وصححه عن بريدة مرفوعا الْعَهْدُ الَّذِي بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمُ الصَّلَاةَ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ.

Diriwayatkan daripada Hazrat Jabir bin 'Abdullah رضي الله عنه katanya Rasulullah ﷺ bersabda, "Meninggalkan solah menghubungkan seseorang dengan kufur." Dalam riwayat yang lain, "Meninggalkan solah menghubungkan seseorang dengan syirik dan kufur." (Hadith riwayat Imam Ahmad, Muslim dll)

Keterangan

Perkara seumpama ini juga terdapat dalam banyak hadith yang lain. Disebutkan dalam sebuah hadith bahawa apabila hari mendung, hendaklah kamu bersegera mendirikan solah, kerana meninggalkan solah akan menjadi kafir. Maksud hadith di atas ialah, jangan sampai solah diqada' kerana tidak dapat mengetahui waktu solah yang tepat disebabkan cuaca mendung. Oleh itu, sekiranya terjadi sedemikian pun masih dianggap sebagai meninggalkan solah. Betapa kerasnya amaran daripada Rasulullah ﷺ dengan menjatuhkan hukuman kufur kepada seseorang yang meninggalkan solah. Walaupun demikian, menurut pendapat alim ulama, hukum kufur dalam hadith ini dijatuhkan ke atas seseorang yang mengingkari kewajipan solah lima waktu. Namun, amaran-amaran Rasulullah ﷺ ini amat berat bagi mereka yang memuliakan Baginda ﷺ dan mementingkan setiap sabdaan Baginda ﷺ. Tambahan pula, ramai antara para sahabat yang unggul, seperti Hazrat 'Umar ؓ, Hazrat 'Abdullah bin Mas'ud ؓ, Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma dan lain-lain tetap berpendapat bahawa seseorang yang meninggalkan solah dengan sengaja tanpa sesuatu uzur adalah kafir. Di kalangan para imam pula, Imam Ahmad bin Hanbal rah, Ishak bin Rahwaih rah. dan Ibnu Mubarak rah. juga berpendapat sedemikian.

HADITH 2

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ ؓ قَالَ أَوْصَانِيْ خَلِيْلِيْ رَسُولُ اللهِ ﷺ بِسَبْعِ خِصَالٍ فَقَالَ لاَ تُشْرِكُوْا بِاللهِ شَيْئًا وَإِنْ قُطِعْتُمْ أَوْ حُرِقْتُمْ أَوْ صُلِّبْتُمْ وَلاَ تَتْرُكُوْا الصَّلاَةَ مُتَعَمِّدِيْنَ فَمَنْ تَرَكَهَا مُتَعَمِّدًا فَقَدْ خَرَجَ مِنَ الْمِلَّةِ وَلاَ تَرْكَبُوْا الْمَعْصِيَةَ فَإِنَّهَا سَخَطُ اللهِ وَلاَ تَشْرَبُوْا الْخَمْرَ فَإِنَّهَا رَأْسُ الْخَطَايَا كُلِّهَا. الحديث رواه الطبراني ومحمد بن نصر في كتاب الصلاة بإسنادين لا بأس بهما كذا في الترغيب وهكذا ذكره السيوطي في الدر المنثور وعزاه إليهما وفي المشكوة برواية ابن ماجة عن ابن أبي الدرداء نحوه.

Hazrat 'Ubadah bin Somit ؓ telah berkata, "Kekasihku Rasulullah ﷺ telah mewasiatkan kepadaku tujuh perkara. Sabda Baginda ﷺ, "Jangan menyengutukan Allah ﷻ dengan sesuatu apapun, walaupun kamu akan dibunuh atau dibakar atau disalib. Jangan meninggalkan solah dengan sengaja, kerana sesiapa yang meninggalkan solah dengan sengaja akan terkeluar daripada agama Islam. Jangan melakukan maksiat, kerana perbuatan maksiat itu akan menyebabkan kemurkaan Allah ﷻ dan jangan minum arak, kerana perbuatan ini adalah ibu segala maksiat." (Hadith riwayat Imam Tabarani)

Keterangan

Perkara yang sama terdapat dalam sebuah hadith lagi yang diriwiyatkan oleh Hazrat Abu Darda ؓ katanya, "Kekasihku Rasulullah ﷺ telah mewasiatkan kepada saya bahawa jangan sekali-kali anda menyengutukan Allah ﷻ dengan sesuatu apa pun, walaupun kamu dicincang atau dibakar. Jangan tinggalkan solah dengan sengaja kerana sesiapa yang meninggalkan solah dengan sengaja maka Allah ﷻ tidak bertanggung jawab terhadapnya. Jangan minum arak kerana perbuatan ini adalah kunci segala kejahatan."

HADITH 3

عَنْ مُعَاذ بْنِ جَبَلٍ ؓ قَالَ أَوْصَانِي رَسُولُ اللهِ ﷺ بِعَشْرِ كَلِمَات قَالَ لاَ تُشْرِكْ بِاللهِ شَيْئًا وَإِنْ قُتلْتَ أَوْ حُرِّقْتَ وَلاَ تَعُقَّنَّ وَالديْكَ وَإِنْ أَمَرَاكَ أَنْ تَخْرُجَ مِنْ أَهْلِكَ وَمَالِكَ وَلاَ تَتْرُكَنَّ صَلاَةً مَكْتُوبَةً مُتعَمِّدًا فَإِنَّ مَنْ تَرَكَ صَلاَةً مَكْتُوبَةً مُتَعَمِّدًا فَقَدْ بَرِئَتْ مِنْهُ ذِمَّةُ اللهِ وَلاَ تَشْرَبَنَّ خَمْرًا فَإِنَّهُ رَأْسُ كُلِّ فَاحِشَةٍ وَإِيَّاكَ وَالْمَعْصِيَةَ فَإِنَّ بِالْمَعْصِيَةِ حَلَّ سَخَطُ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ وَإِيَّاكَ وَالْفِرَارَ مِنَ الزَّحْفِ وَإِنْ هَلَكَ النَّاسُ وَإِذَا أَصَابَ النَّاسَ مُوتٌ وَأَنْتَ فِيهِمْ فَاثْبُتْ وَأَنْفِقْ عَلَى عِيَالِكَ مِنْ طَوْلِكَ وَلاَ تَرْفَعْ عَنْهُمْ عَصَاكَ أَدَبًا وَأَخِفْهُمْ فِي اللهِ. رواه أحمد والطبراني في الكبير وإسناد أحمد صحيح ومسلم من الإنقطاع فإن عبد الرحمن ابن جبير لم

يسمع من معاذ كذا في الترغيب وإليهما عزاه السيوطي في الدر و لم يذكر الإنقطاع ثم قال
وأخرج الطبراني عن أميمة مولاة رَسُولِ اللهِ ﷺ قَالَتْ كُنْتُ أَصُبُّ عَلَى رَسُولِ اللهِ ﷺ وَضُوْءَهُ فَدَخَلَ رَجُلٌ فَقَالَ أَوْصِنِي فَقَالَ لاَ تُشْرِكْ بِاللهِ شَيْئًا وَإِنْ قُطِعْتَ أَوْ حُرِقْتَ وَلاَ تَعْصِ وَالِدَيْكَ وَإِنْ أَمَرَاكَ أَنْ تُخَلِّيَ مِنْ أَهْلِكَ وَدُنْيَاكَ فَتَخَلَّهُ وَلاَ تَشْرَبَنَّ خَمْرًا فَإِنَّهُ مِفْتَاحُ كُلِّ شَرٍّ وَلاَ تَتْرُكَنَّ صَلاَةً مُتَعَمِّدًا فَمَنْ فَعَلَ ذَلِكَ فَقَدْ بَرِأَتْ مِنْهُ ذِمَّةُ اللهِ وَرَسُوْلِهِ.

Diriwayatkan daripada Hazrat Mu'az bin Jabal ؓ katanya, "Rasulullah ﷺ telah mewasiatkan kepada saya mengenai sepuluh perkara, l) Jangan menyengutukan Allah ﷻ dengan sesuatu apapun, walaupun kamu akan dibunuh atau dibakar. 2) Jangan kamu menderhakai kedua-dua ibu bapa kamu, meskipun mereka menyuruh kamu berpisah dengan isteri dan harta-benda kamu. 3) Janganlah kamu meninggalkan solah fardu dengan sengaja kerana sesungguhnya sesiapa yang meninggalkan solah dengan sengaja maka dia terlepas daripada tanggungjawab Allah ﷻ. 4) Jangan sekali-kali minum arak kerana perbuatan ini adalah punca segala maksiat. 5) Jauhilah diri kamu daripada perbuatan maksiat, kerana perbuatan ini akan menyebabkan kemurkaan Allah ﷻ. 6) Jangan lari dari medan pertempuran, walaupun semua rakan kamu telah terbunuh. 7) Jangan berpindah dari tempat berlakunya kematian akibat wabak yang sedang merebak seperti taun dan sebagainya. 8) Belanjalah untuk keluarga kamu mengikut kemampuan kamu dan 9) Jangan kamu mengelak daripada merotani anak-anak sebagai amaran supaya mereka berakhlak baik dan 10) takutkan mereka kepada Allah ﷻ." (Hadith riwayat Imam Ahmad dan Tabarani)

Keterangan

"Jangan mengelak daripada merotani ..." bermaksud jika anak-anak tidak dirotan, mereka akan melakukan sesuatu mengikut sesuka hati mereka tanpa berasa risau walau sedikit pun. Ini kerana tiada sesiapapun yang memberi teguran dan tidak pula memukul mereka. Sedangkan sekali sekala mereka perlu dipukul sekadar yang dibenarkan dalam hukum syara' kerana jika tidak dipukul langsung, biasanya mereka kurang terdidik. Dewasa ini, kerana terlalu sayangkan anak, ibu bapa tidak memberi sebarang amaran

dan peringatan kepada anak-anak sejak daripada peringkat awal lagi. Setelah mereka menjadi sebati dengan kelakuan yang buruk, barulah kita mula mengadu hal mereka. Ini bukan tanda sayangkan anak. Tidak mencegah mereka daripada melakukan perbuatan yang buruk dan menganggap merotani anak-anak bertentangan dengan sifat kasih sayang, merupakan satu kesilapan yang besar terhadap mereka. Bolehkah seseorang yang bijak sanggup membiarkan penyakit bisul yang dialami oleh anaknya merebak dan tidak membenarkan anaknya menjalani pembedahan kerana takut akan menyusahkan dan melukakan anaknya dengan pisau pembedahan? Sudah tentu dia sanggup membenarkan anaknya dibedah walaupun anaknya menangis dan tidak mahu dirawat.

Terdapat dalam banyak hadith bahawa Rasulullah ﷺ menyarankan ibu bapa supaya menyuruh anak-anak yang berumur tujuh tahun mendirikan solah dan merotani anak-anak yang berumur sepuluh tahun jika mereka masih tidak mahu mendirikan solah. Hazrat 'Abdullah bin Mas'ud ؓ berkata, "Awasilah solah anak-anak, didiklah mereka dengan budi pekerti dan tingkah laku yang baik." Hazrat Lukmanulhakim a.s. berkata, "Pukulan seorang ayah terhadap anak-anaknya adalah seumpama air bagi sawah." (الدر المنثور – Dur al-Manthur). Rasulullah ﷺ bersabda bahawa memberi peringatan kepada anak-anak lebih baik daripada mensedekahkan satu saa' gandum. (Satu saa' bersamaan lebih kurang 3 kg.). Dalam satu hadith, Rasulullah ﷺ bersabda, "Semoga Allah ﷻ merahmati seseorang yang menggantung tali cambuk di dalam rumahnya untuk memberi peringatan kepada ahli keluarganya." Dalam sebuah hadith lagi, Rasulullah ﷺ bersabda, "Tidak ada sesuatu pemberian hadiah yang lebih baik daripada seorang bapa kepada anaknya melainkan mengajar budi pekerti yang baik kepada mereka" (الجامع الصغير – Jami' al-Shaghir).

HADITH 4

عَنْ نَوْفَلِ بْنِ مُعَاوِيَةَ ؓ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ يَقُولُ مَنْ فَاتَتْهُ صَلاَةٌ فَكَأَنَّمَا وُتِرَ أَهْلَهُ وَمَالَهُ. رواه ابن حبان في صحيحه كذا في الترغيب زاد السيوطي في الدر والنسائي أيضا قلت ورواه أحمد في مسنده.

Diriwayatkan daripada Hazrat Naufal bin Muawiyah ﷺ, katanya Rasulullah ﷺ telah bersabda, “Seseorang yang terluput satu solah adalah seumpama seorang yang telah kehilangan keluarga dan harta bendanya.” (Hadith riwayat Imam Ibnu Hibban dan Ahmad)

Keterangan

Biasanya solah terluput kerana seseorang itu sibuk melayani kaum keluarga atau sibuk mengejar kekayaan. Baginda ﷺ menyatakan bahawa seorang yang meninggalkan solah adalah seumpama seseorang yang kehilangan seluruh kaum keluarga, harta benda dan tinggallah dia sehelai sepinggang. Yakni sebanyak mana kerugian yang ditanggungnya akibat kehilangan segala-galanya begitulah juga kerugian yang akan dialaminya jika meninggalkan solah. Oleh yang demikian, seseorang itu sepatutnya berdukacita jika terluput satu solah seumpama seorang yang berdukacita akibat kehilangan seluruh kaum keluarga dan harta benda. Sekiranya seorang itu mendengar berita daripada seseorang yang boleh dipercayainya bahawa rompakan selalu berlaku di sebatang jalan pada waktu malam dan sesiapa yang melalui jalan itu akan dirompak dan dibunuh maka beranikah dia melalui jalan tersebut pada waktu malam? Bukan setakat malam hari, bahkan pada siang hari pun orang tidak akan melalui jalan itu. Kita semua percaya bahawa Baginda ﷺ adalah pesuruh Allah ﷻ yang benar. Sungguhpun Baginda ﷺ telah berkali-kali memberi amaran kepada kita, namun kita tidak menghiraukan amaran-amaran Baginda ﷺ dan masih meninggalkan solah demi solah.

HADITH 5

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ مَنْ جَمَعَ بَيْنَ الصَّلاَتَيْنِ مِنْ غَيْرِ عُذْرٍ فَقَدْ أَتَى بَابًا مِنْ أَبْوَابِ الْكَبَائِرِ.

رواه الحاكم وقال حنش هو ابن قيس ثقة وقال الحافظ بل رواه بمرة لا نعلم أحدًا وثقه غير حصين بن نمير كذا في الترغيب زاد السيوطي في الدر الترمذي أيضا وذكر في اللآلي له شواهد وكذا في التعقبات وقال الحديث أخرجه الترمذي وقال حنش ضعيف ضعفه أحمد وغيره والعمل على هذا عند أهل العلم فأشار بذلك إلى أن الحديث اعتضد بقول أهل العلم وقد صرح غير واحد بأن من دليل صحة الحديث قول أهل العلم به وإن لم يكن له اسناد يعتمد على مثله انتهى.

Diriwayatkan daripada Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma katanya Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesiapa yang mengumpul dua solah tanpa sebarang keuzuran, sesungguhnya dia telah tiba ke salah satu pintu dosa besar." (Hadith riwayat Imam Hakim)

Keterangan

Hazrat 'Ali ؓ berkata bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda, "Jangan melambat-lambatkan dalam tiga perkara. Pertama, solah, apabila telah masuk waktunya. Kedua, pengebumian mayat, apabila jenazah sudah disiapkan. Ketiga, mengahwinkan seorang wanita, apabila jodoh yang sesuai sudah didapati." Ramai orang yang menganggap diri mereka soleh dan mereka juga dianggap seorang yang mengambil berat tentang solah. Namun, disebabkan alasan yang kecil seperti safar (perjalanan), mengurus kedai atau apa-apa pekerjaan maka banyak solah ditinggalkan. Setelah pulang ke rumah barulah mereka mengqadakan solah-solah yang ditinggalkan itu. Tidak mengerjakan solah pada waktunya tanpa sebarang keuzuran seperti sakit dan seumpamanya adalah satu dosa besar. Walaupun dosa menangguhkan solah tidaklah sebesar meninggalkan solah, namun dosa tidak mengerjakan solah pada waktunya amat berat dan masih tidak mencukupi hanya dengan mengqadakan solah (kecuali dengan bertaubat).

HADITH 6

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ ذَكَرَ الصَّلاَةَ يَوْمًا فَقَالَ مَنْ حَافَظَ عَلَيْهَا كَانَتْ لَهُ نُورًا وَبُرْهَانًا وَنَجَاةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمَنْ لَمْ يُحَافِظْ عَلَيْهَا لَمْ يَكُنْ لَهُ نُورٌ وَلاَ بُرْهَانٌ وَلاَ نَجَاةٌ وَكَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ فِرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَأُبَيِّ بْنِ خَلَفٍ.

أخرجه أحمد وابن حبان والطبراني كذا في الدر المنثور للسيوطي وقال الهيثمي رواه أحمد والطبراني في الكبير والأوسط ورجال أحمد ثقات وقال ابن حجر في الزواجر أخرجه أحمد بسند جيد وزاد فيه قارون ايضا مع فرعون وغيره وكذا زاده في منتخب الكنز برواية ابن نصر والمشكوة أيضا برواية أحمد والدارمي والبيهقي في الشعب وابن القيم في كتاب الصلاة.

Diriwayatkan daripada Hazrat 'Abdullah bin 'Amr r.anhuma katanya suatu hari Rasulullah ﷺ menyebut tentang solah. Baginda ﷺ bersabda, "Sesiapa yang menjaga solah maka pada hari kiamat, solahnya akan menjadi nur, pembela dan penyelamat baginya. Sesiapa yang tidak menjaga solahnya, tiadalah baginya cahaya, pembela dan penyelamat. Pada hari kiamat, dia akan bersama-sama Firaun, Haman dan Ubai bin Khalaf." (Hadith riwayat Imam Ahmad dan Ibnu Hibban)

Keterangan

Semua orang mengetahui kekufuran Firaun yang begitu dahsyat, sehingga dia telah mendakwa dirinya sebagai Tuhan. Haman pula adalah Perdana Menterinya dan Ubai bin Khalaf merupakan musuh ketat Islam di kalangan musyrikin Mekah. Sebelum hijrah Ubai bin Khalaf selalu berkata kepada Rasulullah ﷺ, "Saya memelihara seekor kuda yang diberi makanan yang cukup. Saya akan membunuh kamu dengan menunggangi kuda itu suatu hari nanti." Nabi ﷺ sekali pernah menjawab dan memberitahunya, "InsyaAllah, sayalah yang akan membunuh kamu." Dalam peperangan Uhud dia berkeliaran di medan pertempuran mencari Rasulullah ﷺ sambil berkata, "Jika Muhammad terlepas pada hari ini, tiada keselamatan lagi bagiku." Lalu dia pun mara menghampiri Nabi ﷺ dengan niat untuk menyerang Baginda ﷺ. Para sahabat ؓ dari jauh lagi ingin menamatkan riwayat hidupnya tetapi Baginda ﷺ berkata, "Biarkan dia datang." Apabila dia telah hampir, Baginda ﷺ mengambil lembing daripada salah seorang sahabat lalu membaling ke arahnya. Lembing itu terkena pada lehernya dan terguris sedikit. Dia terhoyong-hayang lalu jatuh dari kudanya. Dia lari lintang pukang sehingga sampai kepada tenteranya sambil berteriak, "Demi Tuhan, Muhammad telah membunuh aku." Orang kafir cuba menenangkannya sambil berkata, "Itu cuma melecir sahaja. Tidak usah dibimbangkan sangat." Namun dia berulang kali menjawab, "Muhammad telah memberitahu kepadaku di Mekah bahawa dia akan membunuh aku. Demi Tuhan, jika dia meludahi aku pun nescaya aku mati." Dikatakan bahawa jeritannya seperti seekor lembu jantan. Abu Sufian yang begitu bersemangat dalam peperangan itu telah mengejeknya, "Kamu begitu sekali menjerit

hanya kerana luka yang sedikit." Kata Ubai, "Tahukah kamu pukulan siapakah ini? Ini adalah pukulan Muhammad. Demi Lat dan Uzza (nama dua berhala yang masyhur), kesakitan yang aku alami daripada luka ini begitu dahsyat. Sekiranya kesakitan ini dibahagikan kepada seluruh penduduk Hijaz maka semuanya akan binasa. Sejak Muhammad berkata kepada aku di Mekah bahawa dia akan membunuh aku, aku sudah yakin bahawa aku tidak akan terlepas daripadanya. Setelah Muhammad berkata sedemikian, jika dia meludahi aku sahaja pun, pasti aku akan mati." Dia mati semasa dalam perjalanan pulang, sehari sebelum sampai ke Mekah. Kisah ini sepatutnya menjadi pengajaran bagi kita umat Islam. Seorang kafir yang sangat kuat kekufuran dan permusuhannya terhadap Nabi ﷺ begitu yakin dengan ucapan Rasulullah ﷺ, sehingga sedikit pun tidak ragu-ragu terhadap kematiannya sendiri. Sungguhpun kita mengakui kebenaran Baginda ﷺ bahawa Baginda ﷺ adalah seorang rasul, mengakui kebenaran sabdaannya ﷺ, mendakwa mencintainya ﷺ namun, banyak manakah nasihat Baginda ﷺ yang telah kita ikuti dan sejauh manakah kita takut terhadap azab-azab seperti yang telah diberitahu oleh Baginda ﷺ? Ini adalah satu perkara yang perlu kita selidiki dalam diri kita masing-masing dan lantaran itu tiada sesiapa pun yang boleh memperkatakan sesuatu tentang diri orang lain.

Dalam kitab 'Azzawajir' (الزواجر) yang dikarang oleh Ibnu Hajar rah. Qarun juga disebut bersama dengan Firaun dan lain-lain. Beliau menulis bahawa mereka yang melengah-lengahkan solah akan dibangkitkan di padang mahsyar bersama-sama dengan Firaun dan lain-lain kerana alasan mereka melengah-lengahkan solah adalah sama seperti yang terdapat pada Firaun dan lain-lain. Sekiranya solah dilengahkan disebabkan oleh harta, maka akan dibangkitkan bersama Qarun, jika disebabkan oleh pemerintahan dan kekuasaan maka akan dibangkitkan bersama Firaun, jika disebabkan oleh kedudukan sebagai menteri dan sebagainya maka akan dibangkitkan di padang mahsyar bersama Haman dan jika kerana perniagaan maka akan bersama Ubai bin Khalaf. Apabila seseorang itu dibangkitkan bersama-sama mereka maka pastilah dia akan mengalami berbagai-bagai jenis azab neraka yang amat pedih, sebagaimana yang disebut dalam banyak hadith. Namun, lantaran iman yang dimiliki oleh seseorang Islam, lambat laun mereka pasti akan dibebaskan daripada azab neraka. Manakala Firaun dan lain-lain kekal dalam neraka. Walau bagaimanapun,

tempoh masa sebelum mereka dibebaskan daripada api neraka bukanlah suatu perkara yang main-main. Kemungkinan tempoh tersebut memakan masa beribu-ribu tahun lamanya.

HADITH 7

قَالَ بَعْضُهُمْ وَرَدَ فِيْ الْحَدِيْثِ أَنَّ مَنْ حَافَظَ عَلَى الصَّلَاةِ أَكْرَمَهُ اللهُ تَعَالَى بِخَمْسِ خِصَالٍ يَرْفَعُ عَنْهُ ضِيْقَ الْعَيْشِ وَعَذَابَ الْقَبْرِ وَيُعْطِيْهِ اللهُ كِتَابَهُ بِيَمِيْنِهِ وَيَمُرُّ عَلَى الصِّرَاطِ كَالْبَرْقِ وَيَدْخُلُ الْجَنَّةَ بِغَيْرِ حِسَابٍ وَمَنْ تَهَاوَنَ عَنِ الصَّلَاةِ عَاقَبَهُ اللهُ بِخَمْسَ عَشَرَةَ عُقُوْبَةً خَمْسَةٌ فِيْ الدُّنْيَا وَثَلَاثَةٌ عِنْدَ الْمَوْتِ وَثَلَاثٌ فِيْ قَبْرِهِ وَثَلَاثٌ عِنْدَ خُرُوْجِهِ مِنَ الْقَبْرِ فَأَمَّا اللَّوَاتِيْ فِيْ الدُّنْيَا فَالْأُوْلَى تُنْزَعُ الْبَرَكَةُ مِنْ عُمُرِهِ وَالثَّانِيَةُ تُمْحَي سِيْمَاءُ الصَّالِحِيْنَ مِنْ وَجْهِهِ وَالثَّالِثَةُ كُلُّ عَمَلٍ يَعْمَلُهُ لَا يَأْجُرُهُ اللهُ عَلَيْهِ وَالرَّابِعَةُ لَا يُرْفَعُ لَهُ دُعَاءٌ إِلَى السَّمَاءِ وَالْخَامِسَةُ لَيْسَ لَهُ حَقٌّ فِيْ دُعَاءِ الصَّالِحِيْنَ وَأَمَّا الَّتِيْ تُصِيْبُهُ عِنْدَ الْمَوْتِ فَإِنَّهُ يَمُوْتُ ذَلِيْلًا وَالثَّانِيَةُ يَمُوْتُ جُوْعًا وَالثَّالِثَةُ يَمُوْتُ عَطْشَانًا وَلَوْ سُقِيَ بِحَارَ الدُّنْيَا مَا رُوِيَ مِنْ عَطْشِهِ وَأَمَّا الَّتِيْ تُصِيْبُهُ فِيْ قَبْرِهِ فَالْأُوْلَى يَضِيْقُ عَلَيْهِ الْقَبْرُ حَتَّى تَخْتَلِفَ أَضْلَاعُهُ وَالثَّانِيَةُ يُوْقَدُ عَلَيْهِ الْقَبْرُ نَارًا فَيَتَقَلَّبُ عَلَى الْجَمْرِ لَيْلًا وَنَهَارًا وَالثَّالِثَةُ يُسَلَّطُ عَلَيْهِ فِيْ قَبْرِهِ ثُعْبَانٌ اسْمُهُ الشُّجَاعُ الْأَقْرَعُ عَيْنَاهُ مِنْ نَارٍ وَأَظْفَارُهُ مِنْ حَدِيْدٍ طُوْلُ كُلِّ ظُفْرٍ مَسِيْرَةُ يَوْمٍ يُكَلِّمُ الْمَيِّتَ فَيَقُوْلُ أَنَا الشُّجَاعُ الْأَقْرَعُ وَصَوْتُهُ مِثْلُ الرَّعْدِ الْقَاصِفِ يَقُوْلُ أَمَرَنِيْ رَبِّيْ أَنْ أَضْرِبَكَ عَلَى تَضْيِيْعِ صَلَاةِ الصُّبْحِ إِلَى بَعْدِ طُلُوْعِ الشَّمْسِ وَأَضْرِبَكَ عَلَى تَضْيِيْعِ صَلَاةِ الظُّهْرِ إِلَى الْعَصْرِ وَأَضْرِبَكَ عَلَى تَضْيِيْعِ صَلَاةِ الْعَصْرِ إِلَى الْمَغْرِبِ وَأَضْرِبَكَ عَلَى تَضْيِيْعِ صَلَاةِ الْمَغْرِبِ إِلَي الْعِشَاءِ وَأَضْرِبَكَ عَلَى تَضْيِيْعِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ إِلَى الْفَجْرِ فَكُلَّمَا ضَرَبَهُ ضَرْبَةً يَغُوْصُ فِيْ الْأَرْضِ سَبْعِيْنَ ذِرَاعًا فَلَا

يَزَالُ فِيْ الْقَبْرِ مُعَذَّبًا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَأَمَّا الَّتِيْ تُصِيْبُهُ عِنْدَ خُرُوْجِهِ مِنَ الْقَبْرِ فِيْ مَوْقِفِ الْقِيَامَةِ فَشِدَّةُ الْحِسَابِ وَسَخَطُ الرَّبِّ وَدُخُوْلُ النَّارِ وَفِيْ رِوَايَةٍ فَإِنَّهُ يَأْتِيْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَعَلَى وَجْهِهِ ثَلاَثَةُ أَسْطُرٍ مَكْتُوْبَاتٌ السَّطْرُ الْأَوَّلُ يَا مُضَيِّعَ حَقِّ اللهِ السَّطْرُ الثَّانِيْ يَا مَخْصُوْصًا بِغَضَبِ اللهِ الثَّالِثُ كَمَا ضَيَّعْتَ فِيْ الدُّنْيَا حَقَّ اللهِ فَأْيِسْ الْيَوْمَ أَنْتَ مِنْ رَحْمَةِ اللهِ.

وَمَا ذَكَرَ فِيْ هَذَا الْحَدِيْثِ مِنْ تَفْصِيْلِ الْعَدَدِ لا يطابق جملة الخمس عشرة لأن المفصل أربع عشرة فقط فلعل الراوي نسى الخامس عشر كذا في الزواجر لابن حجر المكي قلت وهو كذلك فإن أبا الليث السمرقندي ذكر الحديث في قرة العيون فجعل ستة في الدنيا فقال الخامسة تمقته الخلائق في الدار الدنيا والسادس ليس له حظ في دعاء الصالحين ثم ذكر الحديث بتمامه و لم يعزه إلى أحد وفي تنبيه الغافلين للشيخ نصر بن محمد بن إبراهيم السمرقندي يقال من داوم على الصلاة الخمس في الجماعة أعطاه الله خمس خصال ومن تهاون بها في الجماعة عاقبه الله بأثني عشر خصلة ثلاثة في الدنيا وثلاثة عند الموت وثلاثة في القبر وثلاثة يوم القيامة ثم ذكر نحوها ثم قال وروى عن أبي ذر عن النبي صلى الله عليه وسلم نحو هذا وذكر السيوطي في ذيل اللآلى بعد ما أخرج بمعناه من تخريج ابن النجار في تاريخ بغداد بسنده إلى أبي هريرة قال في الميزان هذا حديث باطل ركبه محمد بن على بن عباس على أبي بكر بن زياد النيسابوري قلت لكن ذكر الحافظ في المنبهات عن أبي هريرة مرفوعا الصلاة عماد الدين وفيها عشر خصال الحديث ذكرته في الهندية وذكر الغزالي في دقائق الأخبار بنحو هذا أتم منه وقال من حافظ عليها أكرمه الله بخمس عشرة الخ مفصلا.


Sesetengah ulama berkata bahawa terdapat dalam hadith, sesiapa yang menjaga solahnya maka Allah ﷻ akan mengurniakan lima keistimewaan. Pertama, akan diangkat kesempitan hidup di dunia daripadanya. Kedua, akan dihindarkan daripada azab kubur. Ketiga, dia akan menerima buku catatan amalnya melalui tangan kanan. Keempat, akan melintasi titian sirat sepantas kilat dan kelima, akan memasuki syurga tanpa hisab. Sesiapa meringan-ringankan solah, Allah ﷻ akan menyeksanya dengan lima belas seksaan. Lima seksaan di dunia ini, tiga seksaan ketika meninggal dunia, tiga seksaan di dalam kubur dan tiga seksaan semasa dibangkitkan dari kubur. Seksaan semasa di dunia ialah, pertama, dicabut keberkatan umurnya, kedua, dihapuskan tanda-tanda orang soleh daripada wajahnya, ketiga, Allah ﷻ tidak mengganjari setiap amalan yang dilakukan olehnya, keempat, doanya tidak akan diangkat ke langit (doanya tidak akan diterima), kelima, dia tidak akan mendapat bahagian dalam doa orang soleh. Seksaan yang menimpanya ketika mati ialah, pertama, dia akan mati dalam

keadaan hina, kedua, dia akan mati dalam keadaan lapar dan ketiga, dia akan mati dalam keadaan dahaga, sehingga jika dia diberi minum air sebanyak lautan di dunia pun tidak akan dapat menghilangkan hausnya. Seksaan yang akan menimpanya ketika di dalam kubur ialah, pertama, kubur akan menghimpitnya sehingga tulang-tulang rusuknya berceragah antara satu sama lain, kedua, api akan dinyalakan di dalam kuburnya dan dia akan dibalik-balikkan di atas bara api siang dan malam, ketiga, seekor ular yang besar bernama 'الشجاع الأقرع'(Ashsyuja'ul-Aqra') akan dilepaskan ke atasnya. Kedua-dua mata ular itu dibuat daripada api dan kuku ular itu dibuat daripada besi. Panjang setiap kuku ular itu sejauh satu hari perjalanan. Ular tersebut akan berkata dengan suara yang gemuruh seumpama petir, "Aku 'الشجاع الأقرع' (Ashsyuja'ul-Aqra'). Aku diperintah oleh Tuhanku supaya memukul kamu kerana kamu meninggalkan solah subuh sehingga naik matahari, kerana meninggalkan solah zohor hingga 'asar, kerana meninggalkan solah asar hingga maghrib, kerana meninggalkan solah maghrib hingga 'isyak, kerana meninggalkan solah 'isyak hingga subuh." Setiap kali ular itu memukulnya, dia akan terbenam ke dalam bumi sejauh tujuh puluh hasta. Dia akan diazab berterusan di dalam kubur sehingga hari kiamat. Manakala seksaan yang akan menimpanya ketika dibangkitkan dari kubur pada hari kiamat di padang mahsyar ialah pertama, penghisabannya amat berat, kedua, dia dimurkai Allah ﷻ dan ketiga, dia akan dimasukkan ke dalam neraka. (dalam hadith ini hanya disebut empat belas seksaan, tidak mencukupi bilangan lima belas, mungkin perawi terlupa). Dalam satu riwayat yang lain disebutkan bahawa mereka yang melalaikan solah, pada hari kiamat akan datang dalam keadaan pada muka mereka tertulis tiga baris tulisan. Pertama, wahai orang yang mensia-siakan hak Allah ﷻ. Kedua, wahai orang yang pasti mendapat kemurkaan Allah ﷻ. Ketiga, sebagaimana kamu di dunia mensia-siakan hak Allah ﷻ, kini putuslah harapan kamu daripada rahmat Allah ﷻ.

Keterangan

Walaupun keseluruhan isi hadith ini tidak saya temui dalam kebanyakan kitab-kitab hadith tetapi segala yang tersebut dalam hadith ini tentang azab-azab dan ganjaran pahala telah diperkuatkan oleh banyak riwayat yang lain. Antaranya termasuk yang telah

disebutkan sebelum ini dan sebahagian lagi akan menyusul kemudian. Riwayat sebelum ini juga menyebutkan tentang seseorang yang meninggalkan solah adalah terkeluar daripada Islam. Segala azab yang telah disebutkan dan yang akan dinyatakan nanti merupakan balasan terhadap orang yang meninggalkan solah. Sungguhpun azab yang dikenakan kepada orang yang meninggalkan solah adalah keras, namun masih boleh dikira ringan. Meskipun setelah seseorang diputuskan akan diazab dan tertulis dalam senarai orang yang bersalah, namun masih ada peluang keampunan untuknya, kerana Allah ﷻ berfirman:



"Sesungguhnya Allah ﷻ tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apa jua). Dan akan mengampunkan dosa yang lain daripada itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya." (an-Nisa': 116)

Berdasarkan ayat yang disebutkan di atas dan ayat-ayat lain yang seumpama dengan ayat-ayat di atas dan juga hadith-hadith, sekiranya Allah ﷻ mengampunkan seseorang maka dia adalah seorang yang sangat bertuah. Disebutkan dalam sebuah hadith bahawa pada hari kiamat kelak terdapat tiga mahkamah pengadilan. Pertama, (mahkamah yang akan) mengadili mengenai kufur dan Islam, dalam mahkamah ini tidak ada sebarang pengampunan. Kedua, mahkamah yang akan mengadili hak sesama manusia. Dalam mahkamah ini, hak orang yang dizalimi pasti akan dikembalikan, sama ada hak itu diambil daripada orang yang melakukan kezaliman atau sekiranya Allah ﷻ ingin mengampuni orang yang melakukan kezaliman itu maka hak yang dituntut itu akan dikurniakan oleh Allah ﷻ daripada sisiNya. Ketiga, mahkamah yang akan mengadili kewajipan terhadap Allah ﷻ. Di sini pintu-pintu keampunan Allah ﷻ akan terbuka luas. Perlu difahami bahawa sesungguhnya balasan terhadap perbuatan kita adalah azab-azab sebagaimana yang disebutkan dalam hadith. Namun, sifat kerahiman dan keampunan Allah ﷻ mengatasi segala-galanya.

Disebutkan dalam satu hadith dalam kitab Bukhari bahawa adalah menjadi kebiasaan Rasulullah ﷺ selepas solah subuh, Baginda ﷺ akan bertanya kepada para sahabat, "Adakah sesiapa yang bermimpi malam tadi?" Jika ada di kalangan mereka yang bermimpi maka mereka akan menceritakan mimpi itu kepada Baginda ﷺ dan Baginda ﷺ akan menafsirkan mimpi itu. Pada suatu pagi, seperti biasa Baginda ﷺ bertanya kepada para sahabat. Kemudian Baginda ﷺ sendiri bersabda, "Semalam saya bermimpi dua orang datang lalu membawa saya pergi bersama mereka." Kemudian Baginda ﷺ menceritakan satu mimpi yang panjang. Antara yang dilihat oleh Baginda ﷺ ialah syurga, neraka dan manusia yang sedang diazab dengan berbagai-bagai jenis seksaan dalam neraka. Daripada keseluruhan azab yang dilihat, antaranya ialah seorang yang dihancurkan kepalanya dengan batu dan dihentak begitu kuat sehingga batu tersebut terpelanting jauh. Semasa batu itu diambil semula, kepala itu kembali menjadi seperti sedia kala dan sekali lagi dia dipukul dengan kuat dan demikianlah penyeksaan itu berterusan. Baginda ﷺ bertanya kepada kedua-dua temannya (dua malaikat), "Siapakah orang ini?" Mereka menjawab, "Orang ini pernah belajar al-Quran dan dia tidak mengamalkannya dan dia tidur tanpa mengerjakan solah fardu." Diberitakan dalam sebuah hadith yang hampir serupa dengan hadith di atas, bahawa Rasulullah ﷺ telah bermimpi melihat segolongan manusia yang diseksa dengan cara yang sama sebagaimana yang disebutkan di atas. Selepas ditanya oleh Baginda ﷺ, Jibril a.s. memberitahu bahawa mereka itu ialah yang melengah-lengahkan solah (الترغيب – at-Targhib). Hazrat Mujahid rah. berkata, "Sesiapa mengambil berat untuk mengetahui waktu solah maka mereka akan mendapat keberkatan sepertimana keberkatan yang dilimpahkan ke atas Nabi Ibrahim a.s. dan keluarganya (الدر المنثور – Dur rul-Mansthur). Diriwayatkan daripada Hazrat Anas رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda, "Sesiapa meninggal dunia dalam keadaan beriman dengan ikhlas, melakukan amal ibadat, menunaikan solah, membayar zakat maka dia akan meninggal dunia dalam keadaan dia diredai oleh Allah ﷻ. Diriwayatkan daripada Hazrat Anas رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Allah ﷻ berfirman, "Aku akan menangguhkan azab yang aku ingin turunkan ke atas sesuatu tempat apabila Aku mendapati di tempat itu ada orang yang memakmurkan

masjid-masjid, berkasih sayang antara satu sama lain semata-mata kerana Aku dan memohon keampunan pada bahagian akhir malam."

Hazrat Abu Darda ؓ mengutus sepucuk surat kepada Hazrat Salman ؓ berbunyi, "Masjid adalah rumah mereka yang bertakwa. Allah ﷻ berjanji, "Aku akan menurunkan rahmat ke atas orang yang menghabiskan kebanyakan masa mereka di dalam masjid. Aku akan mengurniakan rahmat kepada mereka dan Aku akan memudahkan kehidupan mereka. Aku akan memudahkan mereka melintasi titian sirat pada hari kiamat dan mereka akan memperoleh keredaanKu." Hazrat 'Abdullah bin Mas'ud ؓ menceritakan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Masjid-masjid adalah rumah Allah ﷻ dan sememangnya orang yang berkunjung ke sesebuah rumah akan dimuliakan oleh tuan rumah. Demikianlah Allah ﷻ pasti memuliakan mereka yang berkunjung ke masjid-masjid." Hazrat Abu Sa'id al-Khudri ؓ meriwayatkan Rasulullah ﷺ bersabda, "Allah ﷻ mengasihi mereka yang mengasihi masjid."

Hazrat Abu Hurairah ؓ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Apabila mayat diletakkan di dalam kubur, sebelum sempat mereka yang mengiringi jenazah itu pulang, malaikat akan datang untuk menyoalnya. Jika dia seorang yang beriman maka solah akan berada hampir di kepalanya, zakat di kanannya, puasa di kirinya dan amalan-amalan kebaikan lain yang telah dilakukannya berada di bahagian kakinya. Dia dikelilingi dengan amalan-amalan baiknya dari semua arah sehingga tiada sesuatu pun yang boleh menghampirinya. Malaikat hanya dapat menyoalnya dari jarak yang jauh."

Salah seorang sahabat Rasulullah ﷺ menceritakan bahawa apabila keluarga Baginda ﷺ mengalami kesempitan dalam perbelanjaan, Baginda ﷺ akan menyuruh mereka mendirikan solah dan Baginda ﷺ akan membaca ayat yang berikut:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَوٰةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْـَٔلُكَ رِزْقًا نَّحْنُ
نَرْزُقُكَ وَالْعَـٰقِبَةُ لِلتَّقْوَىٰ ﴿١٣٢﴾

"Perintahkanlah keluargamu bersolah dan bersabarlah dalam mengerjakan solah. Kami tidak meminta rezeki daripada kamu.

Sesungguhnya Kami yang memberi rezeki kepada kamu. Dan balasan baik bagi orang yang bertakwa." (Taha : 132)

Hazrat Asma r.anha berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Pada hari kiamat seluruh manusia akan berhimpun di suatu tempat. Apa jua yang diseru oleh malaikat akan dapat didengari oleh semua orang. Pada ketika itu malaikat akan menyeru, "Di manakah mereka yang sentiasa memuji-muji Allah ﷻ dalam kesenangan dan kesusahan?" Setelah mendengar seruan itu satu golongan akan bangun dan masuk syurga tanpa hisab. Kemudian malaikat akan menyeru lagi, "Di manakah mereka yang meninggalkan tempat tidur mereka dan menghabiskan waktu malamnya dengan beribadat?" Lalu satu golongan lagi akan bangun dan masuk syurga tanpa hisab. Kemudian diseru lagi, "Di manakah mereka yang perniagaan dan jual beli tidak melalaikan mereka daripada mengingati Allah ﷻ ?" Satu golongan lagi akan bangun dan masuk syurga tanpa hisab. Kisah yang sama juga disebutkan dalam sebuah hadith yang lain dengan sedikit tambahan bahawa akan diisytiharkan, "Pada hari ini orang di padang mahsyar akan dapat melihat orang yang mulia." Akan diseru lagi, "Di manakah mereka yang kesibukan perniagaan tidak menghalang mereka daripada mengingati Allah ﷻ dan daripada mendirikan solah?" (الدر المنثور – Dur rul-Mansthur) Hadith yang sama juga ditulis oleh Syaikh Nasar Samarqandi rah. dalam kitabnya "Tanbihul Ghafilin." Beliau juga menulis bahawa setelah mereka yang tersebut di atas masuk syurga tanpa hisab maka akan muncullah dari neraka satu leher yang panjang, mempunyai dua mata yang bersinar dan tersangat fasih bercakap. Dia akan berkata, "Saya diperintahkan untuk menangkap mereka yang mempunyai sifat sombong dan yang buruk perangainya." Lantas dia akan menangkap mereka yang bersifat demikian dalam perhimpunan itu, seperti seekor binatang memagut biji-bijian, lalu menghumbankan mereka ke dalam neraka. Kemudian leher itu akan keluar kali kedua dan berkata, "Saya akan menangkap mereka yang menyakiti Allah ﷻ dan RasulNya." Mereka itu akan ditangkap dari perhimpunan manusia itu lalu dihumban ke dalam neraka. Leher tadi akan keluar kali ketiga dan akan menangkap golongan yang membuat patung dan gambar.

Setelah ketiga-tiga golongan tersebut dimasukkan ke dalam neraka, barulah penghisaban akan dimulakan.

Adalah dikatakan bahawa pada zaman dahulu orang ramai dapat melihat syaitan. Pada suatu ketika seorang telah berkata kepada syaitan, "Beritahulah kepada saya cara untuk menjadi seperti kamu." Jawab syaitan bahawa dia belum pernah menemui seorang manusia pun yang mengemukakan permintaan seperti itu. "Mengapa kamu memerlukannya?" Orang itu menjawab, "Hati aku yang berkeinginan sangat." Syaitan terus menjawab, "Hendaklah kamu melengah-lengahkan solah dan banyakkan bersumpah dan jangan kamu hiraukan sama ada sumpah itu untuk sesuatu perkara yang benar atau yang salah." Orang itu pun berkata, "Saya berjanji dengan Allah ﷻ bahawa sekali-kali saya tidak akan melengah-lengahkan solah dan tidak akan bersumpah." Kemudian syaitan berkata, "Sesungguhnya saya tidak pernah ditipu selain daripada kamu. Kini saya berjanji bahawa saya tidak akan lagi memberi nasihat kepada manusia."

Hazrat Ubai ؓ berkata, "Rasulullah ﷺ telah bersabda, "Berilah berita gembira kepada umatku bahawa mereka akan memperoleh ketinggian dan kemuliaan serta agama mereka akan maju dan berkembang, tetapi sesiapa yang menjalankan apa-apa jua kerja agama untuk tujuan keduniaannya maka dia tidak akan mendapat sebarang bahagian di akhirat" (الترغيب - al-Targhib). Dalam sebuah hadith, Rasulullah ﷺ bersabda, "Aku bermimpi menemui Tuhanku dalam suasana yang begitu indah. Allah ﷻ bertanya kepadaku, "Ya Muhammad, tahukah kamu apakah yang menyebabkan mereka di Malail a'la yakni para Malaikat bertelingkah?" Saya menjawab, "Tidak tahu." Kemudian Allah ﷻ meletakkan tanganNya yang mulia di atas dadaku sehingga kedinginan terasa sampai ke dalam dadaku. Dengan keberkatanNya maka tersingkaplah seluruh alam kepadaku. Lantas Allah ﷻ bertanya, "Ya Muhammad, sekarang beritahulah apa yang menyebabkan para malaikat bertelingkah?" Saya menjawab, "Para malaikat bertelingkah tentang amalan yang meninggikan darjat, amalan yang menghapuskan dosa, ganjaran yang diperoleh bagi langkah seseorang yang pergi untuk menunaikan solah berjemaah, kelebihan mengambil wuduk dengan sempurna ketika cuaca sejuk dan kelebihan duduk menunggu solah selepas menunaikan satu

solah. Sesiapa yang dapat memelihara semua ini, akan hidup dan meninggal dunia dalam keadaan yang baik."

Disebutkan dalam beberapa hadith bahawa Allah ﷻ berfirman, "Wahai anak Adam, hendaklah kamu mengerjakan empat rakaat solah keranaKu pada permulaan hari maka Aku akan sempurnakan urusan kamu sepanjang hari." Sebuah hadith dalam kitab 'Tanbihul Ghafilin' (تنبيه الغافلين) menjelaskan bahawa solah adalah punca keredaan Allah ﷻ, amalan yang dikasihi oleh para malaikat, sunnah para nabi, melahirkan nur makrifat, menyebabkan doa dimakbulkan dan rezeki diberkati. Solah adalah asas iman, memberi kerehatan kepada badan, menjadi senjata untuk menentang musuh, pemberi syafaat kepada mereka yang mengerjakan solah, sebagai lampu di dalam kubur, mententeramkan hati di dalam kubur yang menakutkan, memudahkan untuk menjawab soalan Munkar dan Nakir, menjadi teduhan daripada panas terik pada hari kiamat, menjadi cahaya dalam kegelapan, sebagai penghalang daripada api neraka, memberatkan timbangan amalan-amalan baik, mempercepat melintas titian sirat dan solah juga sebagai anak kunci syurga.

Dalam kitab 'Al-Munabbihat' Hafiz Ibnu Hajar rah. menceritakan daripada Hazrat 'Uthman bin 'Affan ؓ bahawa sesiapa yang memelihara solahnya dengan sungguh-sungguh pada waktu yang ditetapkan maka Allah ﷻ akan mengurniakan kepadanya sembilan perkara. Pertama, Allah ﷻ akan mengasihinya. Kedua, dia akan dikurniakan dengan kesihatan. Ketiga, para malaikat sentiasa menjaganya. Keempat, dia akan dikurniakan dengan keberkatan di dalam rumahnya. Kelima, nur orang soleh akan zahir daripada wajahnya. Keenam, hatinya menjadi lembut. Ketujuh, dia akan melintasi titian sirat sepantas kilat. Kelapan, dia akan terselamat daripada azab neraka. Kesembilan, di syurga dia dapat berjiran dengan golongan yang disebut dalam ayat berikut, لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ "...pada hari kiamat, tidak ada perasaan takut dan perasaan dukacita menyelubungi diri mereka."

Rasulullah ﷺ bersabda bahawa solah adalah tiang agama. Dalamnya terdapat sepuluh kebaikan. Pertama, menyerikan wajah. Kedua, cahaya bagi hati. Ketiga, merehatkan dan menyihatkan badan. Keempat, teman di dalam kubur. Kelima, sebagai sebab turunnya rahmat Allah ﷻ. Keenam, kunci pintu langit. Ketujuh, melalui solah bahagian timbangan neraca amal kebaikan akan

menjadi berat. Kelapan, asbab untuk mencapai keredaan Allah ﷻ. Kesembilan, harga bagi syurga dan yang kesepuluh, penghalang daripada neraka. Sesiapa mendirikan solah maka dia telah menegakkan agama dan sesiapa meninggalkan solah, dia telah meruntuhkan agamanya (المنبهات لابن حجر). Disebutkan dalam hadith bahawa sesebuah rumah akan bercahaya melalui solah yang dikerjakan di dalam rumah itu. Maka cahayakanlah rumah kamu dengan memperbanyak solah sunat (الجامع الصغير).

Dalam sebuah hadith yang masyhur ada diterangkan bahawa pada hari kiamat nanti, tangan, kaki dan wajah umatku akan bercahaya akibat daripada kesan wuduk dan sujud mereka. Daripada tanda-tanda tersebutlah umat ini akan mudah dikenali daripada umat-umat yang lain. Disebutkan dalam sebuah hadith bahawa apabila sesuatu bala bencana hendak diturunkan maka orang yang memakmurkan masjid akan dihindarkan daripada azab tersebut (الجامع الصغير Jami ul Saghir). Disebut dalam banyak hadith bahawa Allah ﷻ akan mengharamkan api neraka daripada membakar kesan-kesan sujud (maksudnya, jika disebabkan amalan buruk, seseorang itu dimasukkan ke dalam neraka pun, anggota yang pernah sujud tidak dapat dibakar oleh api neraka.) Disebutkan dalam sebuah hadith bahawa solah akan menghitamkan muka syaitan dan sedekah akan mematahkan tulang belakangnya (الجامع الصغير Jami ul Saghir). Dalam hadith yang lain Rasulullah ﷺ bersabda bahawa solah adalah penawar. Sebuah kisah yang diriwayatkan dalam sebuah hadith yang lain bahawa suatu ketika Hazrat Abu Hurairah رضي الله عنه meniarap. Rasulullah ﷺ bertanya, "Adakah kamu sakit perut?" Beliau menjawab "Ya." Baginda ﷺ bersabda, "Bangunlah dan kerjakan solah, kerana dalam solah ada penawar" (الجامع الصغير -Jami ul Saghir).

Suatu ketika Baginda ﷺ melihat syurga dalam mimpi. Baginda ﷺ juga mendengar hentakan kasut Hazrat Bilal رضي الله عنه. Pada waktu subuh, Baginda ﷺ bertanya, "Apakah amalanmu yang khusus yang menyebabkan di syurga juga kamu berjalan bersamaku (seperti di dunia ini)?" Jawab Bilal, "Apabila wudukku batal, sama ada pada waktu malam atau pun siang maka aku akan mengambil wuduk kemudian aku akan menunaikan solah sekadar kemampuanku."

Hazrat Safiri rah. berkata bahawa seseorang yang meninggalkan solah subuh, para malaikat akan memanggilnya sebagai 'fajir' (فاجر) (iaitu orang yang melakukan dosa). Orang yang meninggalkan solah zohor dipanggil sebagai 'khasir' (خاسر) (iaitu orang yang rugi). Orang yang meninggalkan solah 'asar dipanggil sebagai 'aasi' (عاصى) (iaitu orang yang derhaka). Orang yang meninggalkan solah maghrib dipanggil sebagai 'kafir' (كافر) (iaitu orang yang ingkar). Orang yang meninggalkan solah 'isyak dipanggil sebagai 'mudhayye' (مضيّع) (iaitu orang yang mensia-siakan hak Allah ﷻ).

Allamah Sha'rani rah. berkata bahawa hendaklah difahami, sebenarnya bala bencana akan terhindar dari sesuatu tempat sekiranya penduduk di situ mendirikan solah. Manakala azab pula akan diturunkan ke atas sesuatu tempat sekiranya penghuni-penghuni di situ tidak mendirikan solah. Tidak mustahil di tempat yang sedemikian berlaku gempa bumi, sambaran halilintar dan rumah-rumah tenggelam. Sesiapa pun tidak harus merasakan dia sudah selamat kerana dia mengerjakan solah tanpa memikirkan tentang orang lain. Ini kerana, sekiranya turun sebarang bencana maka bencana itu akan meliputi semua orang secara umum.

Dinyatakan dalam sebuah hadith bahawa pernah sekali para sahabat bertanya, "Adakah kami akan dibinasakan sedangkan masih ada di kalangan kami orang yang soleh?" Jawab Baginda ﷺ, "Ya, apabila perbuatan maksiat mengatasi amalan kebaikan." Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua orang untuk mencegah perbuatan yang buruk dan mengajak manusia melakukan kebaikan mengikut kemampuan masing-masing."

HADITH 8

رُوِيَ أَنَّهُ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ قَالَ مَنْ تَرَكَ الصَّلَاةَ حَتَّى مَضَى وَقْتُهَا ثُمَّ قَضَى عُذِّبَ فِي النَّارِ حُقُبًا وَالْحُقُبُ ثَمَانُوْنَ سَنَةً وَالسَّنَةُ ثَلَاثُ مِائَةٍ وَسِتُّوْنَ يَوْمًا كُلُّ يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ أَلْفَ سَنَةٍ

كذا في مجالس الأبرار قلت لم أجده فيما عندي من كتب الحديث إلا أن مجالس الأبرار مدحه شيخ مشائخنا الشاه عبد العزيز الدهلوي ثم قال الراغب في قوله تعالى لابثين فيها أحقابا قيل جمع الحقب أي الدهر قيل والحقبة ثمانون عاما والصحيح أن الحقبة مدة من الزمان مبهمة وأخرج ابن

كثير في تفسير قوله تعالى فويل للمصلين الذي هم عن صلاتهم ساهون عن ابن عباس أن في جهنم واديا تستعيذ جهنم من ذلك الوادي في كل يوم أربعمائة مرة أعد ذلك الوادي للمرائين من أمة محمد الحديث وذكر أبو الليث السمرقندي في قرة العيون عن ابن عباس وهو مسكن من يؤخر الصلاة عن وقتها وعن سعد بن أبي وقاص مرفوعا الذين هم عن صلاتهم ساهون قال هم الذين يؤخرون الصلاة عن وقتها وصحح الحاكم والبيهقي وقفه وأخرج الحاكم عن عبد الله في قوله تعالى فسوف يلقون
غيا قال واد في جهنم بعيد القعر خبيث الطعم وقال صحيح الإسناد).

Diriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda, “Seseorang yang meninggalkan solah sehingga terluput waktunya, kemudian menqadakan solah itu maka dia akan diseksa dalam neraka selama satu huqub. Satu huqub adalah sama dengan lapan puluh tahun. Satu tahun mengandungi tiga ratus enam puluh hari dan satu hari (di akhirat) adalah sama dengan seribu tahun (di dunia ini).”

Keterangan

Huqub dari segi bahasa bermakna jangka masa yang sangat lama. Terdapat dalam banyak hadith yang menyebut bahawa jangka masa satu huqub adalah bersamaan dengan lapan puluh tahun sebagaimana yang telah disebutkan dalam hadith di atas. Demikian juga dalam riwayat-riwayat yang terdapat dalam kitab ‘Durri Manthur’ (الدر المنثور). Hazrat ‘Ali ؓ bertanya Hazrat Hilal Hijri ؓ, “Berapa lamakah jangka masa satu huqub?” Jawab beliau, “Satu huqub adalah bersamaan dengan lapan puluh tahun. Satu tahun adalah dua belas bulan, satu bulan mengandungi tiga puluh hari dan satu hari di akhirat bersamaan seribu tahun di dunia ini.” Diriwayatkan daripada Hazrat ‘Abdullah bin Mas’ud ؓ. dalam hadith sahih bahawa satu huqub adalah sama dengan lapan puluh tahun. Hazrat Abu Hurairah ؓ meriwayatkan daripada Rasulullah ﷺ bahawa satu huqub adalah bersamaan lapan puluh tahun. Satu tahun mengandungi tiga ratus enam puluh hari dan satu hari di akhirat bersamaan dengan seribu tahun di dunia ini. Perkara ini juga telah di diriwayatkan oleh Hazrat ‘Abdullah bin ‘Umar r.anhuma dan selepas itu beliau menambah lagi dengan katanya, “Jangan memandang ringan bahawa kita akhirnya akan dikeluarkan dari api neraka kerana iman yang ada pada diri kita.” Kita tidak tahu tempoh azab yang akan dialami oleh kita. Sedangkan hanya kerana meninggalkan satu solah sahajapun kita mengalami azab selama

dua puluh lapan juta lapan ratus ribu tahun. Tempoh ini jika tidak ada apa-apa kesalahan lain, jika ada maka akan bertambahlah masa dalam neraka. Selain daripada hadith-hadith di atas, terdapat juga hadith-hadith lain yang mengutarakan jumlah tahun untuk satu huqub sama ada lebih ataupun kurang daripada lapan puluh tahun. Namun demikian, jumlah lapan puluh tahun seperti yang disebutkan dalam hadith-hadith di atas telah disebutkan dalam banyak hadith yang lain. Oleh itu, jumlah yang disebutkan dalam hadith-hadith di atas diutamakan daripada jumlah-jumlah yang lain. Mungkin juga jumlah itu berbeza mengikut keadaan seseorang.

Hazrat Abu Laith Samarqandi rah. menyebut dalam kitabnya 'Qurratul 'Uyun' (قرة العيون) bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Seseorang yang meninggalkan walaupun satu solah fardu dengan sengaja namanya akan tertulis di pintu neraka dan dia pasti akan memasukinya." Diriwayatkan daripada Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma bahawa suatu ketika Rasulullah ﷺ bersabda, "Katakanlah, ya Allah, jangan jadikan seorang pun di kalangan kami orang yang celaka lagi tersingkir daripada rahmatMu." Baginda ﷺ bertanya, "Tahukah kamu siapakah orang yang celaka lagi tersingkir daripada rahmat Allah ﷻ itu?" Atas permintaan para sahabat Baginda ﷺ bersabda, "Orang yang celaka lagi tersingkir daripada rahmat Allah ﷻ ialah orang yang meninggalkan solah, dia tidak mempunyai apa-apa bahagian pun dalam Islam." Disebutkan dalam sebuah hadith bahawa Allah ﷻ tidak akan memandang sama sekali dengan pandangan rahmatNya kepada seseorang yang meninggalkan solah dengan sengaja dan azab yang amat pedih disediakan untuknya. Diriwayatkan dalam sebuah hadith bahawa sepuluh golongan akan mengalami seksaan yang dahsyat, salah satu daripada golongan itu ialah mereka yang meninggalkan solah. Tangan mereka akan diikat, sementara malaikat akan memukul muka dan belakang mereka. Syurga akan berkata, "Aku tiada hubungan langsung dengan kamu. Aku bukan untukmu dan kamu bukan untukku." Sementara neraka pula akan berkata kepada mereka, "Mari, mari kepadaku, kamu untukku dan aku untukmu."

Diriwayatkan juga bahawa terdapat satu lembah dalam neraka yang bernama 'Lamlam'. Dalam lembah ini terdapat ular-ular sebesar leher unta dan panjang ular itu sejauh sebulan perjalanan. Seseorang yang meninggalkan solah akan diazab dalam

lembah itu. Disebutkan dalam sebuah hadith lagi bahawa terdapat satu lembah dalam neraka yang bernama 'Jubbul Huzni' (جب الحزن). Lembah ini didiami oleh kala jengking sebesar baghal. Kala jengking tersebut akan menyengat orang yang meninggalkan solah. Ya, jika Allah ﷻ yang Maha Pengasih mengampunkan mereka maka tiada sesiapa pun yang boleh memperkatakan sesuatu mengenainya tetapi adakah kita benar-benar memohon keampunan daripadaNya? Ibnu Hajar rah. menulis dalam kitabnya 'Azzawajir' (الزواجر) bahawa seorang wanita telah meninggal dunia. Adik lelakinya telah menghadiri upacara pengebumiannya. Tanpa disedarinya uncangnya terjatuh ke dalam kubur ketika mengebumikan jenazah tersebut. Dia amat bersedih setelah menyedari kehilangan uncangnya. Dia telah membuat keputusan untuk menggali kubur itu secara senyap-senyap untuk mengambil semula uncangnya. Apabila dia menggali kubur itu, dia mendapati api memenuhi kubur itu. Dia pulang dalam keadaan menangis dan menceritakan keadaan yang dilihatnya itu kepada ibunya serta bertanya sebab berlaku sedemikian. Ibunya memberitahu bahawa kakaknya itu selalu malas mengerjakan solah dan sering mengqadakan solahnya. أَعَاذَنَا اللهُ مِنْهَا 'Semoga Allah melindungi kita daripadanya.'

HADITH 9

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ؓ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ لاَ سَهْمَ فِي الْإِسْلاَمِ لِمَنْ لاَ صَلاَةَ لَهُ وَلاَ صَلاَةَ لِمَنْ لاَ وُضُوْءَ لَهُ أخرجه البزار وأخرج الحاكم عن عائشة مرفوعا وصححه ثَلاَثٌ أَحْلِفُ عَلَيْهِنَّ لاَ يَجْعَلُ اللهُ مَنْ لَهُ سَهْمٌ فِي الْإِسْلاَمِ كَمَنْ لاَ سَهْمَ لَهُ وَسِهَامُ الْإِسْلاَمِ الصَّوْمُ وَالصَّلاَةُ وَالصَّدَقَةُ الحديث وأخرج الطبراني في الأوسط عن ابن عمر مرفوعا لاَ دِيْنَ لِمَنْ لاَ صَلاَةَ لَهُ إِنَّمَا مَوْضِعُ الصَّلاَةِ مِنَ الدِّيْنِ كَمَوْضِعِ الرَّأْسِ مِنَ الْجَسَدِ كذا في الدر المنثور.

Diriwayatkan daripada Hazrat Abu Hurairah ؓ katanya bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Tiada bahagian dalam Islam bagi mereka yang tidak menunaikan solah dan tiada solah tanpa wuduk."

Diriwayatkan daripada Hazrat 'Abdullah bin 'Umar r.anhuma bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Tiada bahagian dalam Islam bagi seorang yang tidak mendirikan solah. Kedudukan solah dalam Islam adalah seumpama kedudukan kepala pada badan." (Bazar dan Al-Hakim)

Keterangan

Orang yang meninggalkan solah tetapi mengaku sebagai seorang Islam dan mendakwa bersungguh-sungguh bahawa diri mereka sebagai pembela Islam serta sentiasa bermimpi untuk mendapat kejayaan sebagaimana yang telah dicapai oleh salafussoleh, mereka hendaklah merenung sabdaan Rasulullah ﷺ tersebut, dan cuba menyelidiki keadaan salafussoleh kita yang begitu kuat berpegang teguh dengan agama, barulah mereka akan mengetahui sebab dunia jatuh di bawah tapak kaki para sahabat dan salafussoleh[1]. Satu ketika Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma mengalami sakit mata. Orang ramai berkata kepadanya bahawa penyakit itu boleh dirawati tetapi beliau terpaksa meninggalkan solah untuk beberapa hari. Beliau berkata, "Ini tidak mungkin, saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Seseorang yang tidak mendirikan solah pasti akan menemui Allah ﷻ dalam keadaan Allah ﷻ memurkainya." Dalam riwayat yang lain, orang ramai berkata kepada beliau, "Tuan terpaksa sujud di atas bangku kayu selama lima hari." Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma menjawab, "Aku tidak akan mengerjakan solah dengan cara sedemikian itu, walaupun satu rakaat." Mereka sanggup bersabar walaupun menjadi buta sepanjang umur daripada meninggalkan solah. Pada akhir hayat Hazrat 'Umar ؓ, beliau sering pengsan kerana darah sentiasa mengalir dari badannya akibat beliau ditikam dengan pisau. Dalam keadaan sedemikianlah beliau telah meninggal dunia. Namun, pada hari-hari beliau mengalami kesakitan itu, apabila tiba waktu solah beliau akan diingatkan supaya mengerjakan solah. Dalam keadaan kesakitan yang sebegitu pun beliau menunaikan solah dan berkata, "Memang benar, tidak ada bahagian dalam Islam bagi seseorang yang meninggalkan solah."

---

1 Sahabat-sahabat Rasulullah ﷺ ulama-ulama dan orang soleh pada zaman dahulu.

Kita pada zaman ini beranggapan bahawa adalah baik sekiranya pesakit tidak disuruh menunaikan solah agar mereka memperoleh kerehatan yang secukupnya. Sebaliknya para sahabat beranggapan keperihatinan terhadap pesakit adalah dengan tidak menangguhkan sebarang ibadat selagi mereka berkeupayaan. Pada suatu ketika, Hazrat 'Ali ؓ meminta seorang hamba daripada Rasulullah ﷺ untuk membantu kerjanya. Baginda ﷺ bersabda, "Ini ada tiga orang hamba, ambillah mana-mana yang kamu suka." Sahut Hazrat 'Ali ؓ, "Tuan pilihkanlah untukku." Rasulullah ﷺ bersabda, "Ambillah yang ini. Dia seorang yang menjaga solah, tetapi jangan memukulnya. Kami dilarang memukul seseorang yang taat mengerjakan solah." Keadaan yang sama juga berlaku kepada seorang sahabat yang bernama Hazrat Abul Haitham ؓ, ketika beliau meminta seorang hamba daripada Rasulullah ﷺ. Sebaliknya, kita menyindir pekerja-pekerja kita yang menunaikan solah dan akibat kejahilan kita, kita menganggap bahawa pekerja yang bersolah akan membawa kerugian.

Suatu ketika, Hazrat Sufyan Thauri rah. telah mengalami suatu keadaan sehingga beliau mengurungkan diri di dalam rumahnya selama tujuh hari tanpa tidur, makan dan minum. Setelah diberitahu kepada gurunya mengenai hal keadaannya, gurunya bertanya, "Adakah Sufyan menjaga waktu-waktu solahnya?" (yakni menunaikan solah pada waktunya). Beliau diberitahu bahawa Hazrat Sufyan menjaga solahnya tepat pada waktu. Lalu gurunya berkata, الْحَمْدُ لله الَّذِى لَمْ يَجْعَلْ لِلشَّيْطَانِ عَلَيْهِ سَبِيْلاً

"Segala puji bagi Allah swt yang tidak membenarkan syaitan menguasainya."(بهجة النفوس -Bahjatun Nufus).

BAB 2

PENERANGAN TENTANG SOLAH BERJEMAAH

Sepertimana yang telah diterangkan di permulaan kitab ini bahawa ramai yang mengerjakan solah tetapi tidak mengambil berat tentang solah berjemaah. Sedangkan, sebagaimana Rasulullah ﷺ memberi penekanan yang tegas terhadap solah, begitu juga Baginda ﷺ sangat-sangat memberi penekanan tentang solah dengan berjemaah. Bab ini juga dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah berkenaan dengan kelebihan-kelebihan solah berjemaah manakala bahagian kedua adalah tentang amaran dan celaan terhadap mereka yang meninggalkan solah berjemaah.

BAHAGIAN PERTAMA

KELEBIHAN SOLAH BERJEMAAH

HADITH 1

عَنِ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ صَلاَةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلاَةِ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً.

رواه مالك والبخاري ومسلم والترمذي والنسائي كذا في الترغيب.

Diriwayatkan daripada Hazrat 'Abdullah bin 'Umar r.anhuma bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya solah berjemaah dua puluh tujuh kali ganda lebih afdal daripada solah bersendirian." (Hadith riwayat Imam Malik, Bukhari dan Muslim)

Keterangan

Apabila seseorang itu mendirikan solah dengan niat untuk memperoleh pahala maka cara yang mudah ialah jangan bersolah di rumah, tetapi pergi bersolah di masjid dengan berjemaah. Amalan ini tidaklah begitu susah malah akan memperoleh ganjaran yang begitu banyak. Siapakah yang akan melepaskan peluang memperoleh dua puluh tujuh ringgit atau dua puluh lapan ringgit

dan berpuas hati dengan hanya satu ringgit. Sebaliknya kita langsung tidak memberi perhatian untuk mendapatkan keuntungan yang sebegitu besar dalam amalan agama. Tidak lain dan tidak bukan sebabnya ialah kita sudah tidak lagi menghiraukan agama. Bahkan keuntungan agama tidak lagi dipandang sebagai satu keuntungan. Sedangkan kita sanggup bertungkus-lumus sepanjang hari untuk mendapat secebis keuntungan dalam perniagaan di dunia ini. Sebaliknya untuk keuntungan akhirat, solat berjemaah yang mendatangkan dua puluh tujuh kali ganda keuntungan menjadi satu bebanan pula kepada kita.

Ada di kalangan kita menganggap bahawa pergi ke masjid mendatangkan kerugian pada perniagaan dan jualan akan terjejas serta susah pula untuk menutup dan membuka kedai. Bagi mereka yang mempunyai kebesaran Allah ﷻ dalam hati mereka serta yakin dan berpuas hati dengan janji-janjiNya maka ganjaran dan pahala daripada Allah ﷻ adalah suatu perkara yang paling bernilai baginya. Mereka tidak memandang sedikit pun kepada alasan-alasan di atas. Pujian Allah ﷻ untuk orang seperti ini diterangkan dalam al-Quran:

رِجَالٌ لَّا تُلْهِيهِمْ تِجَٰرَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ وَإِقَامِ ٱلصَّلَوٰةِ... ﴿٣٧﴾

"Lelaki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan jual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah ﷻ dan mendirikan solah............" (an-Nur : 37)

Tentang amalan para sahabat dalam perniagaan selepas azan dilaungkan, diceritakan secara ringkasnya pada bab kelima dalam kitab Kisah Para Sahabat.

Seorang wali Allah, Hazrat Salim Haddad rah. apabila mendengar azan, wajahnya berubah menjadi pucat, keadaannya mulai gelisah. Beliau bangun meninggalkan kedainya dalam keadaan terbuka sambil membaca syair ini:

إِذَا مَا دَعَا دَاعِيْكُمْ قُمْتُ مُسْرِعًا   مُجِيْبًا لِمَوْلَى جَلَّ لَيْسَ لَهُ مِثْلُ

Apabila muazzinMu mula mengumandangkan azan.
Segera aku bangun menyahut seruan Allah ﷻ Yang Maha Besar,
tiada yang lain sepertiNya.

أُجِيْبُ إِذَا نَادَى بِسَمْعٍ وَطَاعَةٍ   وَبِي نَشْوَةٌ لَبَّيْكَ يَا مَنْ لَّهُ الفَضْلُ

Aku menyahut apabila diseru dengan penuh taat.
Dengan riang kusahut, aku hadir wahai Yang Maha Mulia.

وَيَصْفِرُ لَوْنِي خِيْفَةً وَمَهَابَةً   وَيَرْجِعُ لِي عَنْ كُلِّ شُغْلٍ بِهِ شُغْلُ

Wajahku menjadi pucat kerana takut dan gerun.
Untuk bersamaNya aku mengalihkan pandangan daripada segala-gala yang lain.

وَحَقِّكُمْ مَا لُذَّا لِيْ غَيْرَ ذِكْرِكُمْ   وَذِكْرُ سِوَاكُمْ فِيْ فَمِيْ قَطْ لاَ يَحْلُوْ

Demi keranaMu, aku bersumpah bahawa tiada yang lebih lazat daripada menyebut namaMu.
Dan mulutku ini tidak pernah merasa manis jika menyebut selainMu.

مَتَى يَجْمَعُ الأَيَّامُ بَيْنِى وَ بَيْنَكُمْ   وَ يَفْرَحُ مُشْتَاقٌ اذَا جَمَعَ الشَّمْلُ

Bilakah masanya yang akan menemukan aku denganMu?
Seseorang kekasih hanya bergembira apabila berada bersama dengan yang dikasihinya.

فَمَنْ شَاهَدَتْ عَيْنَاهُ نُوْرَ جَمَالِكُمْ   يَمُوْتُ اشْتِيَاقًا نَحْوَكُمْ قَطْ لاَ يَسْلُوْ

Dia yang matanya telah melihat nur kecantikanMu,
tidak akan dapat dihiburkan, dia pasti mati kerana merindukanMu.

Telah dinyatakan dalam sebuah hadith bahawa, "Mereka yang sentiasa berkumpul di masjid adalah tonggak masjid dan malaikat adalah rakan mereka yang akan mengunjungi mereka ketika sakit dan membantu mereka dalam segala urusan."

HADITH 2

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ قال قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ صَلاَةُ الرَّجُلِ فِي الْجَمَاعَةِ تُضَعَّفُ عَلَى صَلاَتِهِ فِي بَيْتِهِ وَفِي سُوقِهِ خَمْسًا وَعِشْرِينَ ضِعْفًا وَذَلِكَ أَنَّهُ إِذَا تَوَضَّأَ

فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ ثُمَّ خَرَجَ إِلَى الْمَسْجِدِ لاَ يُخْرِجُهُ إِلاَّ الصَّلاَةُ لَمْ يَخْطُ خَطْوَةً إِلاَّ رُفِعَتْ لَهُ بِهَا دَرَجَةٌ وَحُطَّ عَنْهُ بِهَا خَطِيئَةٌ فَإِذَا صَلَّى لَمْ تَزَلِ الْمَلاَئِكَةُ تُصَلِّي عَلَيْهِ مَا دَامَ فِي مُصَلاَّهُ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَيْهِ اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ وَلاَ يَزَالُ أَحَدُكُمْ فِي صَلاَةٍ مَا انْتَظَرَ الصَّلاَةَ.

رواه البخاري واللفظ له ومسلم وأبو داود والترمذي وابن ماجة كذا في الترغيب.

Hazrat Abu Hurairah ﷺ telah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Seorang yang bersolah secara berjemaah akan digandakan sebanyak dua puluh lima kali pahala lebih daripada orang yang bersolah bersendirian di rumah atau di kedai. Ini adalah kerana apabila seseorang itu mengambil wuduk dengan sempurna lalu berjalan menuju ke masjid semata-mata untuk bersolah maka setiap langkah yang dilangkahinya akan ditingkatkan satu darjat dan digugurkan satu dosa. Setelah bersolah jika dia terus duduk di dalam masjid (dengan keadaan berwuduk) maka para malaikat akan memohon rahmat dan keampunan untuknya. Selama mana dia terus duduk menunggu untuk menunaikan solah yang seterusnya maka dia akan terus menerus mendapat pahala solah selama masa dia menunggu solah tersebut." (Hadith riwayat Imam Bukhari, Muslim, Abu Daud, Tirmizi dan Ibnu Majah)

Keterangan

Hadith sebelum ini menyatakan bahawa solah berjemaah adalah dua puluh tujuh kali lebih darjat daripada solah bersendirian sedangkan dalam hadith ini pula cuma dua puluh lima kali ganda sahaja. Jawapan bagi perbezaan antara kedua-dua hadith di atas telah diberi oleh ramai ulama dan terdapat dalam kitab-kitab syarah hadith. Sebahagian daripada keterangan tersebut dinyatakan di sini. Antaranya ialah perbezaan keadaan orang yang menunaikan solah itu. Sesetengah mereka mendapat dua puluh lima kali ganda dan sesetengah yang lain mendapat dua puluh tujuh kaliganda kerana keikhlasan masing-masing. Mengikut pendapat sesetengah alim ulama hal ini adalah disebabkan perbezaan antara solah sirri dan jihri. Solah sirri yakni solah-solah yang tidak dinyaringkan bacaan iaitu zohor dan asar mendapat dua puluh lima kali ganda dan solah

jihri yakni solah-solah yang dikuatkan bacaan iaitu maghrib, 'isyak dan subuh mendapat dua puluh tujuh kali ganda. Sesetengah yang lain pula berpendapat bahawa dua puluh tujuh kali ganda bagi solah 'isyak dan subuh kerana sukar untuk menunaikan solah-solah tersebut dan dua puluh lima kali ganda untuk solah-solah yang lain. Sesetengah ulama menulis bahawa ummat ini berterusan memperoleh ganjaran dan kurniaan yang begitu banyak daripada Allah ﷻ. Oleh itu, pada awalnya dua puluh lima darjat kemudian telah menjadi dua puluh tujuh darjat. Sesetengah ulama telah memberi keterangan yang sangat menakjubkan, iaitu ganjaran dalam hadith ini lebih banyak daripada hadith sebelumnya. Dalam hadith ini tidak dinyatakan bahawa ganjaran ditambah dua puluh lima darjat sebaliknya diganda dua puluh lima kali berturut- turut, (المضاعف 2 × 2× .....) Maka melalui keterangan ini, seseorang itu akan mendapat ganjaran pahala bagi satu solah berjemaah sebanyak 33,554,432 (tiga puluh tiga juta lima ratus lima puluh empat ribu empat ratus tiga-puluh dua) darjat. Dengan rahmat Allah ﷻ pahala sebanyak ini bukanlah sesuatu yang mustahil. Ini kerana azab meninggalkan satu waktu solah adalah satu huqub di neraka maka ganjaran sebanyak ini kerana menunaikan solah boleh diterima akal. Selanjutnya Rasulullah ﷺ menarik perhatian kita kepada satu perkara yang sepatutnya kita berfikir dengan sendiri betapa banyak ganjaran pahala yang akan kita peroleh jika mengerjakan solah dengan berjemaah dan betapa ganjaran pahala itu terus dilipatgandakan. Seseorang yang mengambil wuduk di rumahnya lalu berjalan pergi ke masjid semata-mata untuk bersolah dengan berjemaah maka setiap langkahnya diberi satu pahala dan diampunkan satu dosa. Banu Salmah adalah satu kabilah di Madinah Munawarah yang tinggal agak jauh dari Masjid Nabi ﷺ. Mereka berhasrat untuk berpindah berdekatan dengan masjid. Namun, Rasulullah ﷺ telah menasihatkan mereka supaya tetap tinggal di situ kerana setiap langkah mereka akan ditulis (ganjaran pahala). Terdapat sebuah hadith yang menyatakan bahawa seseorang yang berwuduk di rumahnya kemudian keluar untuk menunaikan solah adalah seumpama seorang yang memakai ihram di rumahnya lalu pergi untuk menunaikan haji. Seterusnya, Rasulullah ﷺ menarik perhatian kita kepada satu kelebihan lagi iaitu setelah selesai bersolah selama mana seseorang itu terus duduk

di tempat solahnya maka selama tempoh masa itu malaikat akan memohon keampunan dan rahmat untuknya. Para malaikat adalah makhluk yang maksum dan makbul di sisi Allah ﷻ maka kesan keberkatan doa mereka adalah jelas sekali.

Hazrat Muhammad bin Sima'ah rah. adalah seorang 'alim yang terkenal. Beliau adalah anak murid kepada Imam Abu Yusuf rah. dan Imam Muhammad rah. Beliau meninggal dunia ketika berumur satu ratus tiga tahun. Pada usia itu beliau bersolah sunat sebanyak dua ratus rakaat. Pernah beliau memberitahu, "Selama empat puluh tahun aku tidak pernah terlepas takbiratul-ula[1] bersama jemaah kecuali pada ketika ibuku meninggal dunia kerana sibuk menguruskan jenazahnya. Beliau juga berkata, "Sekali aku terlepas solah berjemaah, lalu aku pun mengulangi solah (tersebut) sebanyak dua puluh lima kali kerana kelebihan solah berjemaah adalah dua puluh lima darjat. Aku bermimpi bahawa seorang datang lalu berkata kepadaku, "Muhammad, kamu telah mengulangi solah itu sebanyak dua puluh lima kali tetapi bagaimana pula dengan 'Amin' para malaikat?" Yang dimaksudkan dengan 'Amin' para malaikat ialah sebagaimana yang telah diriwayatkan dalam banyak hadith bahawa apabila imam menyebut 'Amin' selepas surah al-Fatihah maka para malaikat juga turut menyebut 'Amin'. Seseorang yang menyebut 'Amin' serentak dengan 'Amin' para malaikat maka segala dosanya akan diampun. Mengenai kisah ini Maulana Abdul Hai rah. berkata bahawa walaupun seseorang terus bersolah (bersendirian) seribu kali dia tidak dapat berkat solah berjemaah. Ini adalah nyata. Bukan sahaja dia rugi 'Amin' bersama para malaikat bahkan dia rugi juga keberkatan solah beramai-ramai dan doa para malaikat selepas solah. Selain itu, terdapat banyak lagi kelebihan yang hanya akan diperoleh melalui solah berjemaah. Satu perkara yang penting yang ditulis oleh para ulama bahawa seseorang itu berhak memperoleh doa malaikat hanya apabila solah yang dikerjakan adalah solah yang sempurna. Sekiranya solah yang dikerjakan itu seperti kain buruk yang dilipat kemudian dilemparkan ke mukanya maka dia tidak berhak mendapat doa para malaikat.

---

[1] Takbir pertama bersama imam.

HADITH 3

عَنْ ابْنِ مَسْعُوْدٍ ﷺ قَالَ مَنْ سَرَّهُ أَنْ يَلْقَى اللهَ غَدًا مُسْلِمًا فَلْيُحَافِظْ عَلَى هَؤُلاَءِ الصَّلَوَاتِ حَيْثُ يُنَادَى بِهِنَّ فَإِنَّ اللهَ شَرَعَ لِنَبِيِّكُمْ ﷺ سُنَنَ الْهُدَى وَإِنَّهُنَّ مِنْ سُنَنِ الْهُدَى وَلَوْ أَنَّكُمْ صَلَّيْتُمْ فِي بُيُوتِكُمْ كَمَا يُصَلِّي هَذَا الْمُتَخَلِّفُ فِي بَيْتِهِ لَتَرَكْتُمْ سُنَّةَ نَبِيِّكُمْ وَلَوْ تَرَكْتُمْ سُنَّةَ نَبِيِّكُمْ لَضَلَلْتُمْ وَمَا مِنْ رَجُلٍ يَتَطَهَّرُ فَيُحْسِنُ الطُّهُورَ ثُمَّ يَعْمِدُ إِلَى مَسْجِدٍ مِنْ هَذِهِ الْمَسَاجِدِ إِلاَّ كَتَبَ اللهُ لَهُ بِكُلِّ خَطْوَةٍ يَخْطُوهَا حَسَنَةً وَيَرْفَعُهُ بِهَا دَرَجَةً وَيَحُطُّ عَنْهُ بِهَا سَيِّئَةً وَلَقَدْ رَأَيْتُنَا وَمَا يَتَخَلَّفُ عَنْهَا إِلاَّ مُنَافِقٌ مَعْلُومُ النِّفَاقِ وَلَقَدْ كَانَ الرَّجُلُ يُؤْتَى بِهِ يُهَادَى بَيْنَ الرَّجُلَيْنِ حَتَّى يُقَامَ فِي الصَّفِّ وَفِي رِوَايَةٍ وَمَا يَتَخَلَّفُ عَنِ الصَّلاَةِ إِلاَّ مُنَافِقٌ قَدْ عُلِمَ نِفَاقُهُ أَوْ مَرِيضٌ إِنْ كَانَ الرَّجُلُ لَيَمْشِي بَيْنَ رَجُلَيْنِ حَتَّى يَأْتِيَ الصَّلاَةَ وَقَالَ إِنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ عَلَّمَنَا سُنَنَ الْهُدَى وَإِنَّ مِنْ سُنَنِ الْهُدَى الصَّلاَةَ فِي الْمَسْجِدِ الَّذِي يُؤَذَّنُ فِيهِ.

رواه مسلم وأبو داود والنسائي وابن ماجة كذا في الترغيب والدر المنثور والسنة نوعان سنة الهدى وتاركها يستوجب إساءة كالجماعة والأذان والزوائد وتاركها لا يستوجب إساءة كسير النبي ﷺ في لباسه وقعوده كذا في نور الأنوار والإضافة في سنة الهدى بيانية أى سنة هي هدى والحمل مبالغة كذا في قمر الأقمار.

Diriwayatkan daripada Hazrat ‘Abdullah bin Mas’ud ﷺ katanya, “Sesiapa yang berhasrat menemui Allah ﷻ pada hari esok (yakni hari akhirat) sebagai seorang Islam maka hendaklah dia memelihara solah-solah (fardu) dengan mengerjakan solah di tempat azan dilaungkan (yakni di masjid). Allah ﷻ telah mensyariatkan untuk Nabi kamu jalan-jalan petunjuk dan solah berjemaah adalah salah satu daripada jalan-jalan petunjuk itu. Jika kamu bersolah di rumah kamu sebagaimana yang dilakukan oleh mereka yang meninggalkan solah berjemaah maka sebenarnya kamu telah meninggalkan sunah Nabi kamu. Dan apabila kamu meninggalkan sunah Nabi kamu maka sesatlah kamu. Apabila seseorang mengambil wuduk dengan sempurna kemudian pergi ke masjid maka bagi setiap langkah yang

dilangkahinya pasti akan dituliskan untuknya satu pahala dan ditingkatkan satu darjat dan dihapuskan satu dosa. Sesungguhnya kami melihat bahawa tidak ada seorang pun di kalangan kami yang meninggalkan solah berjemaah melainkan orang yang benar-benar diketahui kemunafikannya. Seseorang itu akan dipimpin oleh dua orang untuk disertakan dalam saf solah berjemaah. Dalam riwayat yang lain dinyatakan bahawa,"Sesungguhnya saya melihat bahawa tidak ada di kalangan kami yang meninggalkan solah berjemaah kecuali yang terang-terang munafik atau yang sakit. Yang sakit pun jika dapat dibantu oleh dua orang, akan dibawa ke masjid sehingga dapat menyertai solah berjemaah. Dan katanya, bahawasanya Rasulullah ﷺ mengajar kami jalan-jalan petunjuk (Sunanul Huda). Dan antara jalan-jalan hidayah itu ialah mengerjakan solah berjemaah di masjid yang dilaungkan azan." (Hadith riwayat Imam Muslim, Abu Daud, Nasai dan Ibnu Majah)

Keterangan

Para sahabat sangat mengambil berat terhadap solah berjemaah. Sehingga orang yang sakit pun akan berusaha sedaya upaya untuk menyertai solah berjemaah, walaupun terpaksa dibantu oleh dua orang. Sudah semestinyalah mereka mengambil berat terhadap solah berjemaah kerana junjungan mereka dan junjungan kita, Nabi ﷺ sendiri juga melakukan sedemikian rupa. Ketika hampir wafat, Baginda ﷺ berkali-kali pengsan kerana sakit tenat. Baginda ﷺ berulang kali meminta air untuk berwuduk, akhirnya Baginda ﷺ dapat berwuduk dengan sempurna. Oleh kerana tidak terdaya berjalan sendiri, dengan penuh kesusahan dan kepayahan Baginda ﷺ pergi ke masjid dengan dibantu oleh Hazrat 'Abbas ؓ dan seorang sahabat yang lain. Hazrat Abu Bakar ؓ telah mengimami solah kerana mentaati arahan Rasulullah ﷺ dan Baginda ﷺ pun turut menyertai solah berjemaah itu.

Hazrat Abu Darda' ؓ berkata, "Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Beribadatlah kepada Allah ﷻ seolah-olah Dia berada di hadapan kamu dan kamu sedang melihatNya. Anggaplah diri kamu di kalangan mereka yang telah mati (jangan sekali-kali menganggap diri kamu di kalangan orang yang hidup maka dengan itu kamu tidak akan bergembira atau bersedih kerana sesuatu sebab, peliharalah diri kamu daripada doa (yang tidak baik) daripada orang

yang dizalimi dan sesiapa antara kamu yang mampu menunaikan solah 'isyak dan subuh secara berjemaah tunaikanlah walaupun kamu terpaksa merangkak untuk mengerjakan solah tersebut." Dalam sebuah hadith dinyatakan bahawa solah 'isyak dan subuh amatlah berat bagi orang munafik. Kalau mereka mengetahui betapa besarnya pahala berjemaah sudah tentulah mereka akan ke masjid walaupun terpaksa merangkak.

HADITH 4

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ مَنْ صَلَّى لِلهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا فِي جَمَاعَةٍ يُدْرِكُ التَّكْبِيرَةَ الأُولَى كُتِبَتْ لَهُ بَرَائَتَانِ بَرَائَةٌ مِنَ النَّارِ وَبَرَائَةٌ مِنَ النِّفَاقِ.

رواه الترمذي وقال لاَ أَعْلَمُ أَحَدًا رَفَعَهُ إلاَّ مَا رَوَى مسلْمُ بْنُ قُتَيْبَةَ عَنْ طُعْمَةَ بْنِ عَمْرٍو وقال المملي ومسلم و طعمة وبقية رواته ثقات كذا في الترغيب قلت وله شواهد من **حديث عمر رضي الله عنه** رفعه **مَنْ صَلَّى فِي مَسْجِدٍ جَمَاعَةً أَرْبَعِينَ لَيْلَةً لاَ تَفُوتُهُ الرَّكْعَةُ الأُولَى مِنْ صَلاَةِ الْعِشَاء كَتَبَ اللهُ لَهُ بِهَا عِتْقًا مِنَ النَّارِ** رواه ابن ماجة واللفظ له والترمذي وقال نحو حديث أنس يعنى المتقدم و لم يذكر لفظه وقال مرسل يعنى أن عمارة الراوي عن أنس لم يدرك أنسا وعزاه في منتخب الكنز إلي البيهقي في العشب وابن عساكر وابن النجار.

Diriwayatkan daripada Hazrat Anas bin Malik ؓ bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesiapa yang mengerjakan solah berjemaah kerana Allah ﷻ dengan memperoleh takbiratul-ula selama empat puluh hari akan mendapat dua kelepasan, kelepasan daripada api neraka dan kelepasan daripada ṣifat munafik." (Hadith riwayat Imam Tirmizi)

Keterangan

Seorang yang menunaikan solah berjemaah dengan ikhlas dan dia menyertai jemaah dari mula bersama imam yakni selepas sahaja imam mengangkat takbiratul ihram dia pun terus bertakbir selama empat puluh hari berturut-turut maka dia tidak akan masuk dalam golongan munafik dan tidak akan dimasukkan ke dalam neraka. Munafik ialah seorang yang menzahirkan dirinya sebagai seorang Islam tetapi kufur dalam hatinya. Keistimewaan empat puluh hari adalah kerana tempoh itu memainkan peranan yang

penting dalam perubahan sesuatu keadaan. Sebagaimana disebut dalam hadith, bahawa tertib kejadian manusia pun berlaku dalam tempoh empat puluh hari. Empat puluh hari pertama dalam bentuk air mani kemudian empat puluh hari kedua berubah kepada segumpal daging. Kemudian perubahan terus berlaku daripada empat puluh hari ke empat puluh hari berikutnya. Oleh sebab inilah mengikut pendapat ahli tasawuf tempoh empat puluh hari mempunyai keistimewaan yang khas. Betapa bertuahnya orang yang sudah bertahun-tahun lamanya tidak ketinggalan takbiratul-ula dalam solah berjemaah.

HADITH 5

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ مَنْ تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ وُضُوئَهُ ثُمَّ رَاحَ فَوَجَدَ النَّاسَ قَدْ صَلُّوْا أَعْطَاهُ اللهُ جَلَّ وَعَزَّ مِثْلَ أَجْرِ مَنْ صَلاَّهَا وَحَضَرَهَا لاَ يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أَجْرِهِمْ شَيْئًا.

رواه أبو داود والنسائي والحاكم وقال صحيح على شرط مسلم كذا في الترغيب وفيه أيضا عن سعيد بن المسيب قال حضر رجلا من الأنصار الموت فقال إني محدثكم حديثا ما أحدثكموه إلا احتسابا إني سمعت رسُوْل الله ﷺ يقول إدا توضأ أحدكم فأحسن الوضوء ... الحديث وفيه فإن أتي المسجد فصلي في جماعة غَفر له فإن أتى المسجد وقد صلوا بعضا وبقى بعض صلى ما أدرك وأتم ما بقى كان كذلك فإن أتى المسجد وقد صلوا فأتم الصلاة كان كذلك. رواه أبو داود.

Hazrat Abu Hurairah ﵁ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Seseorang yang berwuduk dengan sempurna lalu pergi (ke masjid untuk solah berjemaah) lalu mendapati orang ramai telah selesai solah berjemaah, Allah ﷻ akan memberi kepadanya ganjaran pahala yang sama sebagaimana mereka yang telah solah berjemaah, tanpa mengurangkan sedikit pun daripada pahala mereka." (Hadith riwayat Imam Abu Daud, Nasai dan Hakim)

Keterangan

Betapa besarnya kemurahan dan nikmat Allah ﷻ. Semata-mata kerana usaha yang sedikit pun dikurniakan pahala solah berjemaah, walaupun tidak sempat menyertai solah berjemaah. Siapakah yang akan rugi kalau kita sendiri tidak mengambil

peluang daripada kurniaan Allah ﷻ ini. Melalui hadith ini juga kita dapat mengetahui bahawa janganlah kita menangguh-nangguh untuk ke masjid dengan menyangka bahawa solah berjemaah mungkin telah selesai. Sekiranya kita tiba di masjid dan mendapati solah telah selesai kita masih juga mendapat pahala berjemaah. Walau bagaimanapun, sekiranya kita telah yakin bahawa solah berjemaah sudah selesai, maka tidak salah kalau tidak pergi ke masjid untuk berjemaah.

HADITH 6

عن قباث بن أشيم الليثى قال قال رَسُولُ الله ﷺ صَلاَةُ الرَجُلَيْنِ يَؤُمُّ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ أَزْكَى عِنْدَ الله مِنْ صَلاَةِ أَرْبَعَةٍ تَتْرَى وَصَلاَةُ أَرْبَعَةٍ أَزْكَى عِنْدَ الله مِنْ صَلاَةِ ثَمَانِيَةٍ تَتْرَى وَصَلاَةُ ثَمَانِيَةٍ يَؤُمُّهُمْ أَحَدُهُمْ أَزْكَى عِنْدَ الله مِنْ صَلاَةِ مِائَةٍ تَتْرَى.

رواه البزار والطبراني بإسناد لا بأس به كذا في الترغيب وفي مجمع الزوائد رواه البزار والطبراني في الكبير ورجال الطبراني موثقون وعزاه في الجامع الصغير إلى الطبراني والبيهقي ورقم له بالصحة وعن أبي بن كعب رفعه بمعنى حديث الباب فيه قصة وفي آخره وكلما كثر فهو أحب إلى الله عز وجل رواه أحمد وأبو داود والنسائي وابن خزيمة وابن حبان في صحيحهما والحاكم وقد جزم يحيى ابن معين والذهلي بصحة هذا الحديث كذا في الترغيب.

Diriwayatkan daripada Hazrat Qubath bin Ashyam al-Laithi ﷺ bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, “Dua orang yang solah berjemaah, dengan seorang mengimami rakannya lebih disukai oleh Allah ﷻ daripada empat orang yang bersolah secara berasingan. Empat orang yang solah berjemaah adalah lebih disukai Allah ﷻ daripada lapan orang yang solah secara berasingan. Lapan orang yang solah secara berjemaah dengan seorang daripada mereka mengimami yang lain lebih disukai oleh Allah ﷻ daripada seratus orang yang solah secara berasingan.” (Hadith riwayat Imam Bazzar dan Tabarani)

Diriwayatkan dalam sebuah hadith yang lain bahawa, “Jemaah yang besar lebih disukai oleh Allah ﷻ daripada jemaah yang kecil.”

Keterangan

Sesiapa yang berasa sudah memadai dengan hanya berkumpul dua tiga orang lalu mengerjakan solah berjemaah di rumah-rumah, kedai atau sebagainya, perlulah memahami bahawa pertamanya, mereka terlepas daripada mendapat pahala solah di masjid dan keduanya, mereka telah terlepas daripada mendapat pahala jemaah yang besar. Lebih ramai orang yang menyertai jemaah lebih disukai oleh Allah ﷻ. Sekiranya tujuan kita membuat sesuatu amalan adalah untuk mendapat keredaan Allah ﷻ maka hendaklah kita melakukannya mengikut cara yang lebih disukaiNya. Diriwayatkan dalam sebuah hadith bahawa ada tiga perkara yang Allah ﷻ sangat gembira apabila melihatnya. Pertama ialah saf solah berjemaah, kedua ialah seorang yang berdiri mengerjakan solah (tahajud) di tengah malam dan ketiga ialah seorang yang berjuang di jalan Allah ﷻ.

HADITH 7

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ السَاعِدِيِّ رضي الله عنه قالَ قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ بَشِّرِ الْمَشَّائِينَ فِي الظُّلَمِ إِلَى الْمَسَاجِدِ بِالنُّورِ التَّامِّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

رواه ابن ماجه وابن خذيمة في صحيحه والحاكم واللفظ له وقال صحيح على شرط الشيخين كذا في الترغيب وفي المشكوة برواية الترمذي وأبي داود عن بريدة ثم قال رواه ابن ماجه عن سهل بن سعد وأنس اهـ قلت وله شاهد في منتخب كنز العمال برواية الطبراني عن أبي أمامة بلفظ بشر المدلجين إلى المساجد في الظلم بمنابر من نور يوم القيامة يفزع الناس ولا يفزعون وذكر السيوطي في الدر المنثور في تفسير قوله تعالى إنما يعمر مساجد الله عدة روايات في هذا المعنى.

Diriwayatkan daripada Hazrat Sahl bin Sa'ad as-Sa'idi رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Berilah berita gembira kepada mereka yang selalu berjalan ke masjid dalam kegelapan malam bahawa mereka akan memperoleh nur yang sempurna pada hari kiamat."

(Hadith riwayat Imam Ibnu Majah dan Ibnu Khuzaimah)

Keterangan

Nilai pergi ke masjid pada malam yang gelap di dunia ini akan diketahui apabila berhadapan dengan kedahsyatan hari kiamat apabila setiap orang akan berada dalam kesusahan. Ganjaran dan nilai menanggung kesusahan pada malam yang gelap gelita pada

hari ini akan diketahui apabila nur yang bergemerlapan yang berkali-kali ganda lebih terang daripada matahari akan bersamanya kelak. Diriwayatkan dalam sebuah hadith bahawa mereka akan menduduki mimbar-mimbar daripada nur dengan tidak merasai bimbang sedikitpun sedangkan manusia yang lain berada dalam kegelisahan. Dalam hadith yang lain pula, Allah ﷻ akan berfirman pada hari kiamat, "Di manakah jiran-jiranKu?" Para malaikat akan bertanya, "Siapakah jiranMu ?" Allah ﷻ pun menjawab, "Mereka yang memakmurkan masjid-masjid." Dalam sebuah hadith dinyatakan bahawa, "Masjid-masjid adalah tempat yang paling disukai oleh Allah ﷻ daripada segala tempat yang lain dan pasar adalah tempat yang paling dibenciNya." Disebutkan dalam hadith yang lain bahawa masjid-masjid adalah taman-taman syurga. Terdapat dalam sebuah hadith Sahih yang diriwayatkan oleh Hazrat Abu Sa'id ؓ bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Apabila kamu melihat seorang yang selalu ke masjid maka hendaklah kamu bersaksi atas keimanannya." Lalu Baginda ﷺ membaca ayat Quran yang berikut:



"Sesungguhnya yang memakmurkan masjid-masjid Allah (yakni yang menghidupkan amalan dalamnya) ialah orang yang beriman kepada Allah ﷻ dan hari akhirat......." (at-Taubah : 18)

Terdapat dalam sebuah hadith bahawa mengambil wuduk pada waktu kepayahan, berjalan ke masjid dan duduk menanti solah yang lain setelah selesai solah akan menghapuskan dosa (الجامع الصغير). Diriwayatkan dalam sebuah hadith bahawa lebih jauh seseorang itu tinggal dari masjid maka lebih banyaklah pahala yang akan diperolehnya (الجامع الصغير). Ini adalah kerana bagi setiap langkah akan diberi ganjaran pahala. Jadi, semakin jauh seseorang itu tinggal dari masjid maka semakin banyak langkah yang perlu diambil untuk ke masjid. Inilah sebabnya sesetengah sahabat pergi ke masjid dengan melangkah pendek-pendek. Dinyatakan dalam sebuah hadith bahawa ada tiga perkara, jika diketahui pahalanya, manusia akan sanggup bergaduh untuk mendapatkannya. Pertama, melaungkan azan, kedua, pergi solah berjemaah ketika panas terik dan ketiga, mengerjakan solah di saf pertama. Diriwayatkan dalam

sebuah hadith terdapat tujuh golongan manusia yang akan berada di bawah naungan rahmat Allah ﷻ pada hari kiamat apabila pancaran matahari amat panas dan setiap manusia akan berada dalam kesusahan. Salah satu daripada golongan itu ialah mereka yang hati sentiasa terpaut kepada masjid. Apabila dia keluar daripada masjid kerana sesuatu keperluan, masih dia berkeinginan untuk kembali ke masjid. Menurut hadith yang lain Allah ﷻ mengasihi seorang yang mengasihi masjid (الجامع الصغير).

Dalam setiap hukum ahkam syariat Islam yang suci terdapat kebaikan, keberkatan dan sememangnyalah akan mendapat ganjaran pahala yang tidak terhad banyaknya. Selain itu hukum ahkam syariat Islam mengandungi banyak hikmah dan manfaat yang hakikatnya sukar untuk difahami. Sesiapa pun tidak mempunyai keupayaan untuk mencakupi keseluruhan ilmu Allah ﷻ, hikmah dan manfaat yang tersembunyi di sebalik setiap hukum ahkam syariat Islam. Namun, sejauh mana kemampuan, kesungguhan dan kefahaman masing-masing maka sejauh itulah terbukanya kemaslahatan yang tersembunyi di sebalik setiap perintah Allah ﷻ itu. Mengikut banyaknya kemampuan yang ada sebanyak itulah kebaikan-kebaikan dan faedah daripada perintah-perintah Allah ﷻ tersebut akan terus diketahui. Para ulama telah menjelaskan hikmah dan manfaat di sebalik solah berjemaah mengikut kemampuan dan kefahaman masing-masing.

Hazrat Shah Waliyullah rah. telah menulis tentang perkara ini dalam kitabnya “Hujjatullahil Baalighah” (حجة الله البالغة) yang maksudnya begini:

Untuk menyelamatkan umat daripada adat resam yang membawa kepada kebinasaan umat itu sendiri, tidak ada sesuatu yang lebih bermanfaat selain daripada salah satu ibadat perlu dijadikan adat kebiasaan umum yang dilakukan secara terang-terangan di hadapan setiap orang, sama ada dia seorang yang berilmu atau buta huruf. Orang di bandar atau di desa sepatutnya sama-sama mengambil berat menunaikan ibadat tersebut. Ibadat tersebut patutlah menjadi suatu perkara yang diperlumba-lumbakan dan dibangga-banggakan. Ibadat tersebut hendaklah dilaksanakan secara umum sehingga menjadi sebahagian daripada keperluan kehidupan dan sukar untuk dipisahkan daripada kehidupan umat. Malahan, ibadat tersebut akan menjadi satu dorongan untuk

meningkatkan amal ibadat kepada Allah ﷻ. Ibadat tersebut akan menjadi punca penarik kepada haq, yakni kehendak agama yang sebenar dan menggantikan adat resam yang mengakibatkan kerugian dan membahayakan umat itu sendiri. Oleh kerana tidak ada mana-mana ibadat yang mengatasi solah dari segi kepentingan, keutamaan dan juga dari segi kekuatan dalil serta hujjah-hujjah maka sewajarnyalah solah disebarkan dan dijadikan satu amalan kebiasaan dalam kehidupan. Perhimpunan yang khas perlu diadakan supaya solah dapat dikerjakan bersama-sama secara bermuafakat.

Dalam setiap masyarakat yang beragama terdapat segelintir yang dapat memimpin yang lain dan mereka menjadi ikutan. Golongan yang kedua pula terdiri daripada mereka yang sentiasa perlu diberikan galakan dan peringatan. Golongan yang ketiga pula adalah terdiri daripada mereka yang lemah pegangan. Jika mereka tidak digesa melakukan ibadat dalam bentuk beramai-ramai (berjemaah) mereka mungkin akan meninggalkan ibadat itu kerana malas. Untuk memenuhi tuntutan kemaslahatan masyarakat Islam seluruhnya maka perlulah ibadat itu ditunaikan secara beramai-ramai dengan berjemaah supaya dapatlah dibezakan antara mereka yang meninggalkan ibadat tersebut dengan yang menunaikannya. Selain itu, dapat diketahui dengan jelas antara mereka yang berkeinginan dengan yang tidak berkeinginan mengerjakan ibadat itu. Mereka yang tidak mengetahui akan dapat belajar daripada 'alim ulama dan mereka yang jahil akan dapat mengetahui cara-cara beribadat. Dengan ini mereka mudah dikenali sebagaimana seorang jauhari yang mahir dapat membezakan antara yang asli dengan yang palsu. Dengan ini dapat memperkuatkan lagi sesuatu yang benar atau yang asli dan pada masa yang sama dapat menghalang sesuatu yang salah atau yang palsu. Selain itu, dalam perhimpunan orang Islam yang sedemikian ini sudah semestinya terdapat orang yang mencintai Allah ﷻ, yang ingin mendapatkan rahmat Allah ﷻ, yang takut kepada Allah ﷻ dan kesemua mereka ini menumpukan sepenuh tawajuh hanya kepada Allah ﷻ. Lantaran itu, perhimpunan sebegini mempunyai keistimewaan yang khusus untuk menarik keberkatan dan rahmat daripada Allah ﷻ.

Tambahan pula umat Muhammad ﷺ dibangkitkan atas maksud untuk meninggikan kalimah Allah ﷻ dan agar agama Islam mengatasi agama-agama yang lain. Matlamat ini tidak akan tercapai

selagi ibadat solah tidak menjadi kebiasaan. Semua orang Islam yang terdiri daripada pelbagai peringkat sama ada orang atasan atau orang bawahan, yang tua atau yang muda, penghuni di bandar atau di desa, perlu berhimpun di satu tempat untuk menunaikan ibadat yang paling besar ini dan menghidupkan syiar yang paling tinggi ini dengan cara berjemaah.

Berdasarkan kepentingan-kepentingan inilah, syariat Islam telah memberi penekanan terhadap kepentingan solah Jumaat dan solah berjemaah. Syariat Islam juga memberi banyak dorongan untuk menzahirkan kepentingan ibadat ini dengan mengadakan perhimpunan untuk solah berjemaah dan Jumaat serta memberi amaran yang keras jika solah berjemaah dan Jumaat ditinggalkan. Oleh itu, dua perhimpunan perlu diadakan, satu bagi ahli kariah dan satu lagi perhimpunan bagi seluruh penduduk dalam satu-satu bandar. Oleh kerana lebih mudah mengadakan perhimpunan di peringkat kariah pada setiap hari dan waktu maka syariat berkehendakkan supaya diadakan solah berjemaah lima kali sehari di peringkat ini. Di peringkat bandar pula perhimpunan untuk semua orang di satu tempat pada setiap hari sukar diadakan maka disyariatkan perhimpunan di peringkat bandar seminggu sekali untuk solah Jumaat.

BAHAGIAN KEDUA

AMARAN KERANA MENINGGALKAN SOLAH BERJEMAAH

Sebagaimana Allah ﷻ telah berjanji untuk memberi ganjaran kepada orang yang mematuhi perintah-perintahNya, demikianlah juga Allah ﷻ murka dan mencela orang yang tidak mematuhi perintah-perintahNya. Sesungguhnya setiap ganjaran merupakan satu anugerah Allah ﷻ yang berjanji untuk mengurniakan ganjaran yang tidak terhingga kepada hamba-hambaNya yang mengikut segala perintah-perintahNya. Sebenarnya, jika dihalusi dari segi tuntutan penghambaan, kita sepatutnya menerima celaan sahaja, kerana memang menjadi kewajipan seorang hamba semestinya menyempurnakan segala perintah-perintah yang diperintahkan ke atasnya. Apakah patut seseorang hamba itu menerima anugerah dan ganjaran bagi setiap perintah yang memang menjadi kewajipannya melaksanakan perintah itu? Sekiranya seseorang hamba itu tidak mentaati perintah-perintah tuannya maka memang wajar dia menerima pelbagai azab dan memang patut dia dicela. Sebagai seorang hamba, tiada kesalahan yang lebih besar daripada kesalahan menginkari perintah-perintah tuannya. Sebenarnya, sebagai hamba kita sepatutnya mengikut segala perintah-perintahNya dan tidak perlu lagi diberi sebarang amaran dan peringatan kepada kita. Namun kerana kasih sayang Allah ﷻ dan RasulNya terhadap kita, peringatan demi peringatan, amaran demi amaran diberikan kepada kita menerusi pelbagai cara. Oleh itu, jika kita masih tidak mahu mempedulikan dan tidak mahu memahami segala peringatan-peringatan itu maka kitalah yang rugi.

HADITH 1

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ مَنْ سَمِعَ الْمُنَادِيَ فَلَمْ يَمْنَعْهُ مِنِ اتِّبَاعِهِ عُذْرٌ قَالُوا وَمَا الْعُذْرُ قَالَ خَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ لَمْ تُقْبَلْ مِنْهُ الصَّلَاةُ الَّتِي صَلَّى.

رواه أبو داود وابن حبان في صحيحه وابن ماجة بنحوه كذا في الترغيب وفى المشكوة رواه أبو داود والدارقطني.

Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesiapa yang mendengar azan dan tidak pergi menunaikan solah berjemaah tanpa sesuatu sebab yang menghalangnya (uzur) daripada menyertai solah berjemaah maka solah yang dikerjakannya itu tidak akan diterima." Para sahabat bertanya, "Apakah uzur itu?" Jawab Rasulullah ﷺ, "Takut atau sakit." (Hadith riwayat Imam Abu Daud dan Ibnu Hibban)

Keterangan

'Solahnya tidak diterima' bermaksud bahawa dia tidak akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah ﷻ melalui solah yang dikerjakannya itu, sebaliknya hanya sekadar terlepas daripada kewajipan menunaikan solah fardu. Inilah juga yang dimaksudkan dalam hadith-hadith yang menyatakan bahawa solahnya tidak diterima. Walaupun kewajipannya sudah terlepas tetapi apakah gunanya amalan yang tidak mendapat ganjaran daripada Allah ﷻ? Ini merupakan pendapat Imam Abu Hanifah rah. Sedangkan, mengikut pendapat segolongan sahabat ؓ dan tabiin yang berasaskan kepada hadith-hadith di atas bahawa meninggalkan solah berjemaah tanpa uzur adalah haram dan menunaikan solah dengan berjemaah adalah fardu. Sehingga banyak ulama turut berpendapat bahawa seseorang yang mengerjakan solah dengan tidak berjemaah solahnya tidak sah. Mengikut pendapat Mazhab Hanafi, walaupun solah yang dikerjakan tanpa berjemaah tersebut sah tetapi masih bersalah kerana meninggalkan jemaah. Terdapat dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma bahawa orang yang tidak menunaikan solah dengan berjemaah tidak mentaati Allah ﷻ dan RasulNya. Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma juga berkata bahawa seseorang yang mendengar azan tetapi tidak menunaikan solah dengan berjemaah maka dia tidak berniat untuk membuat kebaikan dan dia tidak akan diberi apa-apa pun kebaikan. Hazrat Abu Hurairah ؓ berkata bahawa wajarlah dituangkan timah yang mendidih ke dalam telinga seseorang yang mendengar azan tetapi tidak pergi untuk menunaikan solah berjemaah.

HADITH 2

عَنْ معاذ بن أنس عَنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ أَنَّهُ قَالَ الْجَفَاءُ كُلُّ الْجَفَاءِ وَالْكُفْرُ وَالنِّفَاقُ مَنْ سَمِعَ مُنَادِيَ اللهِ يُنَادِي إِلَى الصَّلَاةِ فَلَا يُجِيبُهُ.

رواه أحمد والطبراني من رواية زبان بن فائد كذا في الترغيب وفى مجمع الزوائد رواه الطبراني في الكبير وزبان ضعفه ابن معين ووثقه أبو حاتم- اه -وعزاه في الجامع الصغير إلى الطبراني ورقم له بالضعف.

Diriwayatkan daripada Hazrat Mu'az bin Anas ﷺ daripada Rasulullah ﷺ bahawa Baginda ﷺ telah bersabda, "Sungguh-sungguh zalim, kufur dan nifaq mereka yang mendengar penyeru Allah ﷻ yakni muazzin yang menyeru kepada solah tetapi mereka tidak pergi menyertai solah berjemaah." (Hadith riwayat Imam Ahmad dan Tabarani)

Keterangan

Betapa keras amaran dan ancaman dalam hadith ini yang menjelaskan bahawa meninggalkan solah berjemaah merupakan perbuatan orang kafir dan kelakuan orang munafik. Ini menunjukkan bahawa perbuatan itu sama sekali tidak boleh dilakukan oleh orang Islam. Sebuah hadith yang lain menjelaskan bahawa sungguh malang dan tidak bernasib baik seseorang yang mendengar seruan muazin tetapi dia tidak pergi menunaikan solah berjemaah.

Hazrat Sulaiman bin Abi Hathmah ﷺ adalah di kalangan orang ternama yang lahir pada zaman Rasulullah ﷺ. Oleh kerana umurnya yang terlalu muda maka beliau tidak berpeluang mendengar hadith daripada Rasulullah ﷺ. Hazrat 'Umar ﷺ telah melantik beliau sebagai penjaga pasar. Pada suatu hari beliau tidak pergi solah subuh di masjid. Apabila Hazrat 'Umar ﷺ melalui berhampiran rumahnya, beliau memberitahu ibunya bahawa Hazrat Sulaiman tidak menghadiri solah subuh pada hari itu. Ibunya memberitahu bahawa sepanjang malam beliau sibuk dengan bersolah sunat sehingga rasa mengantuk telah menguasainya lalu beliau tertidur. Hazrat 'Umar ﷺ berkata, "Aku lebih suka menyertai solah subuh dengan berjemaah daripada bersolah sepanjang malam."

HADITH 3

عن أَبِيْ هُرَيْرَةَ قال قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ لَقَدْ هَمَمْتُ أَنْ آمُرَ فِتْيَتِي فَيَجْمَعُوا حُزَمًا مِنْ حَطَبٍ ثُمَّ آتِيَ قَوْمًا يُصَلُّونَ فِي بُيُوتِهِمْ لَيْسَتْ بِهِمْ عِلَّةٌ فَأُحَرِّقَهَا عَلَيْهِمْ

رواه مسلم وأبو داود وابن ماجه والترمذي كذا في الترغيب قال السيوطي في الدر أخرج ابن أبي شيبة والبخاري ومسلم وابن ماجه عن أبي هريرة رفعه إِنَّ أَثْقَلَ الصَّلَاةِ عَلَى الْمُنَافِقِينَ صَلَاةُ الْعِشَاءِ وَصَلَاةُ الْفَجْرِ وَلَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِيهِمَا لَأَتَوْهُمَا وَلَوْ حَبْوًا وَلَقَدْ هَمَمْتُ أَنْ آمُرَ بِالصَّلَاةِ فَتُقَامَ الحديث بنحوه.

Hazrat Abu Hurairah ﷺ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya aku benar-benar berhasrat untuk menyuruh anak-anak muda mengumpul kayu api untukku, kemudian aku ingin pergi kepada mereka yang bersolah di rumah tanpa sebarang keuzuran lalu membakar rumah mereka." (Hadith riwayat Imam Muslim, Abu Daud, Ibnu Majah dan Tirmizi)

Keterangan

Nabi ﷺ yang begitu kasih dan sayang terhadap ummatnya dan tidak sanggup melihat sesiapa pun mengalami apa-apa kesusahan walaupun sekecil-kecilnya tetapi Baginda ﷺ begitu marah terhadap mereka yang bersolah di rumah sehingga sanggup membakar rumah mereka.

HADITH 4

عن أَبِيْ الدَّرْدَاءِ ﵁ قال سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ مَا مِنْ ثَلَاثَةٍ فِي قَرْيَةٍ وَلَا بَدْوٍ لَا تُقَامُ فِيهِمُ الصَّلَاةُ إِلَّا اسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ فَعَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ فَإِنَّمَا يَأْكُلُ الذِّئْبُ مِنَ الْغَنَمِ الْقَاصِيَةِ رواه أحمد وأبو داود والنسائي وابن خزيمة وابن حبان في صحيحيهما والحاكم وزاد رزين في جامعه و إن ذئب الإنسان الشيطان إذا خلابه أكله كذا في الترغيب ورقم له في الجامع الصغير بالصحة وصححه الحاكم واقره عليه الذهبي.

Diriwayatkan daripada Hazrat Abu Darda ﷺ bahawa beliau berkata aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Sekiranya terdapat tiga orang di sebuah kampung atau padang pasir dan mereka tidak mendirikan solah berjemaah maka pasti syaitan akan menguasai mereka. Oleh itu, hendaklah kamu mengambil berat tentang solah berjemaah kerana sesungguhnya kambing yang bersendirian akan dimakan oleh serigala." Dalam riwayat yang lain menerangkan bahawa serigala bagi manusia ialah syaitan. (Hadith riwayat Imam Ahmad, Abu Daud dan Nasai)

Keterangan

Daripada hadith ini dapat difahami bahawa mereka yang sibuk di sawah dan ladang, sekiranya ada tiga orang maka hendaklah mereka menunaikan solah dengan berjemaah. Bahkan, sekiranya ada dua orang sahaja pun lebih baik jika mereka menunaikan solah dengan berjemaah. Umumnya, petani-petani langsung tidak menunaikan solah. Kesibukan dalam urusan pertanian sering dijadikan alasan bagi keuzuran mereka daripada menunaikan solah. Mereka yang dianggap soleh juga menunaikan solah bersendirian, sedangkan kalaulah petani-petani berkumpul menunaikan solah pada satu tempat maka jemaah yang besar dapat didirikan dan ganjaran pahala yang besar akan diperoleh. Untuk keuntungan duniawi yang sedikit mereka sanggup menyibukkan diri sepanjang hari tanpa menghiraukan panas terik matahari dan kesejukan dibasahi hujan, tetapi ganjaran yang begitu besar telah disia-siakan dan ganjaran tersebut langsung tidak dihiraukan. Sedangkan mereka akan mendapat ganjaran yang lebih banyak jika mereka menunaikan solah dengan berjemaah di sawah ladang mereka. Sehingga disebutkan dalam sebuah hadith, mereka akan memperoleh ganjaran lima puluh kali ganda banyaknya. Dinyatakan dalam sebuah hadith apabila pengembala kambing berada di kaki bukit, melaungkan azan lalu menunaikan solah maka Allah ﷻ sangat-sangat menyukainya. Dengan rasa sukacita dan berbangga Allah ﷻ memberitahu kepada malaikat, "Lihatlah kepada hambaku itu. Dia telah melaungkan azan lalu menunaikan solah. Itu semua dilakukannya kerana takut kepadaKu. Aku telah mengampuninya dan telah membuat keputusan untuk memasukkannya ke dalam syurga."

HADITH 5

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّهُ سُئِلَ عَنْ رَجُلٍ يَصُومُ النَّهَارَ وَيَقُومُ اللَّيْلَ ولاَ يَشْهَدُ الجَمَاعَةَ وَلاَ الجُمْعَةَ فَقَالَ هَذَا فِي النَّارِ.

رواه الترمذي موقوفا كذا في الترغيب وفي تنبيه الغافلين روى عن مجاهد أن رجلا جاء إلى ابن عباس فقال يا أبن عباس ما تقول في رجل فذكره بلفظه زاد في آخره فاختلف إليه شهرا يسأله عن ذلك وهو يقول هو في النار.

Diriwayatkan daripada ‘Abdullah bin ‘Abbas r.anhuma bahawa beliau telah ditanya mengenai seorang yang berpuasa sepanjang hari dan beribadat sepanjang malam tetapi tidak pergi mengerjakan solah berjemaah dan solah Jumaat. Beliau menjawab, “Dia ialah penghuni neraka.” (Hadith riwayat Imam Tirmizi)

Keterangan

Walaupun dia akan diazab untuk beberapa masa yang tertentu kemudian akan dikeluarkan daripada neraka disebabkan dia adalah seorang Islam tetapi kita tidak mengetahui berapa lama dia terpaksa berada di neraka. Para sufi yang jahil lebih memberi penekanan kepada wirid, zikir dan solah-solah sunat tetapi tidak menghiraukan solah berjemaah. Mereka menganggap semua amalan yang dilakukan oleh mereka itulah kesolehan sedangkan kesempurnaan kesolehan yang sebenar ialah dalam mengikuti sunnah Rasulullah ﷺ. Diriwayatkan dalam sebuah hadith bahawa Allah ﷻ mengutuk tiga jenis manusia. Pertama, seorang imam yang tidak disukai oleh makmumnya atas sebab-sebab yang wajar. Kedua, seorang wanita yang dimurkai oleh suaminya. Ketiga, seorang yang mendengar seruan azan tetapi tidak menyertai solah berjemaah.

HADITH 6

أَخْرَجَ ابْنُ مَرْدَوَيْهِ عَنْ كَعْبِ الحِبْرِ قَالَ وَالَّذِيْ أَنْزَلَ التَّوْرَاةَ عَلَى مُوْسَى وَالإِنْجِيْلَ عَلَى عِيْسَى وَالزَّبُوْرَ عَلَى دَاوُدَ وَالْفُرْقَانَ عَلَى مُحَمَّدٍ أُنْزِلَتْ هَذِهِ

الْآيَاتُ فِي الصَّلَاةِ الْمَكْتُوبَاتِ حَيْثُ يُنَادَى بِهِنَّ يَوْمَ يُكْشَفُ عَنْ سَاقٍ إِلَى قَوْلِهِ وَهُمْ سَالِمُوْنَ الصَّلَوَاتُ الْخَمْسُ إِذَا نُوْدِيَ بِهَا

وَأَخْرَجَ الْبَيْهَقِيُّ فِي الشُّعَبِ عَنْ سَعِيْدِ بْنِ جُبَيْرٍ قَالَ الصَّلَوَاتُ فِي الْجَمَاعَاتِ وأخرج البيهقي عن ابن عباس قال الرَّجُلُ يَسْمَعُ الْأَذَانَ فَلَا يُجِيْبُ الصَّلَاةَ كذا في الدر المنثور قلت وتمام الآيَةِ يَوْمَ يُكْشَفُ عَنْ سَاقٍ وَيُدْعَوْنَ إِلَى السُّجُوْدِ فَلَا يَسْتَطِيْعُوْنَ خَاشِعَةً أَبْصَارُهُمْ تَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ وَقَدْ كَانُوْا يُدْعَوْنَ إِلَى السُّجُوْدِ وَهُمْ سَالِمُوْنَ.

Hazrat Ibnu Mardawaeh rah. telah meriwayatkan bahawa Hazrat Ka'ab Al-Hibri ﷺ berkata, "Demi Zat (yang maha suci) yang telah menurunkan Taurat kepada Musa a.s. Injil kepada 'Isa a.s. Zabur kepada Daud a.s. dan Furqan (al-Quran) kepada Muhammad ﷺ, sesungguhnya ayat-ayat ini telah diturunkan mengenai menunaikan solah-solah fardu (dengan berjemaah) di tempat azan dilaungkan." (Hadith riwayat Imam Ibnu Mardawaeh)

يَوْمَ يُكْشَفُ عَنْ سَاقٍ وَيُدْعَوْنَ إِلَى ٱلسُّجُودِ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ ﴿٤٢﴾ خَٰشِعَةً أَبْصَٰرُهُمْ تَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ وَقَدْ كَانُوا۟ يُدْعَوْنَ إِلَى ٱلسُّجُودِ وَهُمْ سَٰلِمُونَ ﴿٤٣﴾

Maksud ayat tersebut ialah: "Pada hari zahirnya 'Tajalli Saaq' Allah ﷻ dan mereka diseru supaya sujud dan mereka tidak dapat melakukannya; sambil pandangan mereka tunduk ke bawah serta mereka diliputi kehinaan; dan sesungguhnya mereka (di dunia) dahulu telah pun diseru supaya sujud (tetapi mereka enggan sujud) sedang mereka dalam keadaan sihat sejahtera." (al- Qalam : 42-43)

Keterangan

'Tajalli Saaq' ialah satu keagungan dan kehebatan Allah ﷻ yang akan zahir di padang mahsyar kelak. Semua orang Islam akan terus sujud apabila melihat 'Tajlli Saaq'. Namun, tulang belakang sesetengah manusia akan kaku dan mereka tidak dapat sujud. Terdapat banyak penafsiran tentang siapakah mereka itu? Satu tafsir yang diriwayatkan oleh Hazrat Ka'ab Al-Hibri ﷺ dan tafsiran seumpama itu juga telah diriwayatkan oleh Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma bahawa mereka yang tidak dapat sujud itu ialah mereka yang semasa di dunia ini tidak pergi untuk solah berjemaah apabila diseru supaya bersolah. Penafsiran yang kedua terdapat

dalam kitab Bukhari, hadith yang diriwayatkan daripada Hazrat Abu Sa'id al-Khudri ﷺ, "Saya mendengar daripada Rasulullah ﷺ bahawa mereka itu ialah orang yang menunaikan solah di dunia kerana menunjuk-nunjuk." Tafsiran yang ketiga, mereka itu adalah orang kafir yang langsung tidak menunaikan solah. Tafsiran yang keempat, mereka yang dimaksudkan ialah orang munafik.

واللهُ اَعْلَمُ وَعِلْمُهُ اَتَمُّ

(Allah lebih mengetahui dan ilmuNya lebih sempurna)

Kesimpulannya ialah sebagaimana tafsir yang dibuat oleh Hazrat Ka'ab ﷺ setelah bersumpah dengan nama Allah ﷻ yang maha suci dan dikuatkan lagi dengan penafsiran yang sama daripada seorang sahabat yang unggul dan Imam Mufassirin Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma. Bayangkanlah betapa dahsyatnya kehinaan dan keadaan yang dialami di padang mahsyar oleh orang yang tidak menjaga solah dengan berjemaah ketika di dunia. Keadaannya sangat buruk sehingga dia tidak dapat bersujud sedangkan pada masa itu semua orang Islam yang lain sibuk bersujud. Selain daripada itu terdapat banyak lagi amaran kerana meninggalkan solah berjemaah. Bagi seorang Islam, sebenarnya tidak perlu kepada satu ancaman pun, perintah Allah ﷻ dan RasulNya adalah yang paling berharga bagi mereka. Bagi mereka yang tidak menghargai perintah-perintah Allah ﷻ dan RasulNya maka ribuan bentuk ancaman pun tidak memberi sebarang kesan kepada mereka. Apabila sampai waktu menerima azab barulah mereka akan menyesal tetapi sudah tidak berguna lagi.

BAB 3

PENERANGAN TENTANG KHUSYUK DAN KHUDU DALAM SOLAH

Terdapat ramai orang yang menunaikan solah dan di kalangan mereka, ramai juga yang menjaga solah dengan berjemaah. Sepatutnya melalui bersolah seseorang itu mendapat ganjaran pahala tetapi oleh kerana solah ditunaikan dengan tidak sempurna, tidak khusyuk dan tanpa tumpuan sepenuhnya maka solah itu dilemparkan kembali ke mukanya. Walau bagaimanapun, solah sebegini lebih baik daripada tidak menunaikan solah langsung kerana azab akibat meninggalkan solah amat berat. Walaupun solah yang dikerjakan tidak sempurna, tidak layak diterima dan dilempar kembali ke muka serta tidak mendatangkan sebarang pahala, tetapi ini tidak sama dengan mereka yang ingkar dan degil yang langsung tidak menunaikan solah. Oleh sebab seseorang itu telah meluangkan masa untuk bersolah, meninggalkan kerja-kerjanya dan menanggung kesusahan maka dia sepatutnya berusaha sehingga dapat menunaikan solah yang paling bermutu dan bernilai. Firman Allah ﷻ:

لَن يَنَالَ ٱللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَآؤُهَا وَلَٰكِن يَنَالُهُ ٱلتَّقْوَىٰ مِنكُمْ

"Daging dan darahnya (korban atau hadiah) tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah ﷻ tetapi yang sampai kepada Allah ﷻ ialah amal yang ikhlas berdasarkan takwa daripada kamu..." (al-Haj :37)

Walaupun ayat di atas berhubung dengan korban binatang tetapi semua perintah Allah ﷻ adalah sama. Oleh itu sejauh mana keikhlasan seseorang dalam mengerjakan solah maka sejauh itulah solahnya akan diterima oleh Allah ﷻ. Kata Hazrat Mu'az ؓ "Apabila aku diutus oleh Rasulullah ﷺ ke Yaman, aku telah memohon supaya Baginda ﷺ memberi wasiat yang terakhir kepadaku. Baginda ﷺ bersabda, "Hendaklah kamu menjaga keikhlasan dalam setiap amalan agama kerana dengan keikhlasan, amalan yang sedikit pun sudah mencukupi untuk kamu." Hazrat Thauban ؓ berkata, "Saya dengar Rasulullah ﷺ bersabda,

"Berbahagialah orang yang ikhlas kerana mereka merupakan lampu hidayah (petunjuk). Melalui mereka juga akan terhapus sebesar-besar fitnah." Dalam sebuah hadith, Rasulullah ﷺ bersabda, "Umat ini mendapat pertolongan daripada Allah ﷻ melalui keberkatan orang yang lemah di kalangan mereka, melalui doa mereka, solah mereka dan keikhlasan mereka." Allah ﷻ berfirman:



"Maka kecelakaan besar bagi orang yang bersolah iaitu mereka yang lalai daripada menyempurnakan solah mereka (serta) orang yang ria' (menunjuk-nunjuk dalam ibadatnya)." (al-Ma'un : 4-5)

Berbagai-bagai penafsiran telah diberi mengenai kelalaian (ساهون). Pertama, lalai terhadap waktu yang tepat sehingga terpaksa mengqadakan solah. Kedua, lalai dengan tidak tawajuh kepada Allah ﷻ bahkan pemikiran dan hatinya sibuk dalam perkara-perkara yang lain. Ketiga, lalai sehingga lupa bilangan rakaat. Dalam ayat yang lain firman Allah ﷻ mengenai orang munafik:

وَإِذَا قَامُوٓا۟ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ قَامُوا۟ كُسَالَىٰ
يُرَآءُونَ ٱلنَّاسَ وَلَا يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٤٢﴾

"Apabila mereka berdiri untuk bersolah mereka berdiri dengan malas, menunjuk-nunjuk kepada manusia (ria') dan mereka tidak mengingati (berzikir kepada) Allah ﷻ kecuali sedikit sekali."

(an-Nisa' : l42)

Firman Allah ﷻ di tempat yang lain, setelah menerangkan mengenai para nabi عليهم السلام :

فَخَلَفَ مِنۢ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ
وَٱتَّبَعُوا۟ ٱلشَّهَوَٰتِ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غَيًّا ﴿٥٩﴾

"Kemudian mereka diganti oleh satu generasi yang mencuaikan solah serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat) maka mereka kelak akan menemui 'ghaiy' (kebinasaan)." (Maryam : 59)

Makna 'ghaiy' dari segi bahasa ialah kesesatan yang membawa maksud kerosakan dan kebinasaan di akhirat. Ramai ahli tafsir yang menafsirkan bahawa 'ghaiy' ialah satu bahagian neraka yang dipenuhi dengan darah, nanah dan seumpamanya. Mereka itu akan dihumban ke dalam neraka tersebut. Allah ﷻ berfirman dalam ayat yang lain:

وَمَا مَنَعَهُمْ أَن تُقْبَلَ مِنْهُمْ نَفَقَٰتُهُمْ إِلَّآ أَنَّهُمْ كَفَرُوا۟ بِٱللَّهِ وَبِرَسُولِهِۦ وَلَا
يَأْتُونَ ٱلصَّلَوٰةَ إِلَّا وَهُمْ كُسَالَىٰ وَلَا يُنفِقُونَ إِلَّا وَهُمْ كَٰرِهُونَ ﴿٥٤﴾

"Tidak ada yang menghalangi mereka daripada diterimanya (oleh Allah ﷻ) kebajikan mereka melainkan kerana mereka kufur kepada Allah ﷻ dan RasulNya dan mereka tidak mengerjakan solah melainkan dalam keadaan malas dan mereka pula tidak membelanjakan (harta benda pada jalan Allah ﷻ) kecuali dengan rasa benci." (at-Taubah : 54)

Sebaliknya tentang orang yang menunaikan solah dengan cara yang baik, Allah ﷻ berfirman:

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾
وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ ٱللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ
فَٰعِلُونَ ﴿٤﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰٓ
أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾
فَمَنِ ٱبْتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْعَادُونَ ﴿٧﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ
لِأَمَٰنَٰتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ ﴿٨﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَٰتِهِمْ
يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْوَٰرِثُونَ ﴿١٠﴾ ٱلَّذِينَ يَرِثُونَ
ٱلْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya berjayalah mereka yang beriman yang khusyuk dalam solah mereka dan yang menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia-sia dan mereka yang menunaikan zakat dan yang menjaga kemaluan mereka kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba sahaya mereka. Maka sesungguhnya dalam hal ini mereka tidak tercela. Kemudian sesiapa yang mengingini selain yang demikian maka mereka itulah orang yang melampaui batas. Dan mereka yang memelihara amanah dan janji mereka (dipenuhi) dan yang memelihara solah mereka. Mereka itulah orang yang berhak mewarisi, yang akan mewarisi syurga Firdaus, mereka kekal di dalamnya." (al-Mu'minun :1- 11)

Dinyatakan dalam hadith bahawa 'Firdaus' adalah bahagian syurga yang paling baik dan yang tertinggi. Dari sanalah mengalirnya sungai-sungai syurga dan di atasnyalah terletak 'Arasy Ilahi. Apabila kamu memohon syurga maka pohonlah syurga Firdaus. Dalam ayat yang lain Allah ﷻ berfirman:

... وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى ٱلْخَٰشِعِينَ ﴿٤٥﴾ ٱلَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُم
مُّلَٰقُوا۟ رَبِّهِمْ وَأَنَّهُمْ إِلَيْهِ رَٰجِعُونَ ﴿٤٦﴾

"Dan sesungguhnya solah itu amatlah berat kecuali kepada mereka yang khusyuk, (iaitu) mereka yang percaya dengan yakin bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka dan bahawa mereka akan kembali kepadaNya." (al-Baqarah : 45 - 46)

Pujian daripada Allah ﷻ kepada mereka sebegini terdapat juga dalam ayat yang berikut :

فِى بُيُوتٍ أَذِنَ ٱللَّهُ أَن تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا ٱسْمُهُۥ يُسَبِّحُ لَهُۥ فِيهَا
بِٱلْغُدُوِّ وَٱلْـَٔاصَالِ ﴿٣٦﴾ رِجَالٌ لَّا تُلْهِيهِمْ تِجَٰرَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن
ذِكْرِ ٱللَّهِ وَإِقَامِ ٱلصَّلَوٰةِ وَإِيتَآءِ ٱلزَّكَوٰةِ ۙ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ
ٱلْقُلُوبُ وَٱلْأَبْصَٰرُ ﴿٣٧﴾ لِيَجْزِيَهُمُ ٱللَّهُ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا۟
وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ يَرْزُقُ مَن يَشَآءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٨﴾

"Mengenai rumah-rumah (masjid-masjid) yang diperintah oleh Allah ﷻ supaya dimuliakan dan disebutkan namaNya serta bertasbih memujiNya pada waktu pagi dan petang di dalamnya. Lelaki-lelaki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak (pula) oleh jual beli daripada mengingati Allah ﷻ dan mendirikan solah dan mengeluarkan zakat[1]. Mereka takut kepada suatu hari yang hati-hati dan penglihatan akan berbolak balik (yakni hari kiamat). (Mereka mengerjakan yang demikian itu) supaya Allah ﷻ memberi balasan yang lebih baik daripada apa-apa yang telah mereka kerjakan dan supaya Allah ﷻ menambah kurniaanNya kepada mereka. Dan Allah ﷻ memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya tanpa batas." (an-Nur : 36-38)

Seorang penyair bermadah,

تو وہ داتا ہے کہ دینے کے لئے   در تری رحمت کے ہیں ہر دم کھلے

Engkaulah Maha Pengurnia, pintu rahmatMu sentiasa terbuka untuk mengurniakan.

Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma berkata, "Mendirikan solah bermaksud melakukan rukuk dan sujud dengan sebaik-baiknya. Juga disertai dengan penuh tumpuan dan khusyuk." Begitu juga diriwayatkan daripada Hazrat Qatadah ؓ bahawa mendirikan solah ialah menjaga waktu solah, mengambil wuduk dan melakukan rukuk dengan sebaik-baiknya. Yakni di mana-mana saja dalam al-Quran yang menyebut 'إقام الصلوة' atau 'يقيمون الصلوة' maka itulah maksudnya (sebagaimana yang disebutkan di atas). Mereka inilah yang dipuji oleh Allah ﷻ dalam ayat yang lain, firmanNya:

وَعِبَادُ الرَّحْمَٰنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا ﴿٦٣﴾ وَالَّذِينَ يَبِيتُونَ لِرَبِّهِمْ سُجَّدًا وَقِيَامًا ﴿٦٤﴾

[1] Zakat mempunyai berlainan makna, disini memberi makna yang masyhur iaitu membayar zakat dengan mengeluarkan harta. Makna yang lain ialah islah diri.


"Hamba-hamba Allah ﷻ (Yang Maha Penyayang) ialah mereka yang berjalan di atas muka bumi dengan penuh rendah diri (sopan santun dan tidak berjalan dengan sombong). Apabila orang jahil menyapa mereka (dengan kurang adab) maka mereka akan menjawab dengan perkataan yang selamat daripada berkata perkara yang tidak diingini. Dan mereka (yang diredai Allah ﷻ itu ialah) yang tekun mengerjakan ibadat kepada Tuhan mereka pada malam hari dengan bersujud dan berdiri." (al-Furqan : 63-64)

Setelah menyebut beberapa sifat mereka yang lain lalu Allah ﷻ berfirman:

أُولَٰئِكَ يُجْزَوْنَ الْغُرْفَةَ بِمَا صَبَرُوا وَيُلَقَّوْنَ
فِيهَا تَحِيَّةً وَسَلَامًا ﴿٧٥﴾ خَالِدِينَ فِيهَا ۚ حَسُنَتْ
مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا ﴿٧٦﴾

"Mereka itu semuanya akan dibalas dengan ketinggian di syurga disebabkan kesabaran mereka dan mereka pula akan menerima penghormatan dan ucapan selamat di dalamnya. Mereka kekal dalam syurga. Amatlah eloknya tempat penginapan dan tempat kediaman." (al-Furqan : 75-76)

Firman Allah ﷻ dalam ayat yang lain:




"Sedang malaikat pula akan masuk ke tempat mereka melalui setiap pintu sambil mengucapkan 'selamat sejahteralah kamu berpanjangan disebabkan kesabaran kamu'. Maka amatlah baiknya balasan amal kamu di dunia dahulu." (ar-Ra'd : 23-24)

Juga dalam ayat yang lain, sambil memuji mereka itu, Allah ﷻ berfirman:

تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا
وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾ فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّا أُخْفِيَ لَهُم
مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٧﴾

"Mereka merenggangkan diri dari tempat tidur, (sedikit sangat tidur, kerana mengerjakan solah tahajud dan amal-amal soleh) mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut (kemurkaan Allah ﷻ) serta dengan perasaan ingin memperoleh (keredaanNya) dan mereka membelanjakan (pada jalan Allah ﷻ) daripada rezeki yang Kami berikan kepada mereka maka tidak seorang pun mengetahui apa-apa yang telah disembunyikan untuk mereka (daripada segala jenis nikmat) yang amat indah dipandang dan menggembirakan, sebagai balasan bagi amalan-amalan soleh yang telah mereka kerjakan."(as-Sajdah : 16-17)

Juga mengenai mereka ini Allah ﷻ berfirman:



"Sesungguhnya orang yang bertakwa adalah ditempatkan dalam taman-taman syurga dan mata-mata air. (Keadaan mereka) sentiasa menerima nikmat dan rahmat yang diberikan kepada mereka oleh Tuhan mereka. Sesungguhnya mereka di dunia dahulu adalah orang yang membuat kebaikan. Mereka sentiasa mengambil sedikit sahaja masa daripada waktu malam, untuk mereka tidur dan pada waktu akhir malam (sebelum fajar) pula, selalu beristighfar kepada Allah ﷻ (memohon ampun) (az-Zaariyat : 15-18)

Dalam ayat yang lain Allah ﷻ berfirman:

أَمَّنْ هُوَ قَـٰنِتٌ ءَانَآءَ ٱلَّيْلِ سَاجِدًا وَقَآئِمًا يَحْذَرُ ٱلْـَٔاخِرَةَ
وَيَرْجُوا۟ رَحْمَةَ رَبِّهِۦ ۗ قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَٱلَّذِينَ لَا
يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَـٰبِ ﴿٩﴾

"(Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhan mereka? Katakanlah (kepadanya): Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang yang berakal sempurna." (az- Zumar : 9)

Dalam ayat yang lain Allah ﷻ berfirman:

إِنَّ ٱلْإِنسَـٰنَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾ وَإِذَا مَسَّهُ
ٱلْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾ إِلَّا ٱلْمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾ ٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ
دَآئِمُونَ ﴿٢٣﴾

"Sesungguhnya manusia diciptakan bertabiat resah gelisah. Dan apabila dia ditimpa kesusahan dia berkeluh kesah dan apabila dia mendapat kebaikan dia amat kedekut. Kecuali orang yang mengerjakan solah, yang mereka itu tetap mengerjakan solahnya." (al-Ma'arij : 19-23)

Setelah menyatakan beberapa sifat mereka yang lain lalu Allah ﷻ berfirman:



"Dan orang yang memelihara solahnya, mereka itu dimuliakan dalam syurga." (al-Ma'arij : 34-35)

Terdapat banyak lagi ayat yang berkaitan dengan perintah menunaikan solah dan kelebihan orang yang menunaikan solah serta kemuliaan dan penghormatan untuk mereka. Pada hakikatnya, solah adalah suatu kurniaan Allah ﷻ yang sangat besar. Sebab itulah Rasulullah ﷺ telah bersabda, "Sejuk pandangan mataku dalam solah." Dengan sebab itulah Nabi Ibrahim 'خليل الله' (Khalilullah) a.s. telah berdoa kepada Allah ﷻ:

رَبِّ ٱجْعَلْنِى مُقِيمَ ٱلصَّلَوٰةِ وَمِن ذُرِّيَّتِى ۚ رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَآءِ

"Wahai Tuhanku, jadikanlah aku dan anak cucuku orang yang tetap mendirikan solah. Wahai Tuhan kami perkenankanlah doa kami."

Di sini seorang nabi yang terkenal sebagai 'خليل الله' (teman setia Allah ﷻ) pun masih memohon kepada Allah ﷻ agar dikurniakan ketetapan melakukan solah serta dapat mengerjakannya dengan sebaik-baiknya. Allah ﷻ sendiri telah memerintahkan penghulu kepada rasul-rasul iaitu nabiNya yang tercinta Muhammad ﷺ dengan perintahNya yang berikut:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱصْطَبِرْ عَلَيْهَا ۖ لَا نَسْـَٔلُكَ رِزْقًا ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُكَ ۗ وَٱلْعَٰقِبَةُ لِلتَّقْوَىٰ ﴿١٣٢﴾

"Dan perintahkanlah kepada ahli keluargamu mendirikan solah dan bersabarlah kamu dalam mengerjakannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (sebaliknya) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan kesudahan (yang baik) itu adalah bagi orang yang bertakwa." (Toha : 132)

Diterangkan dalam hadith bahawa jika Rasulullah ﷺ ditimpa sedikit kesusahan atau lain-lain kesulitan lantas Baginda ﷺ memerintahkan ahli keluarganya mengerjakan solah sambil membaca ayat di atas. Begitulah juga diberitakan bahawa para nabi (عليهم السلام) yang dahulu pun akan menyibukkan diri mereka dengan solah apabila mereka mengalami kesusahan. Namun, kita begitu sekali lalai dan tidak menghiraukan tentang perintah Allah ﷻ yang penting ini. Sungguhpun kita mengaku sebagai seorang Islam, namun kita tidak memberi perhatian yang berat terhadap solah

bahkan kalaulah ada orang yang mengajak (ke arah solah) dan bercakap mengenai solah maka mereka ini dicemuh serta dipersenda-sendakannya dan cuba ditentang. Tiada sesiapa yang rugi melainkan diri mereka sendiri.

Sementara itu ada di kalangan orang yang bersolah pun sering menunaikannya dengan cara seolah-olah mereka mempersenda-sendakan solah. Ini kerana sebilangan besar rukun-rukun dalam solah tidak ditunaikan dengan sempurna. Apatah lagi hendak diperkatakan tentang khusyuk dan khudu dalam solah tentu jauh sekali. Sedangkan cara kehidupan Nabi ﷺ terbentang di hadapan kita. Baginda ﷺ telah menunjukkan sendiri setiap amalan sebagai contoh kepada kita. Amalan cemerlang sahabat-sahabat r.anhum juga terbentang di hadapan kita yang sepatutnya menjadi contoh kepada kita.

Sebagai contoh beberapa kisah para sahabat telah saya tulis dalam kitab 'Kisah Para Sahabat' dan tidak perlu lagi saya ulangi di sini. Walau bagaimanapun, saya akan menukilkan kisah-kisah wali Allah dan kemudiannya beberapa hadith Nabi ﷺ.

KISAH 1

Syeikh 'Abdul Wahid rah. merupakan salah seorang ahli sufi yang masyhur. Beliau menceritakan, "Pada satu malam aku sangat mengantuk sehingga tertidur sebelum sempat menyempurnakan wirid dan zikir. Aku melihat dalam mimpiku seorang gadis yang sangat cantik berpakaian sutera hijau. Seluruh anggota badannya, sehingga kasut pada kakinya pun sibuk berzikir. Gadis itu berkata kepada saya, "Usahalah untuk mendapatkan saya. Saya ingin mendapatkan engkau." Kemudian beliau pun membaca beberapa rangkap syair percintaan. Setelah tersedar daripada mimpi, beliau pun bersumpah tidak akan tidur lagi pada waktu malam. Diriwayatkan bahawa selama empat puluh tahun beliau bersolah 'isyak dan subuh dengan wuduk yang sama." (نزهة - Nuzhah).

KISAH 2

Syeikh Mazhar Sa'adi rah. adalah seorang wali Allah. Beliau sentiasa menangis selama enam puluh tahun kerana cinta dan

rindu kepada Allah ﷻ. Pada suatu malam beliau telah melihat dalam mimpinya seolah-olah sebuah sungai, yang dipenuhi dengan kasturi. Di tepian sungai terdapat pohon yang subur yang diperbuat daripada mutiara dan dahan pohon itu diperbuat daripada emas. Di sana beberapa orang perawan sibuk memuji Allah ﷻ. Beliau bertanya, "Siapakah kamu?" Mereka menjawab menerusi dua rangkap syair yang bermaksud, "Allah ﷻ yang maha suci, Tuhan kepada Muhammad, yang disembah oleh manusia telah menciptakan kami untuk mereka yang sentiasa berdiri sepanjang malam di hadapan Allah ﷻ serta bermunajat kepadaNya."

KISAH 3

Abu Bakar Dharir rah. berkata, "Saya mempunyai seorang hamba yang muda. Dia berpuasa sepanjang hari dan bersolah tahajud sepanjang malam. Pada suatu hari dia datang kepada saya lalu bercerita, "Semalam saya tertidur. Saya melihat dalam mimpi bahawa dinding mihrab merekah dan daripada celah-celah rekahan tersebut muncullah beberapa orang gadis yang sangat jelita lagi cantik, tetapi salah seorang daripada mereka sangat hodoh. Saya bertanya, "Siapakah kamu dan siapakah sihodoh itu?" Lalu mereka menjawab, "Kami ialah malam-malam kamu yang lepas dan yang hodoh itu adalah malam ini."

KISAH 4

Seorang wali Allah ﷻ berkata, "Pada suatu malam saya tertidur dengan nyenyaknya sehingga tidak terjaga untuk bersolah tahajud. Saya melihat dalam mimpi seorang gadis yang sangat cantik yang belum pernah saya melihat seumpamanya seumur hidup. Daripada tubuhnya keluar haruman semerbak yang sangat wangi yang tidak pernah saya hidu. Dia menghulurkan sekeping kertas yang tertulis tiga rangkap syair yang bermaksud, "Kamu terlalu sibuk dengan keseronokan tidur sehingga kamu lupa mahligai di syurga, yang akan menjadi tempat kediamanmu untuk selama-lamanya dan tidak akan datang maut di sana. Bangunlah daripada tidurmu, membaca al-Quran dalam solah tahajud jauh lebih baik daripada tidur." Selepas peristiwa mimpi tersebut beliau

berkata, “Apabila saya mengantuk dan teringat syair tersebut maka ngantukku itu pun akan terus hilang.”

KISAH 5

Hazrat ‘Ata rah. berkata, “Saya pergi ke sebuah pasar. Di sana seorang hamba perempuan yang dikatakan tidak siuman sedang dijual. Saya telah membelinya dengan bayaran tujuh dinar dan saya membawanya pulang ke rumah. Setelah sebahagian malam berlalu saya melihat dia bangun lalu berwuduk dan mengerjakan solah. Dia menangis dalam solahnya sehingga hampir-hampir tercabut nyawanya. Setelah selesai bersolah dia mula bermunajat, “Wahai Allah, demi cintaMu terhadapku, kasihanilah aku.” Saya memberitahunya bahawa sepatutnya dia tidak berkata begitu. Bahkan hendaklah kamu kata, “Demi cintaku terhadapMu...” Dia sangat marah setelah mendengar teguranku itu lantas berkata, “Demi Allah, jikalau Dia tidak mencintaiku maka Dia tidak akan membangunkan aku berdiri sebegini dan membiarkan kamu seronok tidur.” Kemudian dia jatuh tersungkur dan membaca beberapa rangkap syair yang bermaksud, “Kegelisahan semakin bertambah, kesabaran semakin hilang dan air mata terus berlinangan. Lantaran rindu, cinta dan gelisah yang tidak padam-padam bagaimana mungkin seorang itu akan tenang? Ya Allah, kalaulah ada sesuatu yang menggembirakan maka kurniakanlah kepadaku.” Dengan suara yang nyaring dia berdoa, “Ya Allah, selama ini hubungan aku denganMu masih tersembunyi tetapi sekarang telah diketahui orang. Oleh itu, kembalikanlah aku kepadaMu.” Setelah berkata sedemikian dia telah menjerit dengan kuat lalu meninggal dunia.”

KISAH 6

Satu peristiwa yang sama telah berlaku kepada Hazrat Sirri rah. Beliau berkata,“ Saya membeli seorang hamba perempuan untuk berkhidmat kepada saya. Satu tempat dikhaskan untuk dia bersolah. Setelah selesai menjalankan tugas-tugasnya dia akan pergi ke tempat itu lalu sibuk mengerjakan solah. Dia berkhidmat kepada saya beberapa lama dan dia menyembunyikan keadaan dirinya yang

sebenar daripada saya. Pada suatu malam saya melihat dia seketika akan bersolah dan seketika sibuk bermunajat kepada Allah ﷻ. Dia berkata, "Ya Allah, demi perantaraan cintaMu kepadaku selesaikanlah...sekian-sekian kerja." Kataku kepadanya dengan suara yang tinggi, "Wahai wanita, katalah, demi perantaraan cintaku kepadaMu." Jawabnya, "Kalaulah Allah ﷻ tidak mencintaiku maka Dia tidak akan membangunkan aku untuk mengerjakan solah dan membiarkan kamu tidak bersolah." Pada waktu paginya Hazrat Sirri rah. telah memanggil dan memberitahunya, "Kamu tidak sepatutnya berkhidmat kepada saya. Kamu hanya layak beribadat kepada Allah ﷻ." Kemudian dia diberi sedikit bekalan dan dimerdekakan. (نزهة - Nuzhah).

KISAH 7

Hazrat Sarri Saqti rah. menceritakan tentang seorang wanita, "Ketika berdiri untuk mengerjakan solah tahajud, wanita itu berkata, "Wahai Allah, Iblis juga adalah hambaMu, Engkau berkuasa penuh ke atasnya. Dia dapat melihat aku sedangkan aku tidak dapat melihatnya. Engkau melihatnya dan berkuasa ke atas segala tindak tanduknya dan dia tidak berkuasa, walau sedikitpun, ke atas segala tindakanMu. Ya Allah, jauhi dia daripada menghasutku supaya melakukan maksiat. Bertindaklah ke atasnya sekiranya dia melakukan tipu daya terhadapku. Aku memohon perlindunganMu daripada kejahatannya dan dengan pertolonganMu aku dapat menjauhinya." Kemudian dia selalu menangis sehingga sebelah matanya telah buta. Orang ramai menasihatinya, "Takutilah Allah ﷻ, tetapi jangan sampai mata yang sebelah lagi juga menjadi buta." Dia menjawab, "Jikalau ditakdirkan mata ini adalah mata syurga maka Allah ﷻ akan memberi mata yang lebih baik. Sekiranya ditakdirkan mata ini adalah mata neraka maka lebih baik mata ini tidak ada."

KISAH 8

Syeikh Abu 'Abdullah Jalla rah. berkata, "Pada suatu hari ibuku meminta supaya bapaku membeli ikan. Bapaku pun keluar pergi ke pasar dan aku juga ikut bersamanya. Setelah ikan dibeli,

sedang kami mencari-cari seorang pengangkut barang untuk membawa barang ke rumah, tiba-tiba seorang pemuda yang berdiri berdekatan dengan kami berkata, "Adakah Pak cik memerlukan seorang pengangkut barang?" Dijawab, "Ya." Pemuda itu pun menjunjung barang-barang itu di atas kepalanya lalu berjalan mengikuti kami. Dalam perjalanan terdengar suara azan. Pemuda itu segera berkata, "Penyeru Allah ﷻ telah menyeru. Saya juga perlu berwuduk terlebih dahulu. Setelah selesai menunaikan solah saya akan membawa barang ini semula. Jika tuan sudi, bolehlah tuan tunggu. Jikalau tidak, ambillah sahaja ikan tuan ini." Selepas berkata demikian diletaknya ikan itu lalu pergi ke masjid. Bapaku terfikir jika pemuda pemikul barang itu bertindak sedemikian maka kita sepatutnya lebih lagi bertawakkal kepada Allah ﷻ. Setelah berfikir sedemikian bapaku pun meninggalkan ikan di situ lalu pergi ke masjid. Apabila kami datang semula, selepas bersolah, kami dapati ikan itu masih berada di situ sebagaimana sebelumnya, dalam keadaan selamat. Pemuda itu pun mengangkat ikan itu lalu membawa ke rumah kami.

Bapaku telah menceritakan kepada ibuku tentang kisah yang aneh itu. Ibuku mendesak agar budak itu disuruh tunggu supaya dapat makan ikan yang dimasak sebelum dia pergi. Setelah diberitahu perkara itu kepadanya lalu dia menjawab, " Saya berpuasa." Bapaku mendesaknya dengan bersungguh-sungguh, "Datanglah waktu petang nanti untuk berbuka puasa di sini." Dia pun menjawab, " Tidak mungkin saya akan datang semula setelah saya pergi. Oleh itu saya akan berada di masjid yang berhampiran, saya akan pergi pada waktu petang nanti setelah makan jamuan tuan." Setelah itu dia pun pergi ke masjid yang berdekatan. Petang hari itu, selepas maghrib, dia datang dan mulai makan. Setelah selesai makan dia ditempatkan di sebuah bilik yang disediakan untuk dia berehat.

Tidak jauh dari rumah kami tinggal seorang wanita yang lumpuh. Kami melihat dia berjalan dalam keadaan yang sihat. Kami bertanya kepadanya, "Bagaimana puan boleh sembuh?" Dia menjawab, "Saya telah berdoa melalui keberkatan tetamu kamu itu, 'Ya Allah, dengan keberkatan dia sihatkanlah saya' dan saya pun terus sihat." Apabila kami pergi untuk menemui pemuda tersebut di


dalam biliknya kami dapati pintu bilik tersebut tertutup dan tidak diketahui ke mana pemuda itu pergi.

KISAH 9

Diceritakan tentang seorang wali Allah bahawa suatu ketika kaki beliau mengalami sakit bisul. Menurut tabib, jika kakinya tidak dipotong, kemungkinan beliau akan mati. Ibunya berkata,"Tunggu dahulu, potonglah apabila beliau mulai bersolah." Seperti nasihat ibunya, ketika wali Allah itu mengerjakan solah kakinya dipotong dan beliau langsung tidak merasai sebarang kesakitan.

KISAH 10

Abu 'Amir rah. menceritakan, "Saya melihat seorang hamba perempuan sedang dijual dengan harga yang sangat murah. Badannya terlalu kurus, rambutnya tidak terurus. Timbullah rasa belas kasihan dalam hati saya. Lalu saya pun membelinya. Saya berkata kepadanya, "Mari ikut saya pergi ke pasar untuk membeli barang keperluan untuk persediaan bulan Ramadhan." Hamba itu berkata, "Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah ﷻ yang menjadikan semua bulan sama sahaja bagiku." Dia sentiasa berpuasa sepanjang hari dan bersolah sepanjang malam. Apabila hampir menjelang 'Aidil Fitri saya pun berkata kepadanya, "Esok pagi kami akan ke pasar. Kamu juga ikut sama untuk membeli barang-barang keperluan untuk persediaan hari raya." Katanya, "Wahai tuanku, tuan sangat sibuk dengan urusan dunia ini." Kemudian dia menuju ke dalam biliknya lalu sibuk mengerjakan solah dengan tenang sambil menikmati kelazatan membaca setiap ayat-ayat al-Quran sehingga sampai ke ayat berikut:



"Dia akan diberi minum dengan air nanah." (Ibrahim:16)
(Perihal ahli neraka)

Dia membaca ayat itu berulang-kali lalu menjerit dan terus meninggal dunia.

KISAH 11

Diceritakan tentang seorang Syed bahawa selama dua belas hari beliau bersolah dengan wuduk yang sama. Selama lima belas tahun beliau tidak pernah berbaring dan beberapa hari berlalu tanpa menjamah apa-apa makanan pun. Terdapat banyak kisah seumpama ini yang menceritakan tentang mujahadah wali Allah. Kesungguhan mereka dalam beribadat sangat sukar untuk diikuti. Sememangnya Allah ﷻ telah melahirkan mereka hanyalah untuk sibuk beribadat. Terdapat juga salafussoleh yang sibuk mengendalikan urusan keagamaan dan keduniaan, tetapi masih sukar bagi kita untuk mencontohi kesungguhan mereka dalam beribadat.

KISAH 12


Hazrat 'Umar bin 'Abdul 'Aziz rah. ialah seorang khalifah yang paling terkemuka selepas khulafa' rashidin. Kata isteri beliau, "Mungkin ada orang lain yang lebih sibuk dalam berwuduk dan bersolah daripada beliau, tetapi saya tidak pernah melihat seorang yang sangat takut kepada Allah ﷻ lebih daripada beliau. Selepas solah 'isyak beliau akan berada di atas sejadah dan mengangkat tangannya untuk berdoa. Beliau akan terus menangis sehinggalah beliau tertidur di situ. Apabila beliau terjaga, beliau akan terus sibuk berdoa lagi sambil menangis-nangis.

Dikatakan semenjak beliau memegang jawatan khalifah, beliau tidak pernah mandi junub. Isterinya ialah puteri Raja 'Abdul Malik. Ayahandanya telah menganugerahkan kepadanya banyak barang kemas termasuklah sebiji berlian yang paling cantik yang tiada bandingannya. Khalifah 'Umar bin 'Abdul 'Aziz rah. berkata kepada isterinya, "Hendaklah kamu pilih salah satu daripada dua perkara, sama ada memberi semua barang kemas kerana Allah ﷻ agar dapat saya masukkan kesemua barang perhiasan itu ke dalam baitulmal atau berpisah dengan saya. Saya tidak suka tinggal bersama-sama harta benda itu di rumah yang sama." Isterinya menjawab, "Saya boleh berpisah dengan harta yang lebih banyak daripada itu, tetapi saya tidak sanggup berpisah dengan abang." Setelah berkata sedemikian, kesemua perhiasan intan berlian itupun dimasukkan ke dalam baitulmal. Selepas khalifah 'Umar bin 'Abdul

'Aziz rah. meninggal dunia, penggantinya Yazid bin Abdul Malik telah menawarkan semula barang perhiasan tersebut kepada kakaknya, "Jikalau kamu suka, kamu boleh mengambil kembali perhiasanmu itu (daripada baitulmal)." Beliaupun menjawab, "Harta yang aku tidak suka semasa suamiku masih hidup bagaimana boleh menyukakan aku setelah beliau meninggal dunia?"

Ketika hampir wafat Hazrat 'Umar bin 'Abdul 'Aziz rah. bertanya kepada orang ramai yang berada di sekelilingnya tentang punca penyakit yang dialaminya itu. Kata salah seorang daripada mereka, "Orang ramai beranggapan bahawa penyakit ini adalah kesan sihir." Beliau berkata, "Bukan kerana itu." Beliau mengarahkan supaya memanggil salah seorang daripada hambanya lalu beliau pun bertanya kepada hambanya, "Apakah yang menyebabkan kamu meracuniku?" Sihamba itu menjawab, "Kerana saya diberi seratus dinar dan janji untuk dimerdekakan." Beliau berkata, "Berikan seratus dinar itu." Hamba itu pun memberi wang tersebut. Beliau memerintahkan supaya wang itu dimasukkan ke dalam Baitulmal dan menyuruh hamba itu pergi jauh ke satu tempat yang dia tidak dapat diketahui.

Ketika beliau hampir menghembuskan nafasnya yang terakhir, Maslamah rah. datang kepadanya dan berkata, "Tidak ada seorang pun yang melakukan terhadap anak-anak mereka sepertimana yang telah tuan lakukan. Tuan mempunyai tiga belas orang anak lelaki, tetapi tidak meninggalkan sebarang harta benda pun untuk mereka." Beliau berkata, "Tolong dudukkan saya." Setelah duduk beliau berkata, "Saya tidak pernah mengabaikan hak mereka dan hak orang lain tidak pernah saya berikan kepada mereka. Jika mereka orang yang soleh pasti Allah ﷻ akan menjadi penjaga kepada mereka kerana Allah ﷻ berfirman dalam kitabNya:




"Dan Dialah yang melindungi mereka yang soleh." (al-A'raf : 196)

Sekiranya mereka adalah orang yang melakukan dosa maka saya tidak perlu mempedulikan mereka."

KISAH 13

Hazrat Imam Ahmad bin Hanbal rah. adalah salah seorang Imam fikah yang masyhur. Walaupun sibuk sepanjang hari dengan masalah-masalah fikah, namun dalam sehari semalam beliau bersolah sebanyak tiga ratus rakaat. Hazrat Sa'id bin Jubir rah. selalu mengkhatamkan seluruh al-Quran dalam satu rakaat sahaja. Hazrat Muhammad bin Munkadir rah. adalah salah seorang hafiz hadith. Pada suatu malam beliau menangis dengan tidak terhingga dalam solah tahajudnya. Apabila ditanya beliau pun menjawab bahawa ketika membaca al-Quran beliau telah sampai pada ayat berikut ini:



"Dan jelaslah (azab) bagi mereka daripada Allah ﷻ, yang belum pernah mereka sangka." (az-Zumar : 47)

Dalam ayat sebelum ayat yang tersebut diatas ini, Allah ﷻ menerangkan bahawa pada hari kiamat jika orang yang zalim memiliki seluruh harta benda di dunia ini dan diganda harta benda yang sebanyak itu maka mereka akan memberikannya sebagai fidyah (tebusan) kepada Allah ﷻ untuk menyelamatkan diri daripada azab yang dahsyat. Kemudian disusuli oleh ayat ini "وبدا لهم.." Mereka akan berhadapan dengan azab Allah ﷻ yang mereka tidak sangka-sangka dan pada ketika itu akan terdedahlah segala dosa mereka. Pada waktu menjelang kematian, Hazrat Muhammad bin Munkadiri berada dalam keadaan sangat gelisah. Beliau berkata, "Aku sangat takut tentang amaran dalam ayat ini."

Hazrat Thabit Banani rah. ialah seorang hafiz hadith. Beliau sering menangis di hadapan Allah ﷻ. Seorang berkata kepadanya bahawa mata beliau akan buta. Beliau menjawab, "Apakah faedahnya mata yang tidak menangis?" Beliau sering berdoa, "Ya Allah, izinkanlah saya juga dapat bersolah di dalam kubur, sekiranya Engkau mengizinkan solah di dalam kubur kepada mana-mana hambaMu." Maka Abu Sinan rah. berkata, "Demi Allah, saya adalah antara orang yang telah mengebumikan mayat Hazrat Thabit Banani rah. Semasa mengebumikannya seketul batu daripada sebelah dinding kubur telah terjatuh. Saya melihat beliau sedang

mendirikan solah. Lalu saya berkata kepada seorang sahabat di sebelah saya, "Lihat apa yang sedang berlaku?" Beliau menyuruh saya diam. Selepas pengebumian itu kami pun pergi ke rumahnya dan bertanya kepada anak perempuannya, "Apakah amalan istimewa bapamu?" Katanya, "Kenapa tuan bertanya?" Kami pun menceritakan peristiwa tadi. Maka jawabnya, "Selama lima puluh tahun beliau berjaga sepanjang malam beribadat dan pada setiap subuh beliau berdoa, "Ya Allah, izinkanlah saya juga dapat bersolah dalam kubur jika Engkau mengizinkan solah di dalam kubur kepada sesiapa di kalangan hambaMu."

Imam Abu Yusuf rah. adalah seorang yang masyhur. Beliau sibuk dengan urusan ilmu. Beliau juga merupakan seorang kadi besar yang menyebabkan beliau sibuk dengan urusan mahkamah. Walaupun demikian, beliau masih berkesempatan mengerjakan dua ratus rakaat solah sunat pada setiap hari. Muhammad bin Nasr rah. adalah seorang muhaddith yang masyhur. Susah untuk ditandingi kesungguhan dan tumpuannya dalam solah. Pada suatu ketika, sedang beliau bersolah, seekor tebuan telah menyengat dahinya sehingga darah mengalir. Namun, bukan sahaja beliau tidak bergerak, khusyuk dan khudunya dalam solah pun tidak terjejas. .Dikatakan beliau berdiri tegak, tidak bergerak sewaktu bersolah, seumpama sebatang kayu.

Hazrat Baqi bin Mukhallad rah. pula dikatakan dapat menghabiskan bacaan seluruh al-Quran setiap malam dalam tiga belas rakaat solah tahajud dan witirnya. Hazrat Hannad rah. adalah seorang muhaddith. Seorang muridnya menceritakan bahawa beliau sering menangis. Suatu ketika pada waktu pagi, setelah beliau mengajar kami, beliau berwuduk dan menyelesaikan lain-lain keperluan kemudian terus mengerjakan solah sunat sehingga hampir tengah hari. Kemudian beliau balik ke rumahnya untuk seketika. Kemudian beliau datang kembali untuk mengimami solah zohor. Setelah mengerjakan solah zohor beliau sibuk pula mengerjakan solah sunat hingga ke waktu 'asar. Setelah mengerjakan solah 'asar beliau mulai membaca al-Quran sehingga maghrib. Selepas maghrib saya kembali ke rumah." Saya berkata kepada salah seorang jirannya dengan penuh kagum, "Syeikh begitu banyak beribadat." Dia berkata, "Inilah amalannya selama tujuh puluh

tahun dan kamu tentulah lebih kagum lagi jikalau kamu dapat melihat ibadatnya pada waktu malam."

Hazrat Masruq rah. ialah seorang muhaddith. Isterinya menceritakan, "Beliau bersolah begitu lama sehingga kedua-dua betisnya sentiasa bengkak dan saya duduk di belakangnya sambil menangis kerana berasa kasihan kepadanya." Dikatakan bahawa Hazrat Sa'id bin al-Musaiyab rah. mengerjakan solah 'isyak dan subuh dengan wuduk yang sama selama lima puluh tahun. Hazrat Abul Mu'tamir rah. juga melakukan sedemikian selama empat puluh tahun.

Hazrat Imam al-Ghazali rah. telah meriwayatkan khabar mutawatir[1] daripada Hazrat Abu Talib Makki rah. bahawa empat puluh orang tabiin mengerjakan solah subuh dan solah 'isyak dengan wuduk yang sama. Sebahagian mereka mengamalkan amalan ini sehingga empat puluh tahun (اتحاف - Ittihaf). Terdapat banyak riwayat tentang Imam Abu Hanifah rah. yang mengerjakan solah subuh dan 'isyak dengan wuduk yang sama. Ada yang meriwayatkan bahawa beliau telah mengerjakan amalan ini selama tiga puluh tahun, ada pula yang meriwayatkan selama empat puluh tahun dan ada pula yang meriwayatkan selama lima puluh tahun. Perselisihan ini berlaku disebabkan oleh perawi yang berlainan berdasarkan pengetahuan mereka masing-masing. Diriwayatkan bahawa biasanya beliau akan tidur seketika pada waktu tengah hari. Beliau berkata bahawa perintah tidur pada waktu tengah hari terdapat dalam hadith. Menjadi kebiasaan Hazrat Imam Syafie rah. mengkhatamkan al-Quran sebanyak enam puluh kali dalam solahnya pada bulan Ramadhan. Seorang menceritakan mengenainya, "Pernah saya tinggal bersama Hazrat Imam Shafie rah. beberapa hari. Saya perhatikan beliau hanya tidur seketika sahaja pada waktu malam." Hazrat Imam Ahmad bin Hanbal rah. mengerjakan tiga ratus rakaat solah sunat pada setiap hari. Selepas beliau dicemeti dengan perintah raja pada ketika itu beliau mulai menjadi sangat uzur tetapi masih berupaya mengerjakan satu ratus lima puluh rakaat. Pada ketika itu umurnya sudah menjangkau kira-kira lapan puluh tahun. Selama empat puluh tahun Hazrat Abu

---

[1] Khabar yang diriwayatkan oleh bilangan perawi yang sebegitu ramai sehingga tidak masuk akal, mereka semua bermuafakat dalam melakukan pembohongan.

‘Atab Sulami rah. berpuasa pada siang hari dan menangis pada waktu malam. Selain daripada kisah-kisah tersebut di atas, terdapat ratusan ribu kisah orang yang diberi taufik untuk melakukan ibadat sebagaimana yang tersebut dalam kitab-kitab sejarah. Untuk mengumpul kesemua kisah-kisah tersebut adalah agak sukar. Sebagai contoh dan teladan memadai dengan beberapa kisah tadi. Semoga Allah ﷻ, dengan kasih sayang dan rahmatNya, memberi taufik kepada kita untuk mengikut sedikit sebanyak jejak langkah mereka. Amin.

HADITH TENTANG KHUSYUK

HADITH 1

عَنْ عَمَّارِ بْنِ يَاسِرٍ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ إِنَّ الرَّجُلَ لَيَنْصَرِفُ وَمَا كُتِبَ لَهُ إِلاَّ عُشْرُ صَلاَتِهِ تُسْعُهَا ثُمُنُهَا سُبُعُهَا سُدُسُهَا خُمُسُهَا رُبُعُهَا ثُلُثُهَا نِصْفُهَا.

رواه أبو داود وقال المنذري في الترغيب رواه أبو داود والنسائي وابن حبان في صحيحه بنحوه اهـ وعزاه في الجامع الصغير إلى أحمد وأبي داود وابن حبان ورقم له بالصحيح وفي المنتخب عزاه إلى أحمد أيضا وفي الدر المنثور اخرج أحمد عن ابي اليسر مرفوعا **مِنْكُمْ مَنْ يُصَلِّي الصَّلاَةَ كَامِلَةً وَمِنْكُمْ مَنْ يُصَلِّي النِّصْفَ وَالثُّلُثَ وَالرُّبُعَ حَتَّى بَلَغَ الْعُشْرَ** قال المنذري في الترغيب رواه النسائي بإسناد حسن واسم أبي اليسر كعب بن عمرو السلمي شهد بدرا اهـ.

Diriwayatkan daripada Hazrat ‘Ammar bin Yasir ؓ katanya, “Saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, “Sesungguhnya apabila seseorang telah selesai mengerjakan solah maka akan ditulis untuknya pahala sebanyak sepersepuluh, sepersembilan, seperlapan, sepertujuh, seperenam, seperlima, seperempat, sepertiga, seperdua daripada pahala solah (yang penuh).” (Hadith riwayat Imam Abu Daud)

Keterangan

Sebanyak mana tahap kekhusyukan dan keikhlasan dalam solah seseorang maka sebanyak itulah ganjaran pahala yang akan diperoleh. Sesetengah orang mendapat sepersepuluh daripada

ganjaran penuh, mengikut khusyuk dan khudunya dan sesetengah orang yang lain mendapat separuh. Begitulah sesetengah orang yang lain mendapat kurang daripada sepersepuluh dan ada juga yang mendapat lebih daripada separuh dan ada yang mendapat ganjaran penuh. Ada juga yang tidak mendapat ganjaran langsung kerana solahnya memang tidak layak mendapat sebarang ganjaran. Disebutkan dalam sebuah hadith bahawa Allah ﷻ mempunyai satu alat ukuran khas untuk menghisab kekurangan yang terdapat dalam solah fardu. Disebutkan dalam banyak hadith bahawa khusyuk dalam solah adalah perkara yang pertama akan diangkat daripada manusia, sehingga tidak akan didapati seorang pun dalam satu jemaah yang bersolah dengan khusyuk. (الجامع الصغير – Jami ul-Saghir).

HADITH 2

رُوِيَ عَنْ أَنَس ابْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ مَنْ صَلَّى الصَّلَاةَ لِوَقْتِهَا، وَأَسْبَغَ لَهَا وُضُوْءَهَا، وَأَتَمَّ لَهَا قِيَامَهَا، وَخُشُوْعَهَا، وَرُكُوْعَهَا، وَسُجُوْدَهَا، خَرَجَتْ وَهِيَ بَيْضَاءُ مُسْفِرَةٌ تَقُوْلُ حَفِظَكَ اللهُ كَمَا حَفِظْتَنِي وَمَنْ صَلَّى لِغَيْرِ وَقْتِهَا، وَلَمْ يُسْبِغْ لَهَا وُضُوْءَهَا، وَلَمْ يُتِمَّ لَهَا خُشُوْعَهَا، وَلَا رُكُوْعَهَا، وَلَا سُجُوْدَهَا، خَرَجَتْ وَهِيَ سَوْدَاءُ مُظْلِمَةٌ تَقُوْلُ ضَيَّعَكَ اللهُ كَمَا ضَيَّعْتَنِي حَتَّى إِذَا كَانَتْ حَيْثُ شَاءَ اللهُ لُفَّتْ كَمَا يُلَفُّ الثَوْبُ الْخَلِقُ ثُمَّ ضُرِبَ بِهَا وَجْهُهُ.

رواه الطبراني في الأوسط كذا في الترغيب والدر المنثور وعزاه في المنتخب إلى البيهقي في الشعب وفيه أيضا برواية عبادة رضي الله عنه بمعناه وزاد في الأولى بعد قوله كما حفظتني ثم أصعد بها إلى السماء حتى ينتهي بها إلى الله فتشفع لصاحبها وقال في الثانية وغلقت دونها أبواب السماء وعزاه في الدر إلى البزار والطبراني وفي الجامع الصغير حديث عبادة إلى الطيالسي وقال صحيح.

Diriwayatkan daripada Hazrat Anas ؓ katanya Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesiapa yang menunaikan solah pada waktunya dan berwuduk dengan sempurna, qiam, khusyuk, rukuk dan sujudnya dilakukan dengan sempurna maka solahnya naik dalam keadaan putih berseri-seri dan berkata, "Semoga Allah ﷻ memelihara kamu sebagaimana kamu memelihara aku." Dan sesiapa yang

menunaikan solah tidak pada waktunya dan tidak berwuduk dengan sempurna, khusyuk, rukuk dan sujudnya juga tidak sempurna maka solahnya naik dalam keadaan hitam lagi gelap dan berkata, "Semoga Allah ﷻ mensia-siakan kamu sebagaimana kamu mensia-siakan aku." Sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah ﷻ solahnya akan dilipat seperti kain buruk, kemudian akan dilempar ke mukanya." (Hadith riwayat Imam Tabarani).

Keterangan

Beruntunglah mereka yang mengerjakan solah dengan sempurna sehingga ibadat yang paling penting itu akan berdoa untuknya. Walau bagaimanapun biasanya solah dikerjakan dengan sambil lewa; setelah rukuk, belum sempat 'itidal dengan sempurna, terus sahaja bersujud. Begitu juga, setelah sujud belum pun sempat mengangkat kepala dengan sempurna, disujudnya kali kedua seperti burung gagak memagut sesuatu. Akibat daripada solah sebegini telah dijelaskan dalam hadith di atas. Apabila solah sudah mendoakan kebinasaan, mengapa pula kita sibuk mengadu tentang kebinasaan diri sendiri? Sebenarnya inilah sebabnya hari ini orang Islam terus menuju ke arah kejatuhan dan bergema kedengaran suara tentang kemundurun umat ini dari setiap penjuru. Perkara yang sama disebutkan dalam satu hadith yang lain dengan sedikit tambahan bahawa solah yang ditunaikan dengan khusyuk dan khudu akan menyebabkan pintu-pintu langit akan terbuka untuknya dan solah tersebut sangat bercahaya dan menjadi sebagai pemberi syafa'at di hadapan Allah ﷻ kepada orang yang menunaikan solah yang sedemikian. Rasulullah ﷺ bersabda solah yang dikerjakan dengan rukuk yang tidak sempurna iaitu tulang belakangnya tidak lurus adalah seumpama wanita yang hamil tetapi apabila hampir waktu bersalin dia pun keguguran. (الترغيب و الترهيب - at-Targhib wat-Tarhib) Dalam sebuah hadith, Rasulullah ﷺ bersabda, "Ramai orang yang berpuasa tetapi mereka tidak mendapat sesuatu apa pun daripada puasanya kecuali lapar dan dahaga dan ramai yang berjaga malam (beribadat) tetapi mereka tidak mendapat sesuatu apa pun kecuali letih berjaga."

Hazrat 'Aisyah r.anha berkata aku mendengar daripada Rasulullah ﷺ bahawa sesiapa yang datang pada hari kiamat dengan membawa solah (fardu) lima waktu yang sentiasa ditunaikan

dengan menjaga waktu, berwuduk dengan sempurna dan ditunaikan solahnya dengan khusyuk dan khudu maka Allah ﷻ telah berjanji tidak akan mengazabkannya. Sebaliknya sesiapa yang tidak membawa solah yang sedemikian tidak ada apa-apa janji untuknya, sama ada Allah ﷻ mengampunkannya dengan rahmatNya atau mengazabkannya.

Dalam sebuah hadith yang lain, Rasulullah ﷺ menghampiri para sahabat dan bertanya, "Adakah kamu tahu apa yang telah difirmankan oleh Allah ﷻ?" Maka jawab para sahabat, "Allah ﷻ dan RasulNya sahaja yang lebih mengetahui." Baginda ﷺ telah mengulang pertanyaan tersebut sebanyak tiga kali untuk menunjukkan kepentingan perkara yang hendak disampaikan dan jawapan yang sama telah diberikan oleh para sahabat. Kemudian Baginda ﷺ bersabda, "Allah ﷻ telah bersumpah dengan kemuliaanNya dan keagunganNya, "Sesiapa yang sentiasa mengambil berat menunaikan solah fardu pada waktunya maka Aku akan memasukkannya ke dalam syurga dan sesiapa yang tidak menjaga solahnya maka terpulang kepada kehendakKu, sama ada dengan rahmatKu dia diampun atau Aku mengazabkannya."

HADITH 3

عن أَبِي هُرَيْرَةَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عَمَلِهِ صَلاَتُهُ فَإِنْ صَلُحَتْ فَقَدْ أَفْلَحَ وَأَنْجَحَ وَإِنْ فَسَدَتْ فَقَدْ خَابَ وَخَسِرَ فَإِنِ انْتَقَصَ مِنْ فَرِيضَتِهِ شَيْءٌ قَالَ الرَّبُّ عَزَّ وَجَلَّ انْظُرُوا هَلْ لِعَبْدِي مِنْ تَطَوُّعٍ فَيُكَمَّلُ بِهَا مَا انْتَقَصَ مِنَ الْفَرِيضَةِ ثُمَّ يَكُونُ سَائِرُ عَمَلِهِ عَلَى ذَلِكَ

رواه الترمذي وحسنه النسائي وابن ماجة والحاكم وصححه كذا في الدر وفي المنتخب برواية الحاكم في الكني عن ابن عمر أول ما افترض الله على أمتي الصلاة الخمس وأول ما يرفع من أعمالهم الصلاة الخمس الحديث بطوله بمعنى حديث الباب وفيه ذكر الصيام والزكاة نحو الصلاة وفي الدر أخرج أبو يعلى عن أنس رفعه أول ما افترض الله على الناس من دينهم الصلاة وآخر ما يبقى الصلاة وأول ما يحاسب به الصلاة يقول الله انظروا في صلاة عبدي فان كانت تامة كتبت تامة وان كانت ناقصة قال انظروا هل له من تطوع الحديث فيه ذكر الزكاة والصدقة وفيه أيضا أخرج ابن ماجة والحاكم عن تميم الداري مرفوعا أول ما يحاسب به العبد يوم القيامة صلاته

الحديث وفي آخره ثم الزكاة مثل ذلك ثم تؤخذ الأعمال حسب ذلك وعزاه السيوطي في الجامع إلى أحمد وأبي داود والحاكم وابن ماجة ورقم له بالصحيح.

Diriwayatkan daripada Hazrat Abu Hurairah ﷺ, katanya aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya perkara yang mula-mula sekali akan dihisab daripada amalan seorang hamba pada hari kiamat ialah solahnya. Jika sempurna solahnya maka beruntung dan berjayalah dia dan jika solahnya rosak (tidak sempurna) maka menyesal dan rugilah dia. Jika ada kekurangan dalam solah fardunya maka Allah ﷻ akan memerintah, "Lihatlah adakah hambaKu ini mempunyai amalan solah-solah sunat?" Maka kekurangan solah fardunya akan disempurnakan dengan solah sunat. Begitulah seterusnya dengan amalan-amalannya yang lain. (Hadith riwayat Imam Tirmizi)

Keterangan

Melalui hadith ini dapat diketahui bahawa setiap orang hendaklah menghimpun seberapa banyak amalan-amalan sunat supaya dapat menampung mana-mana kekurangan dalam amalan fardu. Ramai orang sering berkata bahawa kalaulah mereka dapat menyempurnakan amalan fardu sahajapun sudah beruntung besar. Solah-solah sunat adalah amalan orang yang tinggi darjatnya. Memang tidak diragui bahawa amalan fardu sahajapun, kalau dikerjakan dengan sempurna, sudah sangat memadai. Namun, untuk mengerjakan setiap rukun dengan betul-betul sempurna bukanlah satu perkara yang mudah. Sememangnya akan berlaku sedikit sebanyak kekurangan. Maka untuk menyempurnakan kekurangan dalam amalan fardu tidak dapat tidak perlu kepada solah-solah sunat.

Dalam satu hadith yang lain perkara yang sama diterangkan dengan lebih jelas lagi bahawa solahlah yang pertama sekali difardukan oleh Allah ﷻ. Dalam semua ibadat, solahlah yang mula-mula sekali akan dihadapkan kepada Allah ﷻ dan solahlah yang mula-mula sekali akan dihisab pada hari kiamat. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan dalam solah-solah fardu maka akan disempurnakan dengan solah-solah sunat. Demikian juga selepas itu, puasa akan dihisab dengan cara yang sama. Kekurangan dalam

puasa fardu akan disempurnakan dengan puasa-puasa sunat. Kemudian zakat juga akan dihisab dengan cara yang sama. Apabila semua amalan fardu itu dicampur dengan amalan-amalan sunat dan jika timbangan neraca amalan kebaikan menjadi lebih berat maka dia akan masuk syurga dengan riang gembira. Sekiranya tidak, dia akan dihumban ke dalam neraka. Sudah menjadi kebiasaan kepada Rasulullah ﷺ sendiri bahawa apabila ada orang yang baru memeluk Islam maka solahlah yang pertama sekali akan diajarkan kepadanya.

HADITH 4

أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الصَّلَاةُ فَإِنْ صَلُحَتْ صَلُحَ سَائِرُ عَمَلِهِ وَإِنْ فَسَدَتْ فَسَدَ سَائِرُ عَمَلِهِ.

رواه الطبراني في أوسط ولا بأس بإسناده إن شاء الله كذا في الترغيب وفي المنخب برواية الطبراني في الأوسط وأيضا عن أنس بلفظه وفي الترغيب عن أبي هريرة رفعه الصلاة ثلاثة اثلاث الطهور ثلث والركوع ثلث والسجود ثلث فمن اداها بحقها قبلت منه وقبل منه سائر عمله ومن ردت عليه صلاته رد عليه سائر عمله رواه البزار وقال لا نعلمه مرفوعا إلا من حديث المغيرة بن مسلم قال الحفظ وإسناده حسن اهـ **وأخرج مالك في الموطأ أن عمر بن الخطاب كتب إلى عماله إن أهم أموركم عندي الصلاة من حفظها أو حافظ عليها حفظ دينه ومن ضيعها فهو لما سواها أضيع** كذا في الدر.

Diriwayatkan daripada Hazrat 'Abdullah bin Qurt ﷺ katanya Rasulullah ﷺ bersabda, "Perkara pertama yang akan dihisab daripada amalan seorang hamba Allah ﷻ pada hari kiamat ialah solah. Jika sempurna solahnya maka seluruh amalannya akan sempurna dan jika rosak solahnya, rosaklah seluruh amalannya." (Hadith riwayat Imam Tabarani)

Sewaktu Hazrat 'Umar ﷺ menjadi khalifah, beliau telah menghantar pengisytiharan kepada semua pegawainya di setiap tempat dengan katanya, "Di sisi saya, amalan yang paling penting ialah solah. Seorang yang menjaga dan mengambil berat tentang solahnya maka dialah yang akan dapat menjaga bahagian-bahagian lain dalam urusan agama. Sesiapa yang mensia-siakan solah maka dia akan lebih lagi mensia-siakan bahagian-bahagian lain dalam urusan agama."

Keterangan

Sabdaan Rasulullah ﷺ di atas dan pengisytiharaan yang dibuat oleh Hazrat 'Umar ؓ menepati kandungan hadith yang lain iaitu Baginda ﷺ bersabda bahawa syaitan takut kepada seorang Islam selagi dia tetap menjaga solahnya dan menunaikan solahnya dengan sempurna, malahan syaitan tidak berani untuk mengganggu kerana takut kepadanya. Apabila dia mula mengabaikan solah maka keberanian dan harapan syaitan mula bertambah untuk menyesatkan orang itu. Lalu syaitan menjerumuskannya ke dalam dosa besar dan kebinasaan (منتخب كنز – Muntakhab Kanz). Inilah yang dimaksudkan oleh Allah ﷻ dalam firmanNya:

إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ تَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ ...

"Sesungguhnya solah itu mencegah daripada melakukan fahsya' (dosa kecil) dan mungkar (dosa besar)..." (al-'Ankabut : 45)

Mengenai ayat ini selanjutnya akan dijelaskan dalam keterangan hadith 7.

HADITH 5

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ أَبِي قَتَادَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ أَسْوَأُ النَّاسِ سَرِقَةً الَّذِي يَسْرِقُ صَلاتَهُ قَالُوا يَا رَسُولَ اللهِ وَكَيْفَ يَسْرِقُ صَلاتَهُ قَالَ لاَ يُتِمُّ رُكُوعَهَا وَلاَ سُجُودَهَا.

رواه الدارمي وفي الترغيب رواه أحمد والطبراني وابن خزيمة في صحيحه وقال صحيح الإسناد اهـ وفي المقاصد الحسنة حديث أن أسوء الناس سرقة رواه أحمد والدارمي في مسنديهما من حديث الوليد بن مسلم عن الأوزاعي عن يحيى بن ابى كثير عن ابى قتادة عن إنه مرفوعا وفي لفظ بحذف أن وصححه ابن خزيمة والحاكم وقال إنه على شرطهما و لم يخرجا لرواية كاتب الأوزاعي له عنه عن يحيى عن أبي سلمة عن أبي هريرة ورواه أحمد أيضا والطيالسي في مسنديهما من حديث على بن زيد عن سعيد بن المسيب عن ابى سعيد الخدري به مرفوعا ورواية أبي هريرة عند ابن منيع وفي الباب عن عبد الله ابن مغفل وعن النعمان بن مرة عند مالك مرسلا في آخرين اهـ وقال المنذري في الترغيب لحديث ابن مغفل رواه الطبراني في معاجمه الثلاثة بإسناد جيد وقال لحديث أبي هريرة رواه الطبراني في الأوسط وابن حبان في صحيحه والحاكم وقال صحيح الإسناد قلت حديث ابى قتادة وابى سعيد ذكرهما السيوطي في الجامع الصغير ورقم بالصحيح.

Daripada Hazrat 'Abdullah bin Abi Qatadah رضي الله عنه yang meriwayatkan daripada bapanya, katanya bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Pencuri yang paling buruk di kalangan manusia ialah orang yang mencuri solahnya." Para sahabat bertanya, "Ya Rasulullah, bagaimana seorang itu boleh mencuri solahnya?" Jawab Rasulullah ﷺ, "Seorang yang tidak rukuk dan sujud dengan sempurna." (Hadith riwayat Imam Darami, Ahmad dll.)

Keterangan

Perkara ini diterangkan dalam banyak hadith. Perbuatan mencuri adalah suatu perbuatan yang sangat hina dan seorang pencuri dipandang dengan pandangan rendah lagi hina. Tambahan pula perbuatan itu disabdakan oleh Rasulullah ﷺ sebagai pencuri yang paling buruk kerana tidak menyempurnakan rukuk dan sujud dalam solah.

Hazrat Abu Darda رضي الله عنه meriwayatkan bahawa, "Pada suatu ketika Rasulullah ﷺ memandang ke langit lalu bersabda, "Suatu masa nanti ilmu agama akan diangkat daripada dunia ini." Hazrat Ziyad رضي الله عنه bertanya, "Wahai Rasulullah, bagaimana mungkin ilmu agama boleh diangkat sedangkan kami membaca al-Quran dan mengajar al-Quran kepada anak-anak kami dan amalan ini akan diteruskan oleh keturunan kami yang akan datang?" Lantas Rasulullah ﷺ bersabda, "Wahai Ziyad saya menganggap kamu seorang yang amat bijak. Orang Yahudi dan Nasrani juga membaca dan mengajarkan kitab Taurat dan Injil, kemudian apakah faedah yang mereka peroleh?" Seorang anak murid Hazrat Abu Darda رضي الله عنه berkata, "Saya telah memberitahu kisah ini kepada seorang sahabat iaitu Hazrat 'Ubadah رضي الله عنه. Kata beliau, "Benar segala yang diberitahu oleh Hazrat Abu Darda رضي الله عنه itu. Aku akan memberitahu kamu perkara yang pertama sekali akan diangkat daripada dunia ini. Pertama sekali yang akan diangkat ialah khusyuk dalam solah. Kamu akan mendapati tidak ada seorang pun yang bersolah dengan khusyuk di kalangan mereka yang memenuhi masjid." Hazrat Huzaifah رضي الله عنه yang digelar sebagai pemegang rahsia Rasulullah ﷺ juga berkata bahawa perkara yang pertama akan diangkat daripada dunia ini ialah khusyuk dalam solah (الدر المنثور – Durr ul-Manthur)." Diriwayatkan daripada sebuah hadith bahawa, "Allah ﷻ tidak memberi perhatian

langsung terhadap solah yang dilakukan dengan rukuk dan sujud yang tidak sempurna." Rasulullah ﷺ bersabda dalam sebuah hadith bahawa terdapat seorang yang bersolah selama enam puluh tahun tetapi satu solahnya pun tidak diterima kerana kadangkala rukuknya sempurna tetapi sujudnya tidak sempurna, kadangkala sujudnya sempurna tetapi rukuknya pula tidak sempurna.

Hazrat Mujaddid Alfthani rah. sangat menegaskan kepentingan mengambil berat tentang solah dalam surat-suratnya. Dalam surat-surat tersebut beliau menerangkan tentang pelbagai perkara. Dalam salah satu surat, beliau menulis bahawa sangat penting untuk merapatkan jari-jari tangan ketika bersujud dan merenggangkan jari-jari tangan ketika rukuk. Sesungguhnya apa-apa yang diperintahkan oleh syariat seperti merapatkan dan merenggangkan jari-jari tangan tidak sia-sia. Yakni adab-adab yang kecil pun penting dipelihara. Selanjutnya beliau menulis bahawa ketika berdiri dalam solah pandangan hendaklah tertumpu ke tempat sujud dan ketika rukuk pandangan hendaklah tertumpu ke kaki dan apabila sujud, pandangan hendaklah tertumpu ke hidung dan ketika duduk pandangan hendaklah tertumpu ke tangan. Dengan cara ini akan melahirkan khusyuk dan menetapkan hati dalam solah. Sekiranya adab-adab yang kecil pun membawa faedah yang besar apatah lagi jika memelihara adab-adab yang besar dan sudah pasti lebih banyak lagi faedah akan diperoleh melalui amalan-amalan sunat.

HADITH 6


عَنْ أُمِّ رُوْمَانَ وَالِدَة عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ رَآنِيْ أَبُوْ بَكْرٍ الصِّدِّيْقُ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَتَمَيَّلُ فِيْ صَلاَتِيْ فَزَجَرَنِيْ زَجْرَةً كِدتُّ اَنْصَرِفُ مِنْ صَلاَتِي قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ إِذَا قَامَ أَحَدُكُمْ فِيْ الصلاَة فَلْيَسْكُنْ أَطْرَافَهُ لاَ يَتَمَيَّلُ تَمَيُّلَ الْيَهُوْدِ فَإِنَّ سُكُوْنَ الْأَطْرَاف فِي الصَّلاَة مِنْ تَمَامِ الصَّلاَة.

أخرجه الحاكم والترمذي من طريق القاسم بن محمد عن أسماء بنت أبي بكر عن أم رومان كذا في الدر وعزاه السيوطي في الجامع الصغير إلى أبي نعيم في الحلية وابن عدي في الكامل ورقم له بالضعف وذكر أيضا برواية ابن عساكر عن أبي بكر رضي الله مِنْ تَمَامِ الصَّلاَةِ سُكُوْنُ الْأَطْرَافِ.

Diriwayatkan daripada Ummi Ruman r.anha ibu kepada Hazrat 'Aishah r.anha katanya, "Abu Bakar ﷺ melihat saya sedang bersolah dalam keadaan condong ke sana sini. Lalu beliau mengherdikku dengan sekeras-kerasnya sehingga hampir-hampir aku memberhentikan solahku. Beliau berkata, "Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Apabila seseorang berdiri untuk mengerjakan solah maka hendaklah menetapkan setiap anggotanya dengan tenang. Jangan condong ke sana ke sini seperti orang Yahudi, kerana tenang dan tetapnya anggota (dalam solah) adalah sebahagian daripada kesempurnaan solah." (Hadith riwayat Imam Tirmizi dan Hakim)

Keterangan

Banyak hadith menekankan tentang kepentingan berada dalam keadaan tenang dalam solah. Kebiasaannya Rasulullah ﷺ sering memandang ke langit untuk menunggu kedatangan malaikat pembawa wahyu. Apabila seseorang menunggu sesuatu dari sesuatu arah maka pandangannya juga akan turut tertumpu ke arah tersebut. Oleh sebab itulah kadang-kadang dalam solah pun pandangan Baginda akan tertumpu ke atas. Apabila turun ayat berikut:



"Sesungguhnya beruntunglah (berjayalah) orang yang beriman (iaitu) orang yang khusyuk dalam solahnya" (al-Mukminun : l-2)

maka mulalah Baginda ﷺ memandang ke bawah. Terdapat dalam hadith bahawa pada peringkat permulaan Islam para sahabat juga sekali sekala memandang ke sana ke sini dalam solah. Namun, setelah turunnya ayat di atas, mereka tidak lagi memandang ke sana ke sini. Mengenai ayat ini Hazrat 'Abdullah bin 'Umar r.anhuma berkata, "Apabila para sahabat ﷺ mengerjakan solah, mereka tidak lagi memberi perhatian terhadap apa-apa pun. Mereka memberi sepenuh penumpuan kepada solah. Mereka memandang ke tempat sujud dan mereka yakin bahawa Allah ﷻ sedang melihat mereka." Seorang bertanya kepada Hazrat 'Ali ﷺ, "Apakah yang dimaksudkan dengan khusyuk"? Jawabnya bahawa khusyuk itu dalam hati (yakni hati sentiasa tawajuh kepada Allah ﷻ ketika

berada dalam solah) dan tidak tawajuh kepada perkara-perkara yang lain.

Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma berkata bahawa orang yang khusyuk ialah orang yang takut kepada Allah ﷻ dan tenang dalam solahnya. Hazrat Abu Bakar ؓ berkata bahawa suatu ketika Rasulullah ﷺ bersabda, "Pohonlah perlindungan kepada Allah ﷻ daripada khusyuk yang mengandungi nifaq. Para sahabat ؓ bertanya, "Ya Rasulullah, apakah yang dimaksudkan dengan khusyuk yang mengandungi nifaq?" Jawab Rasulullah ﷺ, "Zahirnya tenang tetapi dalam hatinya tersembunyi sifat-sifat munafik." Hazrat Abu Darda ؓ juga telah meriwayatkan mengenai perkara yang sama bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Khusyuk yang mengandungi nifaq ialah pada zahirnya anggota badan nampak seolah-olah khusyuk sedangkan dalam hati tidak ada khusyuk."

Hazrat Qatadah ؓ berkata bahawa hati yang khusyuk ialah yang mempunyai ketakutan kepada Allah ﷻ dan pandangannya tunduk ke bawah dalam solah. Sekali Rasulullah ﷺ melihat seorang sedang bersolah sambil tangannya mengusap-ngusap janggutnya. Baginda ﷺ bersabda, "Sekiranya hatinya khusyuk maka seluruh anggotanya akan tenang." Sekali Hazrat 'Aishah r.anha bertanya kepada Rasulullah ﷺ tentang kelakuan seorang yang memandang ke sana ke sini dalam solah. Jawab Baginda ﷺ, "Syaitan telah merosakkan solahnya."

Sekali Rasulullah ﷺ bersabda, "Orang yang memandang ke atas dalam solah hendaklah meninggalkan kelakuan tersebut, kalau tidak penglihatannya akan hilang."

Diriwayatkan daripada ramai para sahabat dan tabiin bahawa khusyuk ialah tenang, yakni solah hendaklah ditunaikan dengan penuh ketenangan. Terdapat dalam banyak hadith bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Dirikanlah solah seolah-olah itulah solah kamu yang terakhir. Kerjakanlah solah seperti seseorang yang bersolah dengan menganggap dia tidak lagi berkesempatan untuk bersolah pada waktu yang akan datang."

HADITH 7

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ ﷺ قَالَ سُئِلَ النَّبِيُّ ﷺ عَنْ قَوْلِ اللهِ تَعَالَى إِنَّ الصَّلاَةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ فَقَالَ مَنْ لَمْ تَنْهَهُ صَلاَتُهُ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ فَلاَ صَلاَةَ لَهُ. أخرجه ابن أبي حاتم وابن مردويه كذا في الدر المنثور.

Diriwayatkan daripada Hazrat 'Imran bin Husain ﷺ katanya bahawa seorang telah bertanya kepada Rasulullah ﷺ mengenai maksud firman Allah ﷻ yang berikut:

إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ تَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ...

"Sesungguhnya solah itu mencegah daripada (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar...." (al-Ankabut:45)

Baginda ﷺ menjawab, "Sesiapa yang solahnya tidak dapat mencegahnya daripada perbuatan keji dan mungkar maka solahnya itu bukanlah solah sebenarnya." (Hadith riwayat Imam Ibnu Abi Hatim)

Keterangan

Tidak diragui lagi bahawa solah adalah amalan yang sangat besar nilainya. Jika solah dilaksanakan dengan cukup sempurna maka pasti hasilnya ialah solah itu dapat mencegah daripada perbuatan yang tidak patut dilakukan. Sekiranya hasil tersebut tidak didapati maka sebenarnya solah itu belum sempurna. Perkara ini banyak dinyatakan dalam hadith. Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma berkata, "Solah mencegah seseorang daripada melakukan dosa dan solah menjauhkannya daripada kemungkaran." Hazrat Abul 'Aliyah ﷺ berkata bahawa maksud firman Allah ﷻ yang berikut:

إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ تَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ...

ialah bahawa dalam solah ada tiga perkara: pertama ikhlas, kedua perasaan takut kepada Allah ﷻ, ketiga zikrullah yakni

mengingati Allah ﷻ. Sekiranya solah yang tidak mengandungi ketiga-tiga perkara tersebut maka solah itu bukanlah solah. Ikhlas mendorong kepada amalan kebaikan, perasaan takut kepada Allah ﷻ mencegah seseorang daripada perbuatan keji. Zikrullah dalam solah ialah bacaan al-Quran yang sememangnya merupakan pendorong kepada kebaikan dan pencegah daripada kemungkaran.

Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ pernah bersabda, "Solah yang tidak dapat mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar maka solahnya itu tidak mendekatkan seseorang kepada Allah ﷻ bahkan menjauhkannya daripada Allah ﷻ." Hazrat Hasan رضي الله عنه juga telah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Seorang yang solahnya tidak dapat mencegahnya daripada perkara-perkara yang keji maka itu bukanlah solah. Solah yang sedemikian menjauhkannya daripada Allah ﷻ."

Hazrat 'Abdullah bin 'Umar r.anhuma juga meriwayatkan perkara yang sama daripada Rasulullah ﷺ. Hazrat 'Abdullah bin Mas'ud رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda, "Seorang yang tidak dapat mentaati solah maka solahnya itu tidak bermakna. Yang dimaksudkan dengan mentaati solah ialah mencegah diri daripada perbuatan keji dan mungkar."

Hazrat Abu Hurairah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa seorang telah datang menemui Rasulullah ﷺ dan bertanya tentang seorang yang banyak bersolah pada waktu malam namun menjelang subuh dia mencuri. Jawab Baginda ﷺ, "Tidak lama lagi solahnya akan mencegahnya daripada perbuatan tersebut." Ini menunjukkan bahawa seseorang yang biasa melakukan perbuatan yang buruk hendaklah mengambil berat untuk menyibukkan diri dengan menunaikan solah maka dengan sendirinya dia akan terhindar daripada perbuatan-perbuatan yang buruk. Usaha untuk meninggalkan setiap perbuatan yang buruk adalah susah dan memerlukan masa yang panjang. Sementara mengambil berat untuk menunaikan solah adalah mudah dan tidak memerlukan masa yang panjang. Melalui keberkatan solah dengan sendirinya semua perbuatan buruk akan ditinggalkannya satu demi satu. Semoga Allah ﷻ mengurniakan juga kepadaku taufik untuk melakukan solah dengan sempurna.


HADITH 8

عَنْ جَابِرٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ أَفْضَلُ الصَّلَاةِ طُولُ الْقُنُوتِ.

أخرجه ابن أبي شيبة ومسلم والترمذي وابن ماجة كذا في الدر المنثور، وَفِيْهِ أَيْضًا عَنْ مُجَاهِدٍ فِي قَوْلِهِ تَعَالَى وَقُوْمُوْا لِلَّهِ قَانِتِيْنَ، قَالَ مِنَ الْقُنُوْتِ الرُّكُوْعِ وَالْخُشُوْعِ وَطُوْلِ الرُّكُوْعِ يَعْنِيْ طُولَ الْقِيَامِ وَغَضِّ الْبَصَرِ وَخَفْضُ الْجَنَاحِ وَالرَّهْبَةُ لله وَكَانَ الْفُقَهَاءُ مِنْ أَصْحَابِ مُحَمَّدٍ ﷺ إِذَا قَامَ أَحَدُهُمْ فِي الصَّلَاةِ يَهَابُ الرَّحْمَنَ أَنْ يَلْتَفِتَ أَوْ يَقْلِبَ الْحَصَى أَوْ يَشُدَّ بَصَرَهُ أَوْ يَعْبَثَ بِشَيْءٍ أَوْ يُحَدِّثَ نَفْسَهُ بِشَيْءٍ مِنْ أَمْرِ الدُّنْيَا إِلَّا نَاسِيًا حَتَّى يَنْصَرِفَ.

أخرجه سعيد بن منصور وعبد بن حميد وابن جرير وابن المنذر وابن حاتم والأصبهاني في الترغيب والبيهقي في شعب الإيمان اهـ وهذا آخر ما أردت إيراده في هذه العجالة رعاية لعد الأربعين والله ولي التوفيق وقد وقع الفراغ منه ليلة الروية من سنة سبع وخمسين بعد الف وثلثمائة والحمد لله أولا وآخرا.

Diriwayatkan daripada Hazrat Jabir ﷺ katanya Rasulullah ﷺ bersabda, “Solah yang paling baik ialah solah yang ‘qunutnya’ panjang.” Dalam menjelaskan ayat:




“Dan berdirilah kerana Allah (dalam solahmu) dalam keadaan ‘qanitin’.” (al-Baqarah : 238)

Hazrat Mujahid rah. menyatakan bahawa maksud ‘qanitin’ di sini termasuklah rukuk, khusyuk, rakaat yang panjang yakni lama berdiri, mata tunduk ke bawah, merendahkan bahu (yakni tidak berdiri tegak menggambarkan kesombongan) dan takut kepada Allah ﷻ (perintah dalam ayat tersebut termasuklah ke semua perkara ini). Apabila para sahabat ﷺ berdiri menunaikan solah maka mereka begitu takut kepada Allah ﷻ untuk memandang-mandang ke sana ke sini, atau membolak-balikkan anak-anak batu ketika sujud atau melakukan perkara yang sia-sia dan mengingati hal-hal keduniaan dalam hati kecuali yang terlintas secara tidak sengaja. (Hadith riwayat Imam Muslim, Tirmizi dan Ibnu Majah)

Keterangan


Terdapat berbagai-bagai penafsiran yang telah dibuat mengenai ayat:



Salah satu makna "قانتين" (qaniteen) ialah diam dan senyap. Pada permulaan Islam, bercakap, memberi salam, menjawab salam dan sebagainya ketika bersolah adalah dibenarkan. Namun setelah turunnya ayat ini maka bercakap-cakap dalam solah tidak dibenarkan lagi. Hazrat 'Abdullah bin Mas'ud ﷺ berkata, "Pada suatu ketika saya pergi menemui Rasulullah ﷺ dan pada waktu itu Baginda ﷺ sedang bersolah. Biasanya Baginda ﷺ akan menjawab salam saya maka saya pun memberi salam. Namun, Baginda ﷺ tidak menjawab. Saya mula bimbang dan berasa mungkin kemurkaan daripada Allah ﷻ telah menimpa diri saya. Ingatan tentang pelbagai peristiwa mulalah menyelubugi fikiran saya. Saya terfikir tentang peristiwa-peristiwa lama, mungkin Rasulullah ﷺ memarahi saya kerana apa-apa yang telah saya lakukan. Setelah menunaikan solah, Baginda ﷺ bersabda, "Allah ﷻ mengubah perintahNya sebagaimana yang disukaiNya. Sekarang Dia telah melarang daripada bercakap dalam solah." Lalu Baginda ﷺ membaca ayat, وقوموا لله قانتين "Dan berdirilah kerana Allah ﷻ (dalam solahmu) dengan taat dan khusyuk" dan menjelaskan bahawa sekarang solah hanyalah untuk zikir dan tasbih serta memuji-muji Allah ﷻ dan tidak dibenarkan bercakap perkara-perkara yang lain.

Hazrat Mu'awiyah bin Hakam Sulmi ﷺ berkata, "Apabila saya pergi ke Madinah Munawarah untuk memeluk agama Islam maka banyaklah perkara yang diajarkan kepada saya. Antara perkara itu ialah apabila seseorang bersin dan mengucap " الحمدلله " (Alhamdulillah) maka saya perlu menjawab dengan berkata " يرحمك الله " (Yarhamukallah). Oleh sebab amalan ini baru saya pelajari, saya belum mengetahui bahawa amalan ini tidak boleh dilakukan semasa bersolah. Seorang sahabat telah bersin ketika solah maka saya menjawab "يرحمك الله"(Yarhamukallah). Setiap orang yang ada berhampiran dengan saya merenung tajam kepada saya sebagai memberi peringatan. Pada ketika itu saya masih belum mengetahui bahawa bercakap dalam solah tidak dibenarkan, lantas

saya pun berkata, "Sangatlah mendukacitakan, mengapa kamu semua merenung kepada saya dengan pandangan yang begitu tajam?" Mereka mengisyaratkan kepada saya supaya diam. Saya pun terus diam, walaupun masih tidak memahami isyarat mereka. Setelah selesai menunaikan solah, Baginda ﷺ tidak pun memarahi dan mengherdik saya. Baginda ﷺ hanya bersabda, "Dalam solah tidak dibenarkan bercakap-cakap. Solah hanyalah untuk bertasbih, bertakbir dan membaca al-Quran." Demi Allah saya tidak pernah melihat seorang guru yang penyayang seperti Baginda ﷺ, sama ada sebelum atau selepasnya. Tafsiran yang kedua yang diriwayatkan daripada Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma ialah 'qanitin'(قانتين) bermakna 'khashieen' (خاشعين) yakni orang yang mendirikan solah dengan khusyuk. Tafsiran tentang khusyuk sama seperti yang diriwayatkan daripada Mujahid rah. sebagaimana yang disebutkan sebelum ini iaitu rakaat yang panjang, mengerjakan dengan khusyuk dan khudu, pandangan ditundukkan ke bawah dan takut kepada Allah , semua ini termasuk dalam khusyuk. Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma berkata bahawa pada permulaan Islam, ketika bersolah pada waktu malam, Rasullullah ﷺ akan mengikat dirinya dengan tali untuk menghindarkan diri daripada terjatuh apabila terlalu mengantuk. Lantaran itu turunlah ayat berikut:



"Toha. Kami tidak menurunkan al-Quran ini kepadamu agar kamu mendapat kesusahan." (Toha : 1,2)

Terdapat dalam banyak hadith yang memberitahu bahawa Rasulullah ﷺ bersolah dengan rakaat yang begitu panjang sehingga kaki Baginda ﷺ menjadi bengkak. Namun, kerana sayang dan belasnya Rasulullah ﷺ terhadap kita, Baginda ﷺ menasihati kita agar berusaha melakukan sesuatu mengikut kemampuan dan ketahanan diri kita. Jangan sampai kita memikul beban lebih daripada kemampuan yang akhirnya kita tidak terpikul kesemua bebanan itu. Seorang sahabiah r.anha juga telah mula mengikat badannya dengan tali lantas Rasulullah ﷺ telah mencegahnya. Walau bagaimanapun, berdasarkan kemampuan masing-masing, seseorang itu digalakkan memperpanjang rakaat dalam solahnya

kerana amalan ini lebih elok dan lebih afdal. Sudah tentu ada sesuatu yang istimewa yang menyebabkan Rasulullah ﷺ sendiri sering menunaikan solah dengan rakaat yang panjang-panjang sehingga kaki Baginda ﷺ menjadi bengkak. Para Sahabat ؓ berkata, "Dalam surah al-Fath Allah ﷻ telah menjanjikan keampunan untuk tuan." Maka jawab Rasulullah ﷺ, "Tidakkah sewajarnya saya menjadi seorang hamba Allah yang bersyukur?" Diriwayatkan dalam sebuah hadith yang lain bahawa ketika Rasulullah ﷺ sedang bersolah suara tangisan Baginda ﷺ (akibat nafas yang tersekat-sekat) kedengaran dari dada Baginda ﷺ seumpama bunyi batu pengisar. Dalam riwayat yang lain, bunyinya seumpama air yang mendidih di dalam periuk (الترغيب والترهيب – at-Targhib Wat-Tarhib).

Hazrat 'Ali ؓ berkata, "Dalam peperangan Badar saya melihat Rasulullah ﷺ bersolah di bawah sepohon pokok dan Baginda ﷺ menangis tidak berhenti-henti sehinggalah menjelang subuh."

Diriwayatkan dalam banyak hadith bahawa Allah ﷻ sangat-sangat gembira melihat beberapa golongan manusia. Antaranya ialah seorang yang tidur pada waktu malam pada musim sejuk, berselimut di atas tilam yang empuk dan disisinya terdapat isteri yang cantik lagi menawan hati. Namun, dalam keadaan sebegini dia bangun meninggalkan semua keselesaan itu lalu mengerjakan solah tahajud. Allah ﷻ begitu gembira dan berbangga dengan perbuatan itu lalu bertanya kepada para malaikat (walaupun Allah Maha Mengetahui perkara yang ghaib), "Apakah yang mendorong hambaku itu untuk melakukan sedemikian?" Maka dijawab oleh para malaikat, "Dia mengharapkan kurniaan dan kasih sayangMu dan takut terhadap kemurkaanMu." Lalu Allah ﷻ pun berfirman, "Kami kurniakan kepadanya segala yang diharapkannya dan menyelamatkannya daripada segala yang ditakutinya." Rasulullah ﷺ bersabda, "Tidak ada sesuatu kurniaan pun yang lebih baik bagi seseorang daripada Allah ﷻ melainkan mendapat taufik untuk mengerjakankan dua rakaat solah."

Terdapat banyak riwayat dalam al-Quran dan hadith bahawa para malaikat sepanjang masa sibuk dengan beribadat. Satu jemaah malaikat berada dalam keadaan rukuk sampai ke hari kiamat. Begitu juga, satu jemaah malaikat berada dalam keadaan sujud dan

begitu juga satu jemaah malaikat lagi berada dalam keadaan berdiri (seperti dalam solah). Untuk memuliakan dan meninggikan orang yang beriman maka Allah ﷻ menganugerahkan kepada mereka dua rakaat solah yang menyamai segala perbuatan para malaikat itu supaya memperoleh setiap bahagian daripada ibadat malaikat. Pembacaan al-Quran dalam solah melebihkan lagi nilai solah daripada ibadat para malaikat. Oleh sebab solah adalah gabungan daripada ibadat-ibadat para malaikat maka dengan adanya sifat mereka akan membawa kemanisan dalam solah. Oleh itu, Rasulullah ﷺ bersabda, "Ringankanlah pinggang dan perut kamu untuk bersolah" (الجامع الصغير). Yang dimaksudkan dengan 'ringankan pinggang' ialah jangan membebankan diri dengan perbalahan dan perselisihan. Yang dimaksudkan dengan 'ringankan perut' ialah jangan makan terlalu kenyang kerana makan terlalu kenyang akan melahirkan sifat malas dan lembap.

Para sufi berkata bahawa dalam solah terdapat dua belas ribu keberkatan yang Allah ﷻ berikan menerusi dua belas perkara. Kesemua perkara ini sangat penting diberi perhatian supaya solah menjadi sempurna dan memperoleh faedah yang sepenuhnya. Dua belas perkara itu adalah seperti berikut: **Pertama** ilmu, Rasulullah ﷺ bersabda bahawa amal yang sedikit disertai dengan ilmu adalah lebih baik daripada amal yang banyak dalam keadaan jahil, **kedua** wuduk, **ketiga** pakaian, **keempat** waktu, **kelima** menghadap ke arah qiblat, **keenam** niat, **ketujuh** takbiratul-ihram, **kelapan** berdiri tegak, **kesembilan** membaca ayat-ayat al-Quran, **kesepuluh** rukuk, **kesebelas** sujud dan **keduabelas** duduk ketika membaca tahiyat dan kesempurnaan bagi kesemua perkara di atas adalah apabila disertai dengan keikhlasan. Kemudian setiap satu daripada duabelas perkara ini dibahagikan kepada tiga bahagian. **Ilmu** mempunyai tiga bahagian: pertama mengetahui perkara-perkara fardu dan sunat dalam hukum ahkam agama, kedua mengetahui perkara-perkara yang fardu dan sunat dalam solah dan wuduk dan ketiga mengetahui cara-cara tipu daya syaitan untuk merosakkan solah. **Wuduk** juga mempunyai tiga bahagian: pertama mensucikan hati daripada perasaan hasad dan dengki sebagaimana anggota zahiriah dibersihkan, kedua anggota-anggota zahir perlu berada dalam keadaan suci daripada dosa dan ketiga anggota wuduk hendaklah dibersihkan dengan sempurna tanpa membazirkan air. **Pakaian** juga

mempunyai tiga bahagian: pertama memperolehnya daripada sumber yang halal, kedua pakaian itu hendaklah suci dan ketiga pakaian itu hendaklah dipakai mengikut sunnah yakni jangan labuh sehingga menutupi buku lali dan jangan pakai dengan perasaan takabur dan besar diri. **Waktu** juga mempunyai tiga bahagian yang sangat penting dan patut diambil berat: pertama mengambil berat tentang kedudukan matahari, bintang dan sebagainya supaya dapat mengetahui waktu solah yang betul (pada zaman kita jam dapat digunakan untuk tujuan tersebut), kedua berwaspada tentang azan dan ketiga hati sentiasa mengingati waktu solah, supaya tidak berlalu tanpa disedari. Dalam **menghadap qiblat** tiga perkara perlu diambil berat: pertama anggota zahir menghadap ke arah qiblat, kedua hati tawajuh kepada Allah ﷻ kerana Dialah kaabah kepada hati dan ketiga menghadap dengan penuh tawajuh di hadapan Allah ﷻ sebagaimana selayaknya. **Niat** juga perlu kepada tiga perkara: pertama mengetahui solah yang hendak dikerjakan itu, kedua sedar bahawa kita berdiri di hadapan Allah ﷻ dan Dia sedang melihat kita dan ketiga sedar bahawa Allah ﷻ juga mengetahui segala yang terkandung dalam hati kita. Semasa mengangkat **takbiratul-ihram** juga tiga perkara perlu diberi perhatian: pertama sebutan hendaklah betul, kedua mengangkat tangan sehingga ke telinga seolah-olah telah membuang ke belakang segala-galanya selain daripada Allah ﷻ dan ketiga ketika 'Allahu Akbar' disebut hati hendaklah penuh dengan kebesaran dan keagungan Allah ﷻ. **Qiam** yakni berdiri tegak juga mempunyai tiga perkara: pertama pandangan hendaklah tertumpu ke tempat sujud, kedua hati hendaklah membayangkan bahawa kita sedang berdiri di hadapan Allah ﷻ dan ketiga jangan memberi perhatian kepada perkara-perkara yang lain. Sesiapa yang melihat ke sana ke sini semasa bersolah adalah seumpama seorang yang mendapat peluang menghadap raja selepas bersusah payah memujuk dan merayu pengawal-pengawal istana. Apabila raja mula memberi perhatian kepadanya dia pula mulai melihat ke sana ke sini. Dalam keadaan sedemikian bagaimana pula raja akan memberi perhatian kepadanya? Dalam **qiraat** (bacaan ayat-ayat al-Quran) juga tiga perkara perlu diberi perhatian: pertama membaca dengan tartil, kedua hayatilah makna bacaan ayat-ayat al-Quran dan ketiga mengamalkan segala yang dibaca. **Rukuk** juga mempunyai tiga perkara: pertama belakang hendaklah lurus, tidak ke bawah dan

tidak ke atas (ulamak memberitahu bahawa kepala, belakang dan pinggang hendaklah berkeadaan lurus) kedua jari-jari tangan direnggangkan sewaktu memegang lutut dan ketiga bertasbih dalam keadaan tenang serta hati penuh dengan kebesaran Allah ﷻ. Dalam **sujud** juga tiga perkara perlu diberi perhatian: pertama semasa sujud kedua-dua tapak tangan perlu sejajar dengan telinga, kedua kedua-dua siku ditinggikan dari lantai dan ketiga membaca tasbih dengan rasa kebesaran terhadap Allah ﷻ. Semasa **duduk ketika tahiyat** juga tiga perkara perlu dijaga: pertama tegakkan tapak kaki kanan dan duduk di atas kaki kiri (pada tahyat awal), kedua bacalah tahyat dengan penuh khusyuk dan rasa kebesaran terhadap Allah ﷻ serta menghayati bacaan dalam tahiyat kerana dalam bacaan itu mengandungi selawat dan salam ke atas Rasulullah ﷺ dan doa untuk orang mukmin dan ketiga semasa memberi salam hendaklah berniat untuk mengucap salam kepada para malaikat serta kepada mereka yang berada di sebelah kanan dan kiri. **Ikhlas** juga mempunyai tiga perkara: pertama tujuan mengerjakan solah adalah semata-mata untuk mendapat keredaan Allah ﷻ, kedua menyakini bahawa hanya dengan taufik Allah ﷻ kita dapat menunaikan solah dan ketiga mengharapkan ganjaran yang dijanjikan oleh Allah ﷻ menerusi solah yang dikerjakan.

Sebenarnya solah mengandungi begitu banyak kebaikan dan keberkatan. Setiap lafaz dan sebutan dalam solah mengandungi keistimewaan dan menggambarkan keagungan Allah ﷻ contohnya doa pada permulaan solah pun mengandungi begitu banyak fadhilat, apatah lagi amalan-amalan lain dalam solah.

' سُبْحَانَكَ اَللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ وَتَبَارَكَ اسْمُكَ وَتَعَالَى جَدُّكَ وَلاَ إِلَهَ غَيْرُكَ '

(Maha Suci Engkau, ya Allah, suci daripada segala keaiban dan jauh daripada keburukan dan segala puji bagiMu, setiap puji-pujian dan sanjungan hanya layak untuk Mu dan namaMu yang maha berkat, yang akan memberkati sesiapa sahaja jika namaMu disebut dan Maha Tinggi KemuliaanMu, kebesaran dan kemuliaanMu, mengatasi segala-galanya dan tidak ada yang berhak disembah melainkan Engkau, tiada Zat yang layak di sembah sebelum dan akan datang melainkan Engkau)[1]

---

[1] Doa Iftitah ini diamalkan dalam mazhab Hanafi yang diriwayatkan daripada Hazrat Ibnu Mas'ud ؓ dan doa Iftitah dalam mazhab Syafie' ialah sebagaimana yang sedia maklum:(sambung di m.s. 122)

Demikianlah semasa rukuk membaca , ‘سبحان ربى العظيم’ (Maha Suci Allah ﷻ Yang Maha Besar) suci daripada segala keaiban. Rukuk menzahirkan kelemahan dan ketidakupayaan kita di hadapan Allah ﷻ. Memanjangkan leher menunjukkan takabur dan menundukkan kepala dan leher ketika rukuk menandakan ikrar ketaatan dan kesetiaan. Melalui rukuk seseorang itu seolah-olah berikrar, “Saya tunduk di hadapan segala hukum ahkamMu serta menjunjung ketaatan dan kesetiaan di atas kepalaku dengan penuh rasa kehambaan. Tubuh badanku yang berdosa hadir dan tunduk di hadapan Engkau Yang Maha Besar dan Yang Maha Agung.” Begitu juga dengan bacaan ‘سُبْحَانَ رَبِّىَ الأعْلَى’ (Maha Suci Allah ﷻ Yang Maha Tinggi) ketika sujud kita berikrar atas kebesaran dan kemuliaan Allah ﷻ yang tidak terbatas. Ikrar ini juga menggambarkan kesucian Allah ﷻ daripada segala kelemahan dan kekurangan. Kepala, yang merupakan anggota badan yang termulia, termasuk anggota-anggota yang sangat di kasihi iaitu mata, telinga, hidung dan lidah diletak di hadapan Allah ﷻ. Melalui sujud seseorang itu seolah-olah berikrar bahawa anggota-anggota yang mulia dan yang aku kasihi ini hadir di hadapanMu berada di atas lantai dengan harapan Engkau menganugerahi rahmatMu kepadaku dan kasihanilah aku. Merendahkan diri di hadapan Allah ﷻ bermula daripada qiam iaitu berdiri tegak dengan kedua-dua tangan juga digunakan dalam memberi penghormatan kepada Allah ﷻ. Sifat rendah diri ini bertambah melalui tunduk dalam rukuk dan kemuncaknya apabila hidung dan kepala diletak di atas bumi di hadapan Allah ﷻ. Beginilah keadaan bersolah yang sebenar dan sepatutnya dilakukan di sepanjang solah. Solah sebeginilah yang merupakan asas kejayaan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat. Semoga Allah ﷻ dengan limpah rahimNya mengurniakan taufik kepada saya dan sekalian orang Islam untuk mengerjakan solah yang sedemikian itu. آمين

"وجهت وجهي للذي فطر السماوات والأرض حنيفا وما أنا من المشركين إن صلاتي ونسكي ومحياي ومماتي لله رب العالمين لا شريك له وبذلك أمرت وأنا من المسلمين" أخرجه مسلم من حديث علي.

SOLAH BEBERAPA ORANG SAHABAT, TABIIN DAN AHLULLAH

Sebagaimana yang diterangkan oleh Hazrat Mujahid ؓ, solah yang dikerjakan oleh fukaha[1] di kalangan para sahabat adalah seperti berikut. Apabila mereka berdiri mengerjakan solah maka mereka berdiri dengan penuh takut kepada Allah ﷻ. Semasa Hazrat Hasan ؓ mengambil wuduk wajahnya berubah menjadi pucat. Apabila ditanya sebab wajahnya menjadi pucat maka beliau menjawab, "Telah datang masanya untuk saya menghadap Allah ﷻ Raja Yang Maha Perkasa." Setelah berwuduk beliau menuju ke masjid dan apabila sampai di pintu masjid beliau pun berdoa:

"اِلٰهِيْ عَبْدُكَ بِبَابِكَ يَامُحْسِنُ قَدْ اَتَاكَ الْمُسِيْءُ وَ قَدْ اَمَرْتَ الْمُحْسِنَ مِنَّا اَنْ
يَتَجَاوَزَ عَنِ الْمُسِيْءِ فَاَنْتَ الْمُحْسِنُ وَاَنَا الْمُسِيْءُ فَتَجَاوَزْ عَنْ قَبِيْحِ مَا عِنْدِيْ
بِجَمِيْلِ مَا عِنْدَكَ يَا كَرِيْمُ "

"Ya Allah, hambaMu ini berada di pintuMu. Wahai Pemilik Sifat Yang Baik, telah datang kepadaMu hamba yang jahat ini. Engkau telah memerintahkan kepada mereka yang baik di kalangan kami supaya memberi maaf kepada orang yang membuat kejahatan. Ya Allah, Engkaulah Yang Maha Berbuat baik dan akulah yang banyak melakukan kejahatan. Oleh itu maafkanlah keburukan yang ada padaku dengan kebaikan yang ada padaMu, Wahai Yang Maha Mulia." Selepas itu barulah beliau masuk ke dalam masjid.

Hazrat Zainul 'Abidin rah. bersolah seribu rakaat setiap hari. Beliau tidak pernah meninggalkan solah tahajud, walaupun dalam perjalanan mahupun di rumah. Semasa beliau berwuduk, wajahnya berubah menjadi pucat dan badannya menggeletar tatkala berdiri mengerjakan solah. Seorang bertanya sebab berlakunya sedemikian. Dijawabnya, "Tidakkah kamu tahu di hadapan siapakah saya berdiri?" Semasa beliau sedang bersolah, tiba-tiba rumahnya terbakar dan beliau tetap meneruskan solahnya. Apabila orang

[1] Yang mahir dalam bidang ilmu fikah.

ramai bertanya mengenai kebakaran itu, beliau menjawab, "Ingatanku terhadap api akhirat telah melupakan api dunia ini." Beliau pernah berkata, "Aku sungguh hairan terhadap orang yang takabur yang dahulunya adalah berasal daripada air mani yang jijik dan akhirnya akan menjadi bangkai, masih lagi dia menyombongkan diri." Beliau sentiasa berkata, "Sungguh menghairankan, orang ramai begitu runsing tentang rumah yang akan binasa di dunia ini tetapi tidak pun runsing tentang rumah yang akan kekal di akhirat." Beliau selalu bersedekah pada waktu malam secara sembunyi. Orang ramai tidak pun mengetahui pemberi sedekah tersebut. Hanya setelah beliau meninggal dunia baharulah diketahui bahawa terdapat seratus rumah yang telah disara oleh beliau (نزهة البساتين -Nuzhatul-Basatin).

Adalah diriwayatkan tentang Hazrat 'Ali ﷺ, bahawa apabila tiba waktu solah wajahnya akan berubah dan badannya akan menggeletar. Apabila ditanya, beliau menjawab, "Sudah sampai masanya untuk menunaikan amanah yang langit dan bumi pun tidak dapat memikul amanah tersebut. Gunung-ganang pun tidak mampu untuk memikul amanah itu. Saya tidak tahu sama ada saya dapat menyempurnakan amanah itu atau tidak."

Tatkala Hazrat 'Abdullah bin 'Abbas r.anhuma mendengar azan, beliau menangis begitu dahsyat sehingga cadarnya[1] basah. Urat-uratnya timbul dan matanya akan menjadi merah. Seorang berkata kepada beliau, "Kami juga mendengar azan tetapi azan tersebut tidak memberi apa-apa kesan kepada kami tetapi tuan begitu gelisah sekali." Jawab beliau, "Sekiranya manusia mengetahui perkara yang dilaungkan oleh muazin maka pasti lenyaplah segala ketenangan serta hilanglah mengantuknya." Setelah itu beliau menjelaskan satu persatu peringatan yang terkandung dalam kalimat-kalimat azan. Seorang menceritakan, "Aku menunaikan solah 'asar di belakang Hazrat Zunnun Misri rah. Apabila beliau menyebut 'Allah' ketika bertakbir maka kehebatan kebesaran Allah ﷻ menyelubungi dirinya sehingga jasadnya seolah-olah tidak ada roh lagi serta tidak sedarkan diri. Apabila lidahnya menyebut "Akbar" maka hatiku remuk disebabkan kehebatan takbirnya (نزهة البساتين -Nuzhatul-Basatin)." Hazrat Uwais Qarni

---

[1] Kain yang digunakan untuk menutup badan sebagai pengganti baju.

rah. adalah seorang wali Allah yang masyhur dan tabiin yang terunggul. Semasa bersolah kadang-kadang beliau akan menghabiskan sepanjang malam dalam rukuk dan kadang-kadang beliau akan menghabiskan sepanjang malam dalam satu sujud sahaja (نزهة البساتين -Nuzhatul-Basatin).

Hazrat 'Isam rah. bertanya kepada Hazrat Hatim Zahid Balkhi rah. "Bagaimanakah tuan mengerjakankan solah?" Beliau memberitahu, "Apabila menjelangnya waktu solah aku akan berwuduk dengan sempurna dalam keadaan tenang, kemudian aku menuju ke tempat solah. Aku akan berdiri dengan penuh tenang sambil membayangkan Ka'abah berada di hadapanku, titian sirat di bawah kakiku, syurga di kananku, neraka di kiriku, malaikat maut di atas kepalaku. Aku menganggap itulah solahku yang terakhir dan mungkin tidak akan berpeluang untuk menunaikan solah yang lain. Pada ketika itu hanya Allah ﷻ sahajalah yang mengetahui keadaan hatiku. Kemudian dengan perasaan rendah diri aku pun melafazkan 'Allahu Akbar'. Selepas itu aku membaca al-Quran dengan menghayati makna-makna bacaan ayat al-Quran itu. Aku rukuk dengan penuh tawaduk dan sujud dengan perasaan penuh hina. Demikianlah aku menyempurnakan solahku dengan tenang, dengan harapan bahawa Allah ﷻ akan menerima solahku dengan rahmatNya dan aku takut kalau-kalau solahku ditolak kerana amalan burukku." Hazrat 'Isam rah. bertanya, "Sudah berapa lamakah tuan bersolah sedemikian?" Hazrat Hatim rah. berkata, "Selama tiga puluh tahun." 'Isam rah. mulai menangis sambil berkata, "Aku sekalipun tidak berpeluang menunaikan solah sedemikian."

Dikatakan bahawa Hazrat Hatim rah. pernah sekali tertinggal solah berjemaah dan menyebabkan beliau sangat berdukacita. Hanya beberapa orang teman sahaja yang datang untuk mengucapkan takziah kepada beliau. Justeru, beliau menangis lalu berkata, "Sekiranya seorang anakku meninggal dunia maka separuh penduduk bandar Balkh akan datang mengucapkan takziah." Dalam riwayat yang lain beliau berkata, "Sekiranya seorang anakku meninggal dunia maka lebih daripada sepuluh ribu orang akan mengucapkan takziah kepadaku tetapi apabila aku kehilangan solah berjemaah hanya seorang dua yang datang mengucapkan takziah.

Ini adalah kerana musibah dalam agama dipandang ringan berbanding dengan musibah di dunia."

Hazrat Sa'id bin Musaiyab rah. berkata bahawa selama dua puluh tahun beliau sudah pun sedia berada di dalam masjid ketika azan dilaungkan. Hazrat Muhammad bin Wase' rah. berkata, "Dalam dunia ini aku hanya ingin tiga perkara: pertama seorang sahabat yang sentiasa memberi peringatan di atas kesalahanku, kedua rezeki yang cukup untuk keperluan hidup yang diperoleh tanpa sebarang pergaduhan dan ketiga solah berjemaah kerana sebarang kekurangan dalam solah itu diampunkan oleh Allah ﷻ dan mendapat ganjaran pahalanya." Sekali Hazrat Abu 'Ubaidah bin Jarrah ؓ mengimami solah. Setelah selesai beliaupun berkata, "Syaitan telah membuat satu serangan terhadapku. Dia memasukkan sesuatu supaya terlintas dalam hatiku bahawa akulah yang paling baik. Kebiasaannya orang yang paling baik dijadikan imam. Aku sekali-kali tidak akan menjadi imam lagi." Pada suatu hari Hazrat Maimun bin Mehran rah. pergi ke masjid dan didapatinya solah berjemaah telah pun selesai. Lalu beliau pun membaca, "إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُوْنَ" dan berkata, "Aku lebih menghargai kelebihan solah berjemaah daripada kerajaan Iraq."

Diriwayatkan bahawa apabila para wali Allah ini terlepas 'takbiratul ula' mereka akan berdukacita selama tiga hari. Sekiranya mereka ketinggalan solah berjemaah maka mereka akan berdukacita dan menyesal selama tujuh hari (إحياء علوم الدين -Ihya' Ulumud-din'). Hazrat Bakar bin 'Abdullah rah. berkata, "Jika kamu mahu kamu boleh berbicara dengan Allah ﷻ pada bila-bila masa tanpa perantaraan." Seorang bertanya, "Bagaimana caranya?" Jawabnya, "Berwuduklah dengan sebaik-baiknya lalu dirikanlah solah."

Hazrat 'Aishah r.anha berkata bahawa ketika Rasulullah ﷺ dan kami saling berbual-bual, apabila tiba sahaja waktu solah kelakuan Baginda ﷺ akan berubah sama sekali, seolah-olah Baginda ﷺ tidak mengenali kami lagi dan Baginda ﷺ sibuk memberi tumpuan yang sepenuhnya kepada Allah ﷻ. Semasa bersolah air mata Hazrat Sa'id Tannukhi rah. berterusan mengalir membasahi pipinya. Seorang telah bertanya kepada Hazrat Khalaf bin Ayub rah, "Tidakkah lalat mengganggu kamu semasa bersolah?" Beliau menjawab, "Aku tidak akan membiarkan diriku terkesan dengan sesuatu yang akan membawa kecacatan kepada

solahku. Penjenayah-penjenayah begitu tabah menahan sebatan daripada pihak berkuasa semata-mata supaya dikata orang bahawa mereka adalah orang yang tahan lasak dan kemudian menceritakan keadaan mereka itu dengan bangga sekali. Sedangkan aku berdiri di hadapan Tuhanku Yang Maha Berkuasa, adakah patut aku bergerak-gerak kerana seekor lalat?"

Ditulis dalam kitab 'بهجة النفوس' (Bahjatun Nufus) bahawa seorang sahabat ﷺ sedang bersolah pada waktu malam. Seorang pencuri telah datang lalu mencuri kudanya. Beliau terlihat kejadian tersebut namun solahnya tidak diberhentikan. Selepas peristiwa itu beliau ditanya, "Mengapa tuan tidak menangkap pencuri tersebut ?" Dijawabnya, "Solah yang sedang daku sibuk kerjakan adalah lebih bernilai daripada kuda itu."

Kisah masyhur mengenai Hazrat 'Ali ﷺ ialah apabila badan beliau terkena anak panah dalam peperangan, biasanya anak panah itu akan dicabut keluar semasa beliau sedang bersolah. Suatu ketika satu anak panah telah tertusuk pada pahanya. Orang ramai cuba menarik anak panah itu keluar tetapi tidak berjaya. Mereka pun bermesyuarat lalu mengambil keputusan bahawa anak panah tersebut perlu dikeluarkan ketika beliau bersolah. Apabila beliau mula mengerjakan solah sunat dan ketika beliau sedang sujud mereka menyentap anak panah itu sehingga tercabut. Setelah selesai bersolah beliau melihat ramai orang berada berhampirannya. Beliau berkata, "Adakah kamu datang untuk mencabut anak panah?" Mereka berkata, "Kami telah pun mencabut anak panah itu." Kata Hazrat 'Ali ﷺ, "Aku tidak sedar apa-apa pun."

Apabila Hazrat Muslim bin Yasar rah. hendak mengerjakan solah beliau akan memberitahu ahli keluarganya, "Teruskanlah perbualan kamu. Aku tidak akan sedar apa-apa yang kamu cakapkan." Hazrat Rabi' rah. berkata, "Apabila saya berdiri dalam solah, fikiran tentang soal jawab yang akan saya hadapi pada hari kiamat menguasai saya." Dikatakan bahawa apabila Hazrat 'Amir bin 'Abdullah rah. bersolah beliau tidak mendengar apa-apa perbualan ahli keluarganya malah paluan gendang pun tidak disedarinya. Seorang bertanya, "Adakah kamu menyedari apa-apa ketika bersolah?" Jawab beliau "Ya, aku tahu bahawa pada suatu hari nanti aku terpaksa berdiri di hadapan mahkamah Ilahi dan aku akan ke salah satu tempat, sama ada ke syurga ataupun ke neraka."

Orang tersebut berkata, “Bukan itu yang saya maksudkan, tetapi saya ingin tahu sama ada kamu sedar atau tidak tentang apa-apa yang kami perbualkan.” Beliau menjawab, “Bagi aku, lebih baik mata lembing menembusi diriku daripada mendengar percakapan kamu ketika aku bersolah.” Beliau juga pernah berkata, “Iman dan yakinku tidak akan bertambah walaupun suasana hari akhirat terpampang di hadapan mataku. ” (Yakni iman dan yakinnya begitu mantap dan tetap sama walaupun beliau dapat melihat perkara yang ghaib itu).

Salah satu daripada anggota badan seorang wali Allah perlu dipotong kerana mengalami sejenis penyakit. Orang ramai mengesyorkan supaya anggota badan itu dipotong ketika beliau sedang bersolah, kerana beliau tidak akan menyedarinya. Lalu anggotanya itu telah dipotong ketika beliau sedang bersolah.

Seorang wali Allah telah ditanya, “Adakah fikiran tentang dunia terlintas di hati tuan ketika bersolah?” Beliau menjawab, “Tidak pernah kufikirkan hal-hal dunia sama ada dalam solah mahu pun di luar solah.” Diriwayatkan satu kisah tentang seorang wali Allah bahawa beliau telah ditanya, “Adakah kamu teringat sesuatu ketika bersolah?” Beliau menjawab, “Adakah sesuatu perkara yang lebih berharga daripada solah untuk difikirkan ketika bersolah?” Ditulis dalam kitab ‘Bahjatun Nufus’(بهجة النفوس) bahawa seorang lelaki telah datang untuk menemui seorang wali Allah yang pada ketika itu sedang mengerjakan solah zuhur. Lelaki itu pun duduk menunggu. Setelah selesai mengerjakan solah zuhur, beliau mula mengerjakan solah sunat sehingga ‘asar. Lelaki itu tetap menunggu. Selepas selesai solah ‘asar beliau menyibukkan diri dalam berdoa sehingga waktu maghrib. Setelah mengerjakan solah maghrib beliau mula mengerjakan solah sunat sehingga waktu ‘isyak. Lelaki itu terpaksa terus menunggu. Setelah menunaikan solah ‘isyak beliau mula mengerjakan solah sunat sehingga ke waktu Subuh. Setelah menunaikan solah subuh beliau terus berzikir dan membaca wirid-wirid. Dalam keadaan duduk-duduk di atas sejadah sambil berzikir matanya terlelap. Maka terus beliau bangun menggosok-gosok matanya dan beristighfar, bertaubat dan membaca doa berikut, " "أَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ عَيْنٍ لَا تَشْبَعُ مِنَ النَّوْمِ" “Aku memohon perlindungan kepada Allah ﷻ daripada mata yang tidak puas daripada tidur.” Diriwayatkan tentang kisah seorang wali Allah yang cuba hendak

tidur pada waktu malam tetapi tidak dapat lena. Lalu beliaupun akan bangun mendirikan solah. Beliau berkata, "Wahai Allah, Dikau Maha Mengetahui bahawa kerana takutkan api nerakalah mengantukku telah lenyap." Setelah berkata sedemikian beliau akan sibuk mengerjakan solah sehingga waktu subuh.

Terdapat banyak kisah tentang wali Allah yang menghabiskan sepanjang malam dengan beribadat kerana gelisah dan asyik merindui Allah ﷻ, sehingga tidak mungkin dikumpulkan semua kisah itu dalam sebuah buku. Dewasa ini kenikmatan beribadat sedemikian telah begitu jauh daripada kita sehingga timbul keraguan terhadap kisah-kisah tersebut, walaupun terdapat banyak riwayat yang mutawatir[1] tentang kisah-kisah sebegini. Menolak kebenaran terhadap kisah-kisah ini bererti hilang kepercayaan terhadap sejarah kerana kebenaran sesuatu kisah terbukti dengan adanya banyak riwayat tentang sesuatu kisah itu. Kita sering melihat ramai orang yang sanggup berdiri di panggung-panggung wayang dan di tempat-tempat hiburan sepanjang malam. Mereka tidak pun berasa letih dan tidak juga mengantuk. Ini kerana mereka berasa nikmat melakukan perbuatan maksiat. Oleh itu, kita tidak patut meragui kisah-kisah di atas kerana para wali Allah tersebut juga telah merasai kenikmatan dalam beribadat. Tambahan pula, terdapat bantuan kekuatan daripada Allah ﷻ dalam mentaatiNya. Keraguan kita sekarang ini adalah semata-mata kerana kita tidak pernah mengecapi kenikmatan tersebut. Seumpama kanak-kanak yang masih mentah tidak mengetahui pengalaman orang dewasa.

Bertuahlah seseorang sekiranya Allah ﷻ menganugerahkan keseronokan dan kenikmatan dalam beribadat kepadaNya.

---

[1] Khabar yang diriwayatkan oleh bilangan perawi-perawi yang sebegitu ramai sehingga tidak masuk akal, mereka semua bermuafakat dalam melakukan pembohongan.

PERMINTAAN TERAKHIR

Para sufi menulis bahawa pada hakikatnya, solah adalah suatu bentuk munajat dan berbicara dengan Allah ﷻ yang tidak mungkin terlaksana dalam keadaan lalai. Ibadat-ibadat yang lain, selain solah, masih terlaksana walaupun dalam keadaan tiada tumpuan sepenuhnya kepada Allah ﷻ. Contohnya zakat, pada hakikatnya zakat merupakan suatu perbelanjaan harta. Amalan ini sememangnya amat berat bagi seseorang itu. Sekiranya zakat dilaksanakan dalam keadaan tiada tumpuan sepenuhnya kepada Allah ﷻ pun, namun amalan ini masih berat kerana tekanan nafsu tidak suka membelanjakan harta. Begitulah juga dengan puasa, sepanjang hari berada dalam keadaan lapar dan dahaga, menahan diri daripada keseronokan bersama suami isteri. Amalan-amalan puasa ini akan menundukkan hawa nafsu. Sekiranya amalan puasa ini dilaksanakan dengan tiada tumpuan sepenuhnya kepada Allah ﷻ pun, masih memberi kesan untuk menundukkan dan mengawal kehendak hawa nafsu. Sebaliknya dalam solah, sebahagian besar amalan adalah zikrullah dan bacaan ayat-ayat al-Quran. Sekiranya amalan tersebut dilakukan dalam keadaan lalai maka amalan tersebut tidak merupakan munajat dan berbicara dengan Allah ﷻ. Bahkan perbuatan ini adalah seperti kata-kata orang yang meracau semasa menghidap demam panas, apa-apa sahaja yang ada dalam hati maka itulah yang akan keluar di lidahnya tanpa sebarang kesusahan dan kata-kata itu tidak akan membawa sebarang manfaat. Demikian juga, oleh sebab solah telah menjadi suatu adat dan kebiasaan maka lazimnya perkataan-perkataan yang akan keluar dari lidah adalah tanpa sebarang tawajuh, kefahaman dan kesedaran. Perbuatan ini sama seperti seorang yang berkata-kata dalam keadaan mengigau. Kata-katanya itu tidak memberi sebarang faedah dan pendengar juga menyedari yang kata-kata itu tidak ditujukan kepadanya. Demikian juga, Allah ﷻ tidak akan memberi perhatian kepada solah yang dikerjakan tanpa tumpuan dan tawajuh. Oleh sebab itu, adalah sangat penting menunaikan solah dengan penuh tawajuh dan perhatian, mengikut kemampuan masing-masing.

Satu perkara yang perlu diberi perhatian iaitu sekiranya keadaan hati masih tidak dapat diwujudkan sebagaimana yang tersebut dalam kisah-kisah di atas, namun kita mesti menunaikan solah dalam apajua keadaan sekali pun. Tipu daya syaitan sememangnya dahsyat, iaitu lebih baik tidak bersolah daripada menunaikan solah dalam keadaan tidak sempurna dan lalai. Ini tidak betul sama sekali. Mengerjakan solah dalam keadaan tidak sempurna adalah lebih baik daripada tidak bersolah langsung, kerana seksaan terhadap meninggalkan solah adalah terlalu berat. Sekumpulan ulama telah mengeluarkan fatwa bahawa orang yang meninggalkan solah dengan sengaja telah sampai ke pintu kekufuran. Perkara ini telah diterangkan dengan terperinci dalam bab pertama kitab ini. Walau bagaimanapun, sangat perlu diusahakan untuk menunaikan solah mengikut hak yang sebenarnya dan mengerjakan solah sebagaimana yang ditunjukkan oleh salafussoleh kita. Semoga Allah ﷻ dengan limpah kurniaNya memberi taufik kepada kita untuk mengerjakan solah yang sempurna dan sekurang-kurangnya dalam seumur hidup kita biarlah terdapat satu solah kita yang layak untuk dipersembahkan kepada Allah ﷻ.

Akhir sekali, mengikut pendapat para muhaddithin terdapat kelonggaran dalam meriwayatkan hadith-hadith tentang fadhilat dan kelebihan amal dan sedikit sebanyak kelemahan dalam riwayat-riwayat tersebut masih boleh dimaafkan. Sementara itu kisah-kisah para solehin rahimahumullah adalah sebahagian daripada sejarah dan sememangnya kedudukan sejarah adalah rendah berbanding dengan kedudukan hadith.

وَمَا تَوْفِيْقِيْ إِلاَّ بِاللهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيْبُ رَبَّنَا ظَلَمْنَا اَنْفُسَنَا وَاِنْ لَمْ تَغْفِرْلَنَا
وَتَرْحَمْنَا لَنَكُوْنَنَّ مِنَ الْخٰسِرِيْنَ رَبَّنَا لاَ تُؤَاخِذْنَا اِنْ نَّسِيْنَا اَوْ اَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلاَ تَحْمِلْ
عَلَيْنَا اِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلاَ تُحَمِّلْنَا مَا لاَ طَاقَةَ لَنَا بِهِ
وَاعْفُ عَنَّا وَاغْفِرْلَنَا وَارْحَمْنَا اَنْتَ مَوْلاَنَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِيْنَ وَصَلَّى اللهُ
تَعَالٰى عَلٰى خَيْرِ خَلْقِهِ سَيِّدِ الْاَوَّلِيْنَ وَالْاٰخِرِيْنَ وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ وَاَتْبَاعِهِمْ وَحَمَلَةِ
الدِّيْنِ الْمَتِيْنِ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.